



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANKSIRIP TEMUBUAL BERSAMA DENGAN ENCIK AZLI BIN SULAIMAN, BEKAS
PESARA REJIMEN ASKAR DIRAJA MALAYSIA (RAMD), MENGENAI PERISTIWA
PENENTANGAN PENGGANAS KOMUNIS DI BENTONG, PAHANG.**

NURFARISHA JASMEEN BINTI JAMALUDIN

(2018263608)

NUR SYAKIRAH BINTI AZLI

(2018683276)

SEMESTER OKTOBER-FEBRUARI 2021

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANKSIRIP TEMUBUAL BERSAMA DENGAN ENCIK AZLI BIN SULAIMAN, BEKAS
PESARA REJIMEN ASKAR DIRAJA MALAYSIA (RAMD), MENGENAI PERISTIWA
PENENTANGAN PENGGANAS KOMUNIS DI BENTONG, PAHANG.**

NURFARISHA JASMEEN BINTI JAMALUDIN

(2018263608)

NUR SYAKIRAH BINTI AZLI

(2018683276)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER OKTOBER-FEBRUARI 2021



ENCIK AZLI BIN SULAIMAN

ISI KANDUNGAN

<i>Abstrak</i>	i-ii
<i>Penghargaan</i>	iii
<i>Senarai Abreviasi</i>	iv
<i>Singkatan Nama</i>	iv
<i>Rujukan Kata</i>	v-vi
1.0 Biografi Penemubual	1
1.1 Biografi Penemubual Pertama	1
1.2 Biografi Penemubual Kedua	1
2.0 Biografi Tokoh	2
2.1 Pengenalan kepada Tokoh	
3.0 Pengenalan Sejarah Lisan	3-4
4.0 Ulasan Literatur	5-6
4.1 Ulasan kepada Topik	
5.0 Transkrip Temubual	7-93
5.1 Bahagian I	
6.0 Ringkasan	94
7.0 Log Temubual	95-101
8.0 Kesimpulan	102
9.0 Ralat	103
10.0 Glosari	104-107
11.0 Indeks	108-109
12.0 Rujukan	110-111
13.0 Lampiran	112
13.1 Biografi Tokoh	
13.2 Surat Perjanjian	113
13.3 Senarai Soalan	114-122
13.4 Diari Penyelidikan	123-124
13.5 Lampiran Gambar	125-126

ABSTRAK

Transkrip ini berkisar tentang temubual bersama tokoh iaitu Encik Azli bin Sulaiman mengenai pengalaman beliau dalam menentang pengganas Komunis di Tanah Melayu. Temubual ini dijalankan selama 2 jam 11 minit di Jengka 9 dengan temubual bersemuka. Temubual ini dijalankan bagi meungungkap kisah-kisah semasa peristiwa penentangan pengganas Komunis berlaku. Tujuan temubual ini dijalankan adalah untuk mengkaji situasi semasa peristiwa berlaku yang terbahagi kepada tiga bahagian iaitu sebelum, semasa dan selepas peristiwa penentangan Komunis yang mengambil tempat di Bentong, Pahang. Selain itu, bagi mengetahui pengalaman tokoh ketika Komunis menyerang Tanah Melayu. Hal ini kerana temubual ini ingin mengungkap pengalaman tokoh yang dialami semasa peristiwa itu berlaku di samping memberi iktibar pada masyarakat. Temubual ini juga bertujuan untuk merungkaikan tugas tokoh semasa berlakunya peristiwa bersejarah tersebut yang mungkin tidak diketahui ramai.

Transcript of interview with ranges of figures, Mr Azli bin Sulaiman about his experiences in the fight against the Communist terrorists in Malaya. This interview was conducted for 2 hours 11 minutes in Jengka 9 with a face-to-face interview. This interview was conducted to reveal the stories during the events of the Communist terrorist resistance. The purpose of this interview was to study the situation during the events that were divided into three parts, namely before, during and after the Communist resistance events that took place in Bentong, Pahang. In addition, to know the experiences of the Communist invasion of Malaya. This is because this interview would like to reveal the experiences of the characters experienced during the event as well as give lessons to the community. This interview also aims to unravel the duties of the figure during the occurrence of such historical events that may not be known to many.

PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Pertama sekali, syukur ke hadrat Ilahi, atas izin-Nya kami mampu menyiapkan penyelidikan ini, Alhamdulillah.

Terima kasih kami ucapkan kepada Encik Azli bin Sulaiman yang berbesar hati serta tidak lokek bagi mengongsikan pengalaman beliau dan juga sudi memberi ruang kepada kami dan bersetuju menjadi sebahagian daripada kajian ini dan berkongsi maklumat walaupun terdapat halangan disebabkan oleh pandemik global ini.

Kami ingin menzahirkan ribuan terima kasih kepada Encik Jafalizan bin Md.Jali, selaku pensyarah kami bagi kursus ini. Dedikasi beliau amat tinggi dalam memberi nasihat, teguran dan motivasi sepanjang menamatkan kajian ini. Beliau juga banyak meluangkan masa untuk sesi perbincangan walaupun pada waktu lewat malam.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu dan bapa kami kerana memberi semangat dan motivasi untuk kami terus berjuang untuk menyiapkan penyelidikan ini. Jasa mereka akan dikenang.

Seterusnya, penghargaan kepada rakan seperjuangan memberi dorongan, bantuan dan Bekerjasama yang tidak berpeenghujung bagi menyiapkan tugas ini. Sekian, terima kasih setulus hati daripada kami.

Akhir sekali terima kasih kepada pihak Arkib Negara Malaysia kerana sudi menyumbangkan bahan-bahan yang berkaitan dengan penyelidikan ini untuk mengukuhkan lagi penyelidikan kami.

SENARAI ABREVIASI

Abreviasi	Maksud
CIA	Central Intelligent Agency
DLB	Dead Letter Box
GPMG	General Purpose Machine Gun
KIA	Kick In Action
MCE	Malayan Certificate of Education
MGLU	Malayan General Labour Union
MPAJA	Malayan People's Anti-Japanese Army
MPABA	Malayan People's Anti-British Arm
OC	Officer Commander Ministry Of Defence Malaysia Mindef
PATI	Pendatang Asing Tanpa Izin
PKM	Parti Komunis Malaya
PJM	Pingat Jasa Malaysia
RAMD	Rejimen Askar Melayu Diraja
RSO	Regional Security Officer
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia

SINGKATAN NAMA

NURFARISHA JASMEEN JAMALUDIN	NJJ
NUR SYAKIRAH AZLI	NSA
AZLI BIN SULAIMAN	ASU

RUJUKAN KATA

Singkatan	Maksud
Dah	Sudah
Tau	Tahu
Dak	Tidak
Takda	Tiada
Gerak	Bergerak
Kat	Dekat
Nak	Hendak
Pastu	Selepas itu
Je	Sahaja/Saja
Tu	Itu
Ni	Ini
Duk	Asyik
Besok	Esok
Abis	Habis
Sikit	Sedikit
Apani	Apa Ini
Keje	Kerja
Jaga	Menjaga
Letak	Meletak
Dulu	Dahulu
Pastu	Selepas Itu
Bagi Tau	Memberitahu
Atasi	Mengatas
Duk	Duduk
Gitu	Begitu
Takkan	Tidak Akan
Dan	Sempat
Tak dan	Tidak sempat
Situ	Di situ
Heli	Helikopter

Benti	Berhenti
-------	----------

1.0 Biografi Penemubual

1.1 Penemubual Pertama



Nama	Nurfarisha Jasmeen binti Jamaludin
Alamat	D/A Kampung Ulu Jelu, Raub, Pahang.
Emel:	fjasmeen@gmail.com
Program:	IM246

1.2 Penemubual Kedua



Nama	Nur Syakirah binti Azli
Alamat	D/A Kampung Panjang Banggu, Kota Bharu, Kelantan
Emel:	syakirahazli98@gmail.com
Program:	IM246

2.0 Biografi Tokoh



Nama	Azli bin Sulaiman
Alamat	D/AKampung Panjang Banggu, Kota Bharu, Kelantan
Emel:	azlisulaiman61@gmail.com
Profession:	Pesara Tentera
Bidang:	Keselamatan
Pangkat Tertinggi:	Mejar

3.0 Pengenalan Sejarah Lisan

Sejarah lisan memberi definisi mengumpul kenangan serta ulasan peribadi mengenai kepentingan sejarah melalui rakaman temubual yang secara umumnya berkenaan dengan penemubual bertanya akan soalan kepada orang yang ditemubual dan merakamnya di dalam bentuk audio atau video format (Ronald, 2003). Dia juga menyatakan bahawa temubual tersebut akan ditranskripkan, diringkaskan atau diindeks dan seterusnya akan disimpan di perpustakaan atau arkib. Dia juga turut menambah bahawa temubual tersebut akan digunakan untuk penyelidikan atau dipetik di dalam penerbitan, dokumentari video atau audio, pameran muzium, adaptasi drama atau di dalam pelbagai bentuk penyampaian awam. Seterusnya, sejarah lisan adalah termasuk rekod sejarah kerana pengalaman dan perspektif daripada kumpulan orang yang kemungkinan tersorok daripada sejarah (Robert, 2015). Sejarah lisan merujuk kepada usaha untuk merakam dan mendokumentasi peristiwa bersejarah atau fenomena sosial melalui pengalaman orang dan ingatan yang membolehkan kita memahami dengan lebih mendalam terhadap masa lampau (Mahani, 2018).

Walaubagaimanapun, menurut Nancy dia menjelaskan bahawa sejarah lisan memberi peluang terhadap orang yang tidak berpeluang untuk menulis memoir atau mengeluarkan dokumen sebagai peluang untuk mereka bercerita tentang masa lalu (Nancy, 2006). Dia juga menambah bahawa mendengar dengan lebih baik dapat mengajar ahli sejarah tentang isu yang penting terhadap manusia biasa ini kerana mereka mengkaji kaum minoriti, wanita, pekerja, orang tidak bernasib baik dan aktivis percaya yang sejarah lisan mampu memberi golongan terpinggir ini berpeluang untuk mengarahkan penyelidikan sejarah.

Warisan dianggap sebagai apa sahaja yang mempunyai sejarah atau nilai kebudayaan yang boleh dipelihara atau diwarisi. Walaubagaimanapun, menurut kepada komuniti atau badan yang mengawal selia warisan, yang mana menjaga dan melindung dalam inisiatif pemuliharaan, merangkumi warisan nyata seperti bangunan, tempat, tapak arkeologi, landskap dan warisan tidak nyata seperti bahasa, cerita, adat dan kepercayaan tradisional (Tonkis, 2011). Oleh itu, penyelidik telah memilih tajuk perjuangan rakyat tempatan semasa penentangan Komunis di Tanah Melayu.

Malaya menghadapi sebuah lagi konflik setelah hampir tiga tahun selepas berakhirnya penjajahan Jepun di Tanah Melayu (Su Lyn, n.d). Dia juga menerangkan bahawa pada

pagi 16 Jun 1948, negara telah menyaksikan tragedi pembunuhan tiga orang peladang Eropah yang dibunuh di estet mereka yang terletak di Sungai Siput, Perak. Dua hari kemudian, terdapat lagi satu serangan yang berlaku di kampung Jeram Choh berdekatan Johor Bahru. Pada 23 Jun, “Darurat Tanah Melayu” secara rasmi. Walaupun konflik berlarutan berhenti secara rasmi pada 1960, perjuangan berlanjutan sehingga kerajaan Malaysia dan Parti Komunis Malaya (PKM) bersetuju menandatangani Perjanjian Damai dan berlaku pada Disember 1989 sekaligus mengakhiri perang yang berlangsung selama 41 tahun. Sejarah kedatangan Komunis telah menjadi titik hitam kepada negara.

Oleh yang demikian, kajian sejarah lisan ini dilakukan melalui sesi menemu bual tokoh iaitu Encik Azli bin Sulaiman yang merupakan pesara tentera yang terlibat dengan tajuk yang dipilih. Seterusnya, untuk kajian ini penyelidik memilih peristiwa penentangan Komunis di Tanah Melayu sebagai tajuk kajian. Peristiwa penjajahan Komunis di Tanah Melayu amat memberikan kesan yang mendalam terhadap negara.

4.0 Kajian Literatur

Dunia seringkali diancam dengan pergaduhan dan perperangan, sama ada perperangan antarabangsa, negara, agama, etnik, suku kaum, bahkan wujud juga perperangan yang berlaku antara anak-beranak dan kaum keluarga. Perang yang dimaksudkan adalah satu petempuran ataupun dalam erti kata lain merupakan perjuangan (jihad). Kenyataan ini turut di perakui oleh Sun Tzu dalam karyanya yang menyatakan bahawa perperangan itu adalah urusan negara yang penting untuk menentukan kelangsungan hidup atau kemusnahan sesebuah negara, maka setiap jenis perperangan itu perlu diselidiki terlebih dahulu matlamatnya. Di samping itu, perang juga sering dianggap oleh sekalian manusia bahawa ia merupakan satu perbalahan yang melibatkan penggunaan senjata sehingga mampu mengancam nyawa antara sesama manusia. Ini menunjukkan bahawa penggunaan senjata merupakan elemen penting dalam sesebuah perperangan .

Tujuan tinjauan literatur ialah hasil kajian berkaitan buku, artikel dan penulisan dalam proses yang membawa kepada perbincangan dan ringkasan terhadap kajian masa lalu yang telah dijalankan oleh para penyelidik yang relevan dan berkait dengan bidang penyelidikan (Naeem, 2020).

Menurut catatan sejarah, 1883 pejuang terbunuh serta 2560 cedera. Segelintir tentera mengalami kecacatan fizikal akibat memerangi Parti Komunis dan masih hidup hingga kini (Sabri, 2019). Di dalam artikel, dia juga turut menambah, seramai 2473 orang terbunuh, 1385 cedera, dan 810 ditangkap. Sebanyak 6710 gerila Komunis dan 3989 ditangkap di kalangan orang awam. Perkara ini berbangkit akibat daripada tindakan beberapa ahli politik negara yang menyatakan hasrat untuk memASUkkan sejarah perjuangan komunis ke dalam silibus pembelajaran dan menimbulkan kemarahan seolah-olah tiada penghormatan terhadap para pejuang negara. Malangnya, terdapat segelintir pejuang negara yang terpaksa meneruskan sisa hidup mereka dengan trauma dan lebih teruk lagi, mengalami kecacatan anggota badan yang disebabkan oleh perperangan dengan komunis.

Terdapat satu sahaja bibliografi yang berkaitan dengan zaman darurat di Malaysia (Tiew, n.d). Bibliografi tersebut disimpan dan dijaga oleh Perpustakaan Tentera Malaysia. Bagi kajian literatur tersebut, penyelidik memberi pendapat bahawa kajian yang ditulis tersebut tidak memberi perhatian meruncing terhadap peristiwa

penentangan komunis. Hal ini kerana, kajian yang ditulis menceritakan peristiwa komunis datang ke Tanah Melayu. Bagi penyelidik, itu adalah kelemahan kajian tersebut. Manakala, kekuatan kajian tersebut adalah, pengkaji telah memberi senarai bibliografi yang memberi maklumat terhadap peristiwa komunis di Tanah Melayu. Maklumat baru juga kami dapat perolehi iaitu pihak Parti Komunis Malaya (PKM) dan pihak kerajaan Malaysia pada masa itu telah menandatangani perjanjian perdamaian yang megambil tempat di Hatyai, Thailand. Ianya ialah perjanjian yang menunjukkan bahawa kerajaan komunis di Tanah Melayu telah berakhir.

Pada hemat penyelidik, kajian yang dilakukan tidak memberi perincian terhadap persekitaran dan peristiwa terhadap penentangan komunis dengan lebih mendalam. Kajian perlu dilakukan bagi mendapatkan lagi perincian terhadap peristiwa penentangan komunis. Tambahan pula, penulis menyatakan bahawa hanya terdapat satu bibliografi sahaja yang **mengkaji** tentang penentangan komunis di Tanah Melayu. Kelemahan kajian yang digarap oleh pengkaji ialah kekurangan maklumat yang berkaitan dengan peristiwa atau latar belakang peristiwa penentangan komunis di Tanah Melayu. Akan tetapi, penulis telah berjaya membantu kami dengan menyediakan senarai bibliografi yang mempunyai kaitan dengan peristiwa penentangan komunis di Tanah Melayu.

Seterusnya, pada satu halaman di Muka Buku yang bertajuk "Pencinta Dunia Ktenteraan dan Pertahanan" telah memuat naik sebuah status yang menceritakan kronologi Platun UCIS yang berjaya menewaskan pihak Komunis di hutan rekreasi Chamang, Bentong. Penulis juga berjaya menguraikan dengan lebih khusus terhadap situasi yang berlaku semasa peristiwa terjadi.

5.0 Transkrip Temubual

Berikut adalah rakaman temubual sejarah bersama dengan Encik Azli bin Sulaiman iaitu tokoh mengenai peristiwa Penentangan Pengganas Komunis. Temu bual ini berlaku pada sembilan belas Disember dua ribu dua puluh (19.12.2020) bersamaan hari Sabtu pada jam 10.40 pagi. Wawancara ini dikendalikan oleh Nurul Syakirah binti Azli dan Nurfarisha Jasmeen binti Jamaludin. Dengan segala hormatnya, rakaman ini dimulakan. Pita rakaman ini berdurasi selama 2 jam 11 minit.

NSA: Assalamualaikum Encik Azli. Terlebih dahulu kami nak ucapkan terima kasih sebab sudi menjadi tokoh untuk temubual kami. Harini [hari ini] kami nak tanya bermacam-macam soalan lah tentang Komunis yang dulunya tuan pernah lalui, yang kami tak tahu. Jadi, hari ini kami nak bongkarkan macam pengetahuan tentang Komunis pada zaman dahulu. Okey terlebih dahulu saya ingin bertanya tentang latar belakang tuan lah. Boleh hmm tuan tuan ceritakan tentang latar belakang tuan? Apakah nama penuh tuan?

ASU: Okey nama penuh saya Azli bin Sulaiman, yang mana saya dilahirkan di Pulau Condong, Machang, Kelantan pada ta- pada tanggal 31 Julai sembilan belas enam puluh satu [31.7.1961]. Okey untuk adik-beradik saya mempunyai lapan adik beradik, empat lelaki empat perempuan, dan saya anak kedua daripada adik-beradik.

NJJ: Terima kasih tuan. Soalan seterusnya, bolehkah tuan ceritakan latar belakang ibu bapa tuan pula?

ASU: Okey untuk ibu bapa saya -- nama ayah saya Sulaiman bin Jaafar. Pada masa itu beliau berkhidmat sebagai anggota polis (mengangguk) dan

nama ibu Hajah Asnah binti Haji Mat dan keluarga saya sebenarnya kedua-dua Kelantan [Malaysia]. Dilahirkan di Kota Bharu, Kelantan.

NJJ: Adakah ibu bapa tuan menyokong tuan menjadi as- menjadi tentera pada ketika itu?

ASU: Pada masa itu -- memanglah sebelah mak ini dia tak berapa suka. Walaubagaimanapun, dia tidak melarang untuk mASUk tentera ini -- sebab dia tengok minat semasa sekolah pun memang dah berminat untuk cenderung pada tentera lah.

NJJ: Soalan seterusnya, apa bentuk sokongan yang diberikan oleh ibu dan bapa tuan ?

ASU: Okey dari segi sokongan itu dari segi *moral support* [sokongan moral] saja lah yang dibagi -- hanya kalau ikut itu kalau minat itu silakanlah -- hanya orang kata melarang tidak, suruh masuk pun tidak, bergantung pada diri sendiri lah.

NSA: Okey (mengangguk faham) tentang keluarga tuan, bolehkah tuan ceritakan tentang latar belakang keluarga tuan (berfikir) macam apa- siapa nama isteri tuan?

ASU: Okey untuk (berfikir) saya, saya -- nama isteri saya Hazlina binti Abdullah- Haji Abdullah lah. Okey dan isteri saya dilahirkan juga di Pasir Puteh, Kelantan. Okey dan kalau ikut itu, saya mempunyai 5 anak, yang mana yang kelima kembar. Itulah sedikit sebanyak tentang keluarga saya.

NSA: **Bagai -- soalan seterusnya, bagaimana penerimaan isteri tuan terhadap kerjaya tuan semasa berkhidmat sebagai seorang tentera?**

ASU: Setakat ini tak ada masalah lah, hanya banyak -- beliau banyak beri dorongan dalam melaksanakan tugas. Insya-Allah tak ada masalah lah.

NSA: **(mengangguk faham) Soalan seterusnya, adakah anak-anak tuan berminat untuk menceburi bidang ketenteraan? (berdehem)**

ASU: (ketawa) Kalau ikut itu kesemuanya tidak (ketawa) berapa minatlah. Kebanyakan dia pada kerjaya -- orang kata bidang kerjaya bahagian awam ini lah. Pada ketenteraan ini kita tengok tentera dan polis tidak ada seorang pun nampak yang kearah situ itu. (ketawa)

NJJ: **Baik, terima kasih tuan. Bolehkah tuan ceritakan latar belakang tentang pendidikan pula?**

ASU: Okey -- saya sebenarnya dilahirkan di Pulau Condong, Kelantan dan orang tua saya masa itu polis hutan, telah berpindah ke Kuantan [Pahang]- Bukit Gading Kem masa itu, dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Sultan Abdullah, Kuantan, Pahang dan selepas itu, keluarga saya berpindah -- keluarga ayah saya lah berpindah di Kelantan dan saya mendapat pendidikan sekolah menengah di sekolah menengah tabligh, Pasir Puteh, Kelantan.

NJJ: **Soalan seterusnya, apa nama institut latihan untuk ketenteraan yang tuan sertai pada ketika itu?**

ASU: Okey. Selepas sahaja MCE, peperiksaan MCE, saya telah memohon untuk memasuki tentera di sekolah pegawai kadet iaitu askar pegawai kadet bertempat di Port Dickson iaitu Kem Sebatang Karah tempat dia-tempat latihan.

NJJ: Maafkan saya tuan, boleh saya tahu apa itu MCE?

ASU: MCE, Malaysian Certificate of Education. Kalau kita -- Malaysia Certificate of Education, kalau kita -- Kalau Bahasa Melayu dia, dia ada dua masa itu. Satu MCE untuk aliran Inggeris, SPM untuk aliran Bahasa Melayu. Dia sekolah Inggeris dengan Melayu dia ada dua. SPM ni [ini] Sijil Pelajaran Malaysia.

NJJ: (mengganguk faham) Oh, terima kasih tuan.

ASU Okey.

NSA: Okey, boleh saya nak tahu tentang kerjaya tuan? Apakah yang menyebabkan tuan terlibat dalam bidang ketenteraan?

ASU: Sebenarnya bidang tu [itu] minat daripada kecil [kecil] lagi akibat daripada suka tonton filem-filem perang dan sebagainya tapi minat itu memang daripada sekolah rendah sehingga ke sekolah menengah lah, sehingga abis [habis] peperiksaan MCE itu jadi minat tu masih mendalam, situlah *apply* [memohon] untuk Pegawai Kadet ini.

NSA: (sambil mengangguk tanda faham) Adakah tentera yang menjadi cita-cita tuan sejak kecil?

ASU: Betul. Hanya -- sebenarnya tentera dengan polis, tapi minat yang mendalam, yang pertama itu *first priority* [keutamaan pertama] itu pada tentera lah.

NSA: Hmm (sambil menganggukkan faham)

NJJ: Adakah tuan menjadi tentera ini atas dorongan keluarga ataupun minat yang mendalam?

ASU: Sebenarnya tentera ni atas minat sendiri, bukan (ketawa), sebab minat itu daripada kecil lagi kan, jadi minat itu datang sendiri pasal tengok dari segi tentera itu dengan uniform dia segak, dengan disiplin dia. Itu yang lebih tarik minat itu untuk jadi tentera itu

NSA: Sebelum menjadi tentera, tuan pernah mencebui [menceburi] dalam pekerjaan apa-apa ke? (suara ayam berkokok kedengaran)

ASU: Tak pernah. Lepas peperiksaan MCE itu terus *apply* untuk kerja lah kebanyakannya pada untuk tentera lah banyak, tunggu *open* [buka] tentera je [sahaja] terus bukak, untuk *apply* untuk ini lah.

NJJ: Sepanjang tuan berkhidmat ini, apa capaian -- pencapaian paling tinggi yang tuan pernah capai?

ASU: Masa perkhidmatan? Kalau tengok itu adalah beberapa lah dari segi jasa semasa berkhidmat di -- semasa taon [tahun] sembilan belas lapan puluh satu [1981] sehingga 90 itu, kami dapat PJM dipanggil Pingat Jasa Malaysia. Ini orang tertentu pada tahun sekian sahaja yang dapat sehingga tahun sembilan belas lapan puluh satu [1981] sehingga 89. Itulah pingat yang tertinggi yang jasa yang pencapaian yang--yang kita buat untuk negara Malaysia inilah, disamping lain-lain yang kecil-kecil itulah. Ini yang kita ambil yang paling--yang paling besar, sebab itu dia dibagi elaudn 500 *one go* [sekaligus] itu atau pun elaudn Pingat Jasa Malaysia ataupon dipanggil PJM.

NSA: (sambil mengangguk faham). Semasa tuan dalam tentera- bidang tentera, jawatan yang paling tinggi tuan sandang sebagai jawatan apa?

ASU: Okey, jawatan dia jawatan atau pangkat yang nak itu?

NSA: A'ah (mengiyakan)

ASU: Jawatan sebab yang kita pegang, jawatan ini yang paling tinggi ini adalah Pegawai Tadbir lah, Pegawai Tadbir iaitu *second command* [arahan kedua] dalam sesuatu pasukan pemerintah yang kedua, macam kita ini kalau Guru Besar, Penolong Guru Besar. Ha, itulah

NSA: Okey (sambil mengangguk faham)

ASU:*And then* [selepas itu] selain daripada itu, Ketua Kompeni. Ketua Kompeni ini orang kata orang yang ketiga lah dalam kalau pasukan Swat Afentory itu yang kalau dulu dalam *strength* [kekuatan] enam ratus [600] orang, kita orang ini orang yang ketiga dia punya *ranking* [pangkat] dia itu, yang berpangkat Mejar.

NJJ: Berapa lama tuan telah berkecimpung di dalam bidang ketenteraan?

ASU: Oh, kalau ikut itu sehingga berpencen 1 Ogos sembilan belas- dua ribu enam belas [1.8.2016], lebih kurang 36 tahun 4 bulan lebih lah, *exactly* [lebih tepat sekali] lebih kurang 36 tahun 4 bulan lebih begitu lah.

NSA: (sambil menganggukkan kepala) Soalan seterusnya, sudah berapa lama tuan bersara dalam bidang tentera?

ASU: Kalau bersara itu daripada 1 Ogos itu dua ribu enam belas [1.8.2016] lebih kurang 4 tahun lah.

NSA: 4 tahun (sambil mengangguk faham)

NJJ: Pada tahun berapa umur- tuan menjadi tentera?

ASU: Kalau ikut itu dalam 20an lah, tahun umur dalam 20 tahun gitu [begitu] lah, lebih sikit [sedikit].

NJJ: Boleh saya tau [tahu] apa ujian saringan yang khusus untuk menyertai tentera?

ASU: Yang itu kalau, dia tengok, dia -- sebenarnya dia ada dua. Satu kalau masuk tentera ini lain-lain pangkat. Okey, dan yang saya mintak [minta] ni Pegawai. Pegawai ini dia banyak kepada IQ. IQ ini banyak kepada orang kata *test* [ujian] IQ la. Macam contohnya kita hendak memASUKi itu dia ada ujian dia seperti berlari 24 kilometer, merempuh halangan. Masa itu kita kepada awam, kita tak [tidak] tahu. Jadi, kita terpaksa redah lah. Pastu [selepas itu] bagaimana nak lepasi halangan. Dia- dia bagi IQ, *and then* [selepas itu] ujian IQ dalam berapa minit kita kena jawab biasanya, *at least* [sekurang-kurangnya] dalam seminit itu kita kena jawab dalam 3 soa--2 ke 3 soalan, kita kena cepatkan nak suruh abis [habis], jadi banyak kepada IQ. Makna, selepas sahaja lulus ujian itu, *last* [akhir] sekali, kita pergi kepada *final board* [panggilan akhir] lah. Kalau kita lulus, luluslah. Itu ujian permulaan sebelum kita mASUK pada latihan kita, tentera.

NJJ: Baik tuan, terima kasih. Untuk soalan seterusnya boleh ke tuan ceritakan tentang suasana semasa penentangan Komunis tersebut?

ASU: Maksud dia awal-awal ke macam mana? Suasana yang semasa tahun -- masa kita mASUKi tentera itu lah?

NJJ: (mengiyakan) A'ah.

ASU: Okey untuk tahun -- se -- sebab saya ditauliahkan pada hmm pada 21 November sembilan belas lapan puluh satu [21.11.1981], okey lepas tauliah itu cuti seminggu, terus masuk-- ke unit – unit pertama sekali

orang- orang panggil *mother unit* [] lah– bermakna unitlah. Unit ini unit yang *first* [pertama], okey iaitu 12 Melayu – 27 Melayu sebelum bertukar 12. 27 RAMD, iaitu 27 Rejimen Askar Melayu Diraja bertempat di Kem Batu 10 Kuantan. Okey situasi masa itu adalah kegiatan Komunis lah. Komunis yang masa itu dia boleh katakan agresif okey di sebelah Pahang -- banyak bertumpu pada belah Pahang, Jadi disitu kami terpaksa membasmikan Komunis, nak bersihkan kawasan Pahang daripada kekejaman Komunis.

NJJ: Okey terima kasih tuan. Boleh saya tahu bagaimana operasi perkhidmatan berlaku pada masa penentangan Komunis itu?

ASU: Okey operasi ini, secara amnya, kami dibagi arahan -- okey contoh dia, dia banyak unit. Di – saya ambik [ambil] contoh di Pahang, tempat saya bertugas pada 27 Melayu, ada 2 Melayu, 27 Melayu di Kuantan, 2 Melayu di Mentakab masa itu. Okey jadi unit kepada kami iaitu di Mentakab 4 briged dia panggil. 4 briged ini dia kawal 2 batalion, 2 Melayu dan 27 Melayu. Jadi bila kami -- giliran kami untuk masuk hutan, dia akan keluar arahan awal iaitu dalam 2 bulan awal lebih kurang begitu untuk buat persiapan dan bila sampai tarikh, kami akan masuk biasanya operasi itu pada yang -- boleh katakan wajib lah 2 bulan. Tapi bila ada kejadian seperti pertempuran, jumpa jejak mungkin dia akan tambah lagi. Mungkin sampai masa dia sehingga kepada 6 ke 7 bulan. (Ketawa) dia- dia tidak tentu tapi yang wajibnya 2 bulan. Kalau tidak ada apa, 2 bulan itu kami ditukarkan oleh pasukan lain masuk, jadi kami keluar.

NJJ: Kiranya bergilir-gilir?

ASU: Ha, (bersetuju) dia 2 bulan pasukan lain, 2 bulan pASUkan lain. Jadi mungkin dalam setahun itu, dalam kami -- kami kena dalam 2 atau 3 kalilah -- sekali operasi.

NSA: Boleh saya tahu bagaimana Komunis datang ke Malaya?

ASU: Komunis ini dia masa dulu lagi, masa penjajahan Jepun lagi dia dah ada dah. Dulu dia menentang itu -- untuk menentang Jepun nak balik – nak ambil balik – nak memerdekaan Malaysia ini. Tetapi bila Jepun dah kalah, rupanya dia ni lebih teruk pada Jepun! Komunis ini, dia nak takluk -- dia nak ambil Malaysia ini. Jadi itulah titik yang pertama dia ambil yang menyebabkan kita terpaksa hap- musnahkan Komunis ini -- sebab kekejaman dia lah dari segi bunuh orang, sabotaj apani [apa ini] -- landasan keretapi. letup sana, rompak sana rompak sini ha, begitulah kegiatan Komunis.

NSA: Masa itu, tuan beritahu tuan berkhidmat di -- menjaga Komunis di Pahang, jadi saya boleh tahu siapa ketua Komunis? -- yang pada ketika itu yang-

(mencelah)

ASU: Okey di Pahang ya? Di Pahang kami -- berhadapan dengan -- dia- dia panggil Komunis tu Sixth Fighter Unit, enam- Unit Penggempur Keenam Bahasa Melayu dia, Sixth Fighter Unit. Ketua dia adalah Chong Chor dan dibawah dia ada beberapa cawangan dia diikuti oleh Ah Ying -- perempuan, wanita. Pang Kuan, Isa Suk. Ha, ini orang-orang yang dibawah dia ada lagi lah tapi kepala adalah Cong Chor – di Pahang ini.

NJJ: Boleh saya tahu semasa penentangan Komunis tersebut, bagaimana operasi perkhidmatan berlaku dari segi hospital, balai polis?

ASU: Kami iya lah -- dari segi awam ini, dari segi diorang [mereka] ini, mereka terpaksa berjaga-jagalah sebab bila Komunis ini, dia- dia tak kira siapa. Okey jadi sebab itu masa Komunis dulu tahun 80an dia ada *curfew* [perintah berkurung]. *Curfew* ini perintah berkurung dia setiap pada pukul 3 ini, dia tiada pergerakan dah. Ha, jadi tak kiralah bergerak kemana, jadi kadang-kadang kalau nak pergi sesuatu kawasan itu dia kena *escort* [diiring] dengan *Ferret car* [kereta berperisai Ferret], kereta – macam kita tengok kereta kebal kecil itu. Ha, dia kena *escort*. Ha, jadi dari segi agensi lain pun, mereka pun- mereka pun *alert* [peka] lah dari segi hospital ini, takut kena *bobby track* [perangkap bobby] kita kan, Jadi, kita kena sentiasa *alert* semua ini. Berjaga-jaga untuk keselamatan. Itulah.

NSA: Jadi, maksud tuan 3 petang itu semua termasuk orang awam semua berkurung?

ASU: (bersetuju) Ha, tidak ada *movement* [pergerakan] lah kecuali yang masa itu nak gi [pergi] dekat bandar masa itu, tak adalah. Tapi kalau nak kumpulan itu, kita ada jaga, tapi kena berhati-hatilah maksud dia. Tapi tak ada *movement* atau pergerakan yang jarak jauh dan sebagainya untuk kawan inilah dari segi takut kena tembak ke Komunis dan sebagainya.

NJJ: Apa tindakan yang dikenakan terhadap orang awam yang telah melebihi bat- waktu *curfew* tersebut?

ASU: Biasanya kalau orang awam ini kita tangkap, kita serah ke polis lah. Ha, itu sahaja. Selepas itu tindakan polis hanya -- mungkin amaran ke, tak adalah. Tapi hanya kita buat banyak kepada amaran, kita hanya nak menasihat, jangan -- sebab bila Komunis tak ada, pukul 3 ini dah *curfew* jadi tentera dengan semua dah -- kami dah buat *stop* [berhenti] operasi ini- operasi besar-besaran ini. Jadi, takutnya bila dia masuk hutan dan sebagainya, dulu pencarian hutan dia, sumber dia- takut tertembak. Ha, itu yang kena ada itu.

NJJ: Kalau dari segi majlis keramaian macam kenduri-kendara, macam mana mereka melaksanakan keramaian tersebut?

ASU: Okey, keramaian itu maksud dia- dia buat biasanya sebelah awal pagi lah. (sambil tertawa halus) Jarang dia sampai ajak kita ini sampai ke malam ke, tak ada. Dulu, hiburan-hiburan tak ada. (tertawa) Memang tak macam sekarang ini lah kan, wayang dan sabagainya, tak ada.

NJJ: Kalau dari segi suasana perayaan?

ASU: Perayaan pun sama. Kita buat biasa -- kita sebelah- belah pagi tapi ada juga macam kat [di] rumah-rumah sahaja lah. Hanya dia tak boleh orang kata *curfew* ini bukan macam kita sekarang ini, kena tutup tingkap, tak ada dia buka sahaja tapi, pergerakan itu kita hadkan. Ha, jadi dia bebas juga tapi boleh lah pasang mercun ke, apa nak berlari ke, pasang lampu sebagainya- okey. Tapi nak keluar kawasan itu kita akan hadkan lah. Dari segi-

(mencelah)

NSA: -Masa zaman Komunis itu, sudah ada ke macam perayaan Tahun Baru Cina, Deepavali?

ASU: Memang ada. Itu sama juga. Hari Raya pun sama, sambutan sama. Hanya macam tadilah, kita hanya dihadkan pergerakan. Kalau boleh malam itu, kita tidak benarkan lah. sebab membahayakan.

NJJ: Bagaimana kalau dari segi upacara keagamaan macam solat Jumaat pula macam mana?

ASU: Yang itu okey tak-tak ada masalah. Kita- macam biasa kita pergi. Takda – sebab sembahyang pun siang (tertawa). Ha, hanya kadang-kadang yang- yang di kampung itu di surau itu okey lah, dia tak ada pergi jauh. Tapi kita tak galakkan yang pergerakan jauh lah. Sebab Komunis kan, tahu lah kadang dia buat serang hendap di jalan, dia rompak orang, dia bunuh dan sebagainya. Itu -- dari segi itulah kita nak kawal keselamatan itu.

**NSA: Pada waktu siang Komunis macam berlekia- berkeliaran jugak [juga] ke?
[kah]**

ASU: Separuh-separuh tempat ada. Dia tengok kawasan, contoh dia macam -- dia banyak berkeliaran ini Komunis siang ini kawasan ada sokongan dia. Contoh di Pahang ini, kita boleh katakan kalau kita kira itu sebelah Bentong, Teras, Raub, Lipis – kebanyakan Cina, kita tengok Cina. Ha, jadi dia boleh gerak sebab dia banyak tapi dia bergerak pun orang kata berhati-hati lah sebab takut terserempak dengan ini kan. Jadi – tapi

sokongan dia itu memang dia masih ada tapi tak-tak serancak malam lah.

NJJ: Boleh saya tahu apa- macam mana jenis ancaman yang diterima oleh orang awam daripada Komunis?

ASU: Okey Komunis ini dia -- kalau kita tengok dari segi itu, nak cerita itu memang dia zalim lah. Okey, ancaman itu bukan itu sahaja. Kadang-kadang dia -- kalau dia tak cukup makan, dia pergi ke kampung, dia tahu kampung ini -- okey askar tak ada, dia dapat *information* [maklumat], dia pergi -- kebanyakannya dia kacau orang Melayu. Cina pun dia kacau juga tapi kebanyakannya Melayu lah. Dia rampas -- kalau tak bagi, dia tembak. Jadi, kereta lalu ke kalau dia tengok tak ada orang, dia sekat. Dia tengok apa dia boleh ambil, dia ambil. Itulah dia punya -- jadi, orang sentiasa takut lah, kita nak bergerak ni kan. Dia nak ambil sayur, dia ambil. Dia jalan-jalan nak ambil ayam, jalan -- dia ambil ha, macam itu.

NSA: Boleh saya tahu pada masa itu, bagaimana peng- pengganas Komunis mendapatkan bekalan makanan?

ASU: Okey, dia -- Komunis ini dia biasa mendapat daripada penyokong dia. Okey penyokong dia ini seperti mana -- kita ambil di sebelah Pahang lah nak-nak senang nak cerita itu. Tempat lain pun lebih kurang sama sahaja. Dia -- penyokong dia akan-dia akan beli makanan yang dibagi, kemudian dia akan letak di satu tempat. Satu tempat ini hanya mereka tuluhlah. Mungkin dia letakkan -- contoh dulu, dia tanam, dia tanda di pokok -- anak panah ke, bentuk X ke ataupun dia patahkan ranting sedikit. Untuk simbol-simbol, untuk -- kawan-kawan dia ha, tahu disitu ada *food dump* [tempat simpanan makanan]. *Food dump* ini adalah makanan yang telah ditanam ataupun kalau segera ini, sambil-sambil dia

nak berjalan ini, penyokong dia tunggu lah dia satu tempat mana, dia pergi ambil *and then* dia terus masuk. Ha, kadang penyokong ini penoreh getah kan ha, dia bawak [bawa] dalam tempat getah dia, dalam adalah makanan ke apa-apa, macam itu lah cara dia bagi itu.

NJJ: Tadi tuan kata penyokong Komunis yang banyak membantu Komunis dalam membantu memberi bakalan makanan-

(mencelah)

ASU: Okey. (mengiyakan)

NJJ: Boleh saya tahu bangsa mana yang banyak membantu Komunis pada ketika itu?

ASU: Dia -- *of course* [sudah tentu] lah kalau kita tengok bangsa Cina lah banyak. Melayu pun ada juga sedikit-sedikit jadi -- tetapi Melayu ini pun kalau kita tengok kebanyakannya ada dalam dua tiga persen sahaja lah. Kebanyakan dia Cina yang tu- yang bantu dia. (berdehem)

NSA: Kalau tuan ceritakan tadi, Komunis bersikap agresif. Boleh saya tahu macam mana- macam mana sikap Komunis terhadap orang awam pula? Sikap agresif dia itu macam mana?

ASU: Okey. Agresif itu maksud dia dia- dia- dia ini zalim lah – ganas. Memang macam kalau dia nakkan sesuatu, kalau kita tak bagi, dia ambil. Ha, kalau tak nak bagi juga dia tembak. Ha, macam itu lah. Dia- dia rampas lah macam seolah-olah macam tak ada *barrier* [penghalang], tak ada had antara- dia nak, dia

ambil. Sebab itu buatkan orang kita -- kadang kita buat serangan juga di kawasan-kawasan kampung, nak elak daripada -- kadang-kadang kita tengok kan, polis buat *roadblock* [sekatan jalan raya], tentera buat *roadblock*, sekatan -- orang awam lalu, kita *check* [periksa] IC [kad pengenalan] -- tujuan dia nak- nak sekat penyokong, dia nak sekat dia daripada masuk, daripada keluar -- dari segi itulah keselamatan.

NJJ: Boleh saya tahu ketika Komunis di Pahang itu, apa- adakah kanak-kanak boleh bermain pada waktu petang?

ASU: Dia hanya sebelum masa *curfew* lah. Lepas *curfew* itu kita tak benarkan dia – kalau dia dekat rumah ini, tak ada masalah. Ha, tetapi kadang-kadang kampung-kampung yang biasa diganggu oleh Komunis ini, mereka tahu -- dah dekat gelap itu, mereka tutup sahaja. Mereka rasa sendiri, kita dah *alert* kan. Ha, masa ini sebab gangguan ini memang kerap mereka buat ini. Ha, so jadi rasanya masa itu semua dah *abide* [patuh], kita -- orang kata memang dah sebat dengan undang-undang macam itu lah. Ha, macam kita, Covid ini lah kan kita dah tahu, keluar - - pakai penutup muka kan, ibarat macam itu lah lebih kurang.

NJJ: Okey, ba- terima kasih tuan sebab menjawab soalan. Soalan seterusnya, apa tugas tuan semasa peristiwa penentangan Komunis?

ASU: Okey, tugas saya masa itu, masa- masa saya masuk mula-mula itu sebagai Ketua Platon, tugas kami adalah untuk membersihkan kawasan maksudnya *clear* [bersih]. Daripada kawasan itu, daripada ancaman Komunis lah. Contoh dia, kami ditugaskan untuk melaksanakan tugas operasi daripada bulan 1 sampai bulan 3 contoh dia ya. Awal bulan 3 kami keluar lah. Jadi, dia akan bahagikan tugas. Saya masa masuk itu – Pegawai Muda -- Leftenan Muda, satu- orang panggil satu paku. Dia akan bagi 1 sektor. Dalam kompeni itu dia ada 3 Leftenan Pegawai Muda. Pangkat Leftenan Muda, satu- satu paku ataupun 2 paku Leftenan

ataupun Leftenan Muda. Dia- dia ada 3 platon. Okey jadi ada sorang [seorang] itu OC [*Officer Commander*] berpangkat Mejari satu, so dia akan bagi – okey sa- dia akan bagi -- contohnya saya A Kompeni. A Kompeni kawasan sekian sekian masa 2 bulan, okey dia akan beri peta lah. So, ketua kompeni masa itu berpangkat Mejari dia akan arahkan -- okey platon ini dia akan bahagikan 3 pulak [pula] atas dia lah- itu atas perancangan dia. “Kamu jaga kawasan ini. Jangan lebih kawasan ini”. Jadi, tugas saya atas sama ada -- biasa tugas membersihkan kawasan, musnahkan musuh. Musuh ada, kena musnah -- jerangkap samar ke kita musnahkan jadi kita kena jaga kawasan kita sebab kawasan lain pun ada juga orang ini -- banyak ini. Makna kalau dia ada 4 kompeni, 4 ke 3 ada 12 platon dalam itu. Makna 1 platon masa itu ada 34 orang, makna ada 12 yang berkeliaran dalam kawasan. Jadi, kita tak nak masuk kawasan orang -- dia akan berlaku tembakan lah. So, kita akan berada dalam kawasan kita, makna kita akan bersih kawasan dari segi pengganas Komunis dan menjaga keselamatan kawasan itu, biar *clear* betul-betul lah.

NAS: Takdi [tadi] tuan ceritakan tentang bagaimana askar beroperasi dalam sesuatu kawasan-

(mencelah)

ASU: Okey

NAS: - sekarang saya nak tahu bagaimana pula pihak Komunis itu beroperasi di dalam sesuat- sesuatu kawasan?

ASU: Okey, Komunis pun sama. Dia – seperti mana kata tadi, di Pahang ini dia ada Unit Penggempur Keenam, Chong Chor, dia akan bagi lah – okey, Loh Poh Ying dia ada satu kumpulan, Pang Kuan, Ai Sai Suk dan-

-dia akan adalah cawangan. Dia—dia pecahkanlah. Jadi dia operasi ini macam kita ini, paling kurang kita masuk 1 platun lebih kurang 34 orang. Dia lebih kurang dalam -- dia kalau--dia kebiasaannya kita jumpa ini dia bergerak dalam kumpulan kecil. Kalau kumpulan besar, kita boleh -- lagi cepat kita dengar. Kalau kecil ini, perjalanan dia kurang--kurang bising sedikit. So. dia bergerak dalam tiga ke empat orang Komunis ini. Dia pecah kawasan dia. So, dia bergerak lah, dia nak cari -- sama ada nak—tugas dia itu nak tanam makanan untuk jangka masa, nak sampaikan maklumat. Kadang-kadang Komunis ini dia--dia tengok askar -- dia nampak ini, dia tulis maklumat untuk kawan dia datang -- lalu sikit tengok ada -- dia panggil DLB [Dead Letter Box]. Macam kita peti suratlah. So, kawan dia tahu lah tempat itu lah. Dia buka, ha, ada tentera kawasan ini -- hanya – begitulah lebih kurang. Ha, so itu tugas dia.

NJJ: Okey, terima kasih tuan. Soalan seterusnya, boleh saya tahu sampai pukul berapa- maafkan saya. Berapakah had orang yang boleh keluar pada waktu curfew tersebut?

ASU: Dia sebenarnya- dia tidak ada had tapi kami tak benarkan, kalau boleh tak benarkan langsung lah. Kecuali kalau hal-hal yang mustahak baru kami benarkan pergi. Makna, dia tak ada *limit* [had]. Okey, maksud *curfew* ini kalau boleh jangan keluar. Ha, tapi kalau de- ada mustahak konon isteri nak bersalin ke, nak kena pergi sana kita jumpa ha, okey takpe [tidak mengapa], itu lain cerita. Maksud dia macam itu lah. Makna kalau boleh tak benarkan (tertawa) sebab *curfew* ini maksud dia, masa kita--masa kita, ibaratnya kita suruh yang duduk di rumah, kita nak *clear* kawasan ha, ibarat macam itulah.

NJJ: Macam mana -- boleh saya tahu keadaan kawalan yang- dan rondaan dibuat oleh pihak tentera pada ketika itu?

ASU: Okey, biasa dia kalau kita sampai satu kawasan itu, okey yang dibagi itu. Kita sampai sahaja, kita akan terus buat rondaan dah. Rondaan ini bukan untuk orang kata siang saja, terpulang kita waktu pagi, petang, malam. Maksud dia kalau siang kita buat rondaan, kita keluar -- okey contoh dia macam saya lah. Ketua platin saya ada 34 orang. Okey hari ini saya bagi – “Okey Koperal hari ini kamu bawa 7 orang, kamu ronda kawasan ini. Okey besok [esok], kawasan ini”. Kita tanda dalam peta kawasan ini dah dironda. Okey lusa, kawasan ini. Kadang-kadang saya sendiri bawa keluar. Saya pun ada akan keluar, bawa. Jadi, sebelah – kadang-kadang petang kamu – tak semestinya pagi. Jadi kita ronda petang ha, malam kita buat serang hendap. Kawasan-kawasan yang kita tengok berkemungkinan dia lalu itu, kita buat serang hendap lah.

NAS: Soalan seterusnya, boleh saya nak tahu adakah terdapat tali barut yang membantu pihak Komunis?

ASU: Oh, banyak. Memang banyaklah kalau nak cerita tali barut ini memang - - kalau tidak kalau tak ada ini, maksud dia- dia tak ada makanan lah, dia- dia tidak ada maklumat sebab itu dia dapat menghendap pun daripada tali barut lah. Maklumat dia contoh dia kadang-kadang itu yang kita pernah dapat tangkap lah, tukang gunting lah. Tukang gunting, kadang penjual sayur, isteri-isteri kan. Kita tanya – suami nak masuk operasi ni ha, dia dapat maklumat ha, macam itu lah lebih kurang. Isteri tak tahu. Kadang – “banyak beli sayur?” “Ini nak bekal suami- nak pergi sini, pergi sini.” Ha, jadi kita tahu tali barut ni memang banyak. Tapi kita diluar jangkaan lah sebab dia ada IC [*Identification Card*] semua kan. Jadi, nak tangkap -- tapi pernah- pernah lah kami dapat, macam itu lah.

NJJ: Boleh saya tahu tali barut itu ber- banyak daripada bangsa mana?

ASU: Dia banyak kepada bangsa Cina lah tengok pada masa itu sebab dia -- kebanyakannya dia memang -- bangsa lain pun ada macam kita tengok Orang Asli pun dia- dia menyampai maklumat tapi dia ini tak dikira tali barut sangat sebab dia ini jenis macam orang yang lurus kan. Kalau orang tanya “Ada nampak Komunis? Ada orang jahat? Ada nampak tak 2, 3 orang lalu?” Selepas itu, kalau Komunis pula tanya, “Ada nampak askar?” “Ada.” (tertawa) Dia--dia jenis macam itu. Jadi, dikira percakapan dia pun kita boleh terima, kadang-kadang kita tak boleh terima. (ketawa) Jadi begitulah.

NSA: Mm-mm (berdehem faham)

NJJ: **Boleh saya tahu -- sebab tadi tuan ceritakan – saya tanyakan pasal bekalan makanan, apa jenis bekalan makanan yang Komunis dapat daripada penyokong-penyokong mereka?**

ASU: Okey banyak. Kadang dia- dia biasanya dalam hutan ini, kebanyakannya yang kita jumpa ini sardin, yang jenis dalam- dalam tin, yang sardin yang A1, A apa semua itu lah. Semua kebanyakannya barang dalam tin. Daging babi dalam tin ke, beras, gula. Ha, macam itulah. Tapi dia tak adalah yang- yang kebanyakannya semua dalam tin lah sebab bila dia – tak semestinya dia bawak. Kadang-kadang itu, penyokong dia tanam ha, mungkin sebulan itu dia pergi ambil ha, macam itu lah. Jadi, dia – benda itu yang tahan lama.

NAS: **Okey soalan seterusnya. Saya nak tahu bagaimana situasi kehidupan harian terhadap golongan yang lemah pada ketika itu? Seperti macam golongan wanita.**

ASU: Dia ma- masa itu iya lah mereka ini dalam ketakutan juga tapi, orang kata hidup perlu diteruskan. Mereka buat macam biasa sahaja kerja. Di samping dia tahu di- di kawasan pinggir hutan ini, polis hutan ada jaga, di tengah hutan itu ada askar jaga. Makna dia nak cari kayu api ke, nak cari rotan ke, tak ada masalah lah. Tapi orang kata takut-takut lah kan. Jadi, kena berhati-hati begitu lah.

NAS: Bagaimana kehidupan dalam golongan kanak-kanak?

ASU: Kanak-kanak, dia iya lah tak ada apa, biasa macam itu lah. Orang kata tak adalah nak kata takut sangat mereka ini sebab mereka tak tahu apa-apa (ketawa). Mereka hanya main. Tapi hanya dari segi ibu bapa itu lebih waspada kena jaga lah.

NAS: Jadi bagaimana mereka mempertahankan diri mereka?

ASU: Siapa ini? Yang-
(mencelah)

NAS: -dalam golongan kanak-kanak, wanita, dalam golongan yang lemah seperti warga emas, kanak-kanak-

(mencelah)

ASU: Dia- dia, okey. Dari segi orang awam ini, dia nak jaga keluarga lah maksud dari segi keselamatan ini dia- dia terpaksa banyak -- kadang kita beritahu lah -- kadang Komunis pun hantar juga propaganda dia itu dengan risalah dia tabur apa kita pun hanya beritahu kalau ada masalah, ha, pergi yang kemana-mana beritahu Tok Penghulu ke, atau beritahu

tentera cepat, kita boleh bertindak. Contoh dia kita nampak Komunis -- jangan duduk diam. Jadi nak beritahu, okey salurkan ke tentera, jadi pihak tentera yang atas ini dia akan tengok lah unit mana yang dekat kawasan yang nampak spot Komunis itu, so dia akan hantar lah pasukan untuk lebih giat ronda.Ha, dari segi situ yang kita nak jaga mereka itu. Jadi, nak kerjasama orang kampung dengan tentera itu mesti ada.

NSA: Seterus- soalan seterusnya, adakah pada masa itu ada yang- yang belajar untuk seni mempertahankan diri?

ASU: (berfikir) Tak ada pula rasanya (ketawa). Dari segi orang kampung itu dia iya lah sebab sebelum ini main dengan senjata kan. Ha, jadi tak adalah kalau zaman purba dulu dengan keris itu okey lah. Ini dengan senjata ini tak ada hanya -- kita minta dia, ada apa=apa maklumat Komunis, salur dekat- pada pihak tentera lah atau polis.

NAS: Okey soalan seterusnya. Bentuk ancaman apa yang diterima oleh- oleh mereka? Macam Komunis bagi ancaman apa itu?

ASU: Biasanya ancaman banyaknya akan cedera, culik anak dia ke, bunuh dia macam itu lah ancaman yang dia bagi. Contoh kalau tak sokong dia [Komunis], dia buat macam itu lah. Ataupun kalau tak bagi makanan ha, dia ugut macam itu lah. Bukan sekadar ugut, kadang-kadang dia buat lah kalau Komunis ini.

NJJ: Tuan, berkaitan bekalan makanan tadi, ada ke [adakah terdapat] had bekalan makanan untuk dibeli oleh orang awam?

ASU: Dia -- kita -- tak ada tak ada had. Hanya -- tetapi kalau kita tengok kebanyakan orang yang kita syak itu, kadang-kadang dia beli lebih. Kita tengok dengan keadaan dia. Contoh dia, dia ni orang kampuang biasa kan, jadi tetiba [tiba-tiba] beli beras sampai 4 guni, 5 guni ha, jadi -- yang besar. Beli sardin sampai dekat 50 tin ha, itu kita syak macam itu lah. Jadi memang ada berlaku begitu lah. Ha, itu orang tali barut dia lah. Jadi had itu memang tak ada lah.

NAS: **Tuan, maafkan saya kerana ada tertinggal soalan tadi.**

ASU: Okey.

NAS: **Tentang apakah yang menyebabkan perang berlaku? Macam siapakah musuh utama?**

ASU: Pada masa itu musuh kita Komunis lah. Ha, yang banyak Komunis. Lain, kita tak ada terima tentangan daripada mana, tak ada. Hanya kita tumpu pada Komunis lah nak bersihkan negara kita daripada ancaman Komunis. Itu sahaja.

NAS: **Soalan seterusnya. Agama manakah yang menjadi sasaran pengganas Komunis pada masa itu?**

ASU: Dia Komunis dia- dia dia tidak ada sasar sesiapa, dia hanya -- dia hanya sasarkan kepada orang yang bantu kerajaan. Ha, dia sasar -- dia kacau lah -- yang membantu pihak tentera ke apa, dia dapat tahu ha, dia kacau. Ha, kalau sama geng-geng dia --dia Komunis ini dia- dia tak ada hala tuju. Dia tahu, dia boleh hidup- cukup.

NAS: Jadi, kiranya tidak ada spesifik macam agama-

(mencelah)

ASU: Tidak ada.

NAS: -seperti sekarang ramai yang anti kepada Islam?

ASU: Ha, dulu tak ada. Dulu, sebab dia sendiri nak memerintah.

NAS: Ha, okey.

NJJ: Boleh saya tahu apakah kesan Komunis ini kepada negara?

ASU: Okey kalau kita tengok kesan itu banyak lah. Kalau masa Komunis itu kita tengok dulu, iya lah ekonomi kita jatuh, orang kata sosial pun tak boleh nak keluar gi [pergi] mari tak boleh, makanan pun -- dari segi makanan, pakaian, memang susah dulu. Jadi, sebab orang iyalah tak boleh keje [kerja], masa terhad. Jadi kesan dia banyak lah kepada negara itu. Jadi, bila dia takde [tiada], kalau kita tengok beza dia, dulu dia tiada, negara itu membangunlah. Orang boleh keluar bekerja lewat malam, boleh buat pendapatan lebih kan? Jadi, dengan itulah kalau kita tengok ancaman--dari segi ancaman dia, pada negara memang boleh menyebabkan negara itu jadi- jadi susah lah sebab kita nak bergerak

bebas tak-tak boleh. Ha, itulah sedikit sebanyak yang kita dapat-dapat daripada itulah ancaman dia itu.

NJJ: Terima kasih tuan. Boleh saya tahu (berfikir) apa yang Komunis mahukan daripada negara sebenarnya?

ASU: Sebenarnya Komunis ini dia nak memerintah negara sahaja. Dia nak ambil alih, dia nak menjadikan negara Malaysia ini negara Komunis sebab dia -- kepala [ketua] dia kita tahu adalah Chin Peng. Chin Peng daripada China. Ha, duduk – HQ [*Headquarters*] dia dekat China, Chin Peng ini. Dia kepala semua sekali jadi, dia nak takluk Malaysia ini nak menjadikan negara Malaysia adalah negara Komunis, itu sahaja.

NJJ: Sudah berapa lama penggasas Komunis ini duduk di negara kita?

ASU: Kalau ikut itu lama dah, masa Jepun itu -- kalau kita tengok dia dah ada dah kan. Jadi memang- memang lama dah. Agenda, aktiviti dia dekat sini memang lama hanya dia tunggu masa dia boleh tolak ketepi Jepun ini, dia nak ambil alih. Ha, dia tunggu masa saja tetapi tindakan dia itu tidak berjaya disebabkan oleh kekejaman perbuatan dia sendiri. Itu dia. (gangguan suara latar)

NAS: Soalan seterusnya, apakah pendapat tuan kepada penggasas Komunis?

ASU: Kalau ikut pendapat saya, Komunis ini ialah -- memang jahat lah. Memang istilah kita, *short form* [singkatan] dia jahatlah dari segi perbuatan dia, dari segi aktiviti dia -- semua memang dia – sebab kita

tengok dia bukan nak menolong, hanya dia nak musnahkan negara kita, itu saja. Kalau kita -- kalau nak cerita memang lebih panjang, tetapi kalau tengok dari satu sudut, dia ni memang nak- nak menghapuskan Bahasa Melayu kita, tak kira bahasa ini, dia nak masukkan bahasa dia banyak nak jadikan ideologi dia, nak jadikan macam negara China. Ha, itu dia punya itu. Jadi dia terpaksa berkeras, dia terpaksa musnahkan semua orang lah. Dari segi ekonomi, dia akan *down* [jatuh] kan dan macam-macam, buat aktiviti yang- yang tak bermoral, yang jahat semua sekali dia akan *create* [cipta] kan. Jadikan negara Malaysia ini kucar-kacir. Itulah Komunis.

NJJ: Seperti tuan be- beritahu tadi, Komunis ingin menyebarkan ideologi mereka untuk- untuk mereasi--mereasi-- merealisasikan untuk pemerintahan mereka terhadap negara ini, jadi boleh saya tahu apakah ideologi Komunis?

ASU: Ideologi dia ialah satulah, dia nak- dia nak kembangkan dia punya fahaman Komunis dia itu -- *learnings* [pembelajaran] semua itu dari-daripada China masuk ke tempat kita. Jadi, dia nak jadikan negara kita, negara dia. Itu saja.

NJJ: Boleh saya tahu apakah lokasi yang menjadi tempat tumpuan pengganas Komunis ini?

ASU: Okey, kalau lokasi dia kalau tengok -- dia dua, satu kita tengok yang kepala-kepala ini kebanyakan ini dia beroperasi dekat bandar-bandar -- yang mempunyai IC awam, jadi dia boleh operasi lah. Yang kedua, Unit Penggempur ini kebanyakan dia, dia hantar *army* [anggota] dia lah banyak dekat luar. Unit Penggempur ini kebanyakan dihantar di dalam hutan. Ha, itu dia punya itu lah konsep lebih kurangnya dan HQ

Controller [kawalan] dia sebenarnya dia bergerak daripada -- kalau kita -- difahamkan dekat China lah dia punya.

NJJ: Boleh saya tahu apa yang menyebabkan perpeperangan ini berlaku?

ASU: Kalau kita tengok dari segi -- kalau Komunis ini, dia memang tak lain itu dia nak Malaysia saja lah. Dia nak masukkan ideologi dia dekat kita ini. Itu dia nak ambik Malaysia ini. Yang sebenarnya itu yang menyebabkan dia masih bertahan, dia ma- dia buat huru-hara. Kalau tengok dia gelincirkan landasan kereta api, dia bakar rumah, dia musnahkan tanaman, dia bunuh orang dan macam-macam lah. Itu dia punya itu.

NJJ: Boleh saya tahu masa penentangan Komunis, adakah terdapat perpecahan kaum?

ASU: Masa dulu memang tak ada lah. Kita hanya -- kita masih hidup seperti kita ber- berbilang kaum ini, hidup macam biasa lah hanya Komunis ini, kalau kita tengok, iya lah, dia cuba nak pecah- nak pecah lah sebab dia nak tarik kaum Cina ini tetapi benda ini tak jadi, kita dah kawal dari segi kita buat sekatan. Jadi, dia tak sempat nak -- orang dia tak sempat nak masuk. Jadi kita kawal benda itu daripada berpecah dan kita satukan balik. Ha, kita letak orang Melayu selonggok, jadi dia tak dan [sempat] berpecah lah. Kita ambil tindakan awal daripada dia.

NAS: Okey, tuan. Tentang soalan seterusnya saya nak menanya tuan tentang tugas tuan semasa penentangan Komunis. Apakah penglibatan tuan sepanjang peristiwa penentangan pengganas Komunis?

ASU: Okey, tugas -- kalau kita tengok tugas itu semasa penentangan Komunis daripada berkhidmat sembilan belas lapan puluh satu [1981] sehingga 2016. Tapi, yang rancak dia Komunis sehingga -- kita ambik sehingga tahun sembilan belas lapan puluh [1980] lah. Okey sehingga sembilan belas lapan puluh satu, itu rancak dia. Tugas dia yang dia bagi semasa operasi ini mu- jaga kawasan itu, *clear* kan kawasan itu, buat pembersihan bermakna untuk kawasan itu selamat. Okey dengan menjaga keselamatan orang-orang kampung lah itu -- semasa perang lah. Dan semasa kita dibuat aman, kita juga menjaga banjir, ketenteraman awam ini kalau orang buat rusuhan, kita pergi. Jadi itu orang kata semasa aman. Masa di luar lah. Semasa tugas operasi itu lah, tugas keselamatan dan keber- pembersihan kawasan hutan dan- daripada pengganas Komunis lah.

NJJ: Boleh saya tahu adakah tuan mempunyai nama samaran semasa menjadi tentera?

ASU: (ketawa) Nama samaran ini adalah pasal -- kalau kita tengok nama samaran ini banyak tapi yang paling itu, dia panggil Tiger lah. Dia garang sebab dulu nak kata garang, tak juga tapi bertegas sebab dalam tentera ini dia- dia kena ada disiplin sebab kalau tak ada disiplin, dia takkan jadi sesuatu kerja itu sebab bila tentera ini dia bertugas dengan nyawa, bertugas- bertugas dengan keselamatan kawan-kawan kan? Bukan nyawa kita sahaja, nyawa kawan-kawan, tak ada -- kecuaian kita, mungkin kawan-kawan kita akan tiada. Contoh dia, kalau kita tak tegas -- dalam hutan lah. Dia bagi -- dia panggil meski.. Meski ini dia *cup* [gelas], cawan. *Water bottle* [botol air] dia ada *cup* dia -- tempat minum air -- dia besi. Kalau kita ambil sudu kita kacau kelekang kelekang -- dalam hutan ini, dia punya bunyi itu memang pergi jauh sebab dia sunyi. Ha, dia- bila dengar sahaja, Komunis tahu dah. Ha, jadi

kita kalau boleh nak pijak semut pun jangan bagi mati. Ha, nak berlatih, kita nak melangkah pun kita tengok dulu baru langkah. Tak pun, terpijak ranting -- plak -- ha, dengar. Jauh dengar dah. Jadi tu -- nak masak pun kadang-kadang itu tak benar bawa ikan kering tak pernah. Ikan kering tu, (ketawa) berapa batu boleh bau dalam hutan dia -- dekat luar -- dekat hutan lagi lah. Hisap rokok pun kadang-kadang mereka terpaksa selubung-selubung dengan *blanket* [selimut] yang tebal, yang askar bagi itu. Ha, dalam itulah asap. Engkau nak sedut ke, engkau nak jadi apa ke, semua jadi dalam itu -- cahaya dia tak nampak, apa tak nampak. Itu keselamatan. Tidak ada bunyi. Kalau boleh itu lah yang kita nak dari-dari segi disiplin lah. Kita mesti -- memang disiplin *hundred percent* [100%] kena patuh. Bukan *ninety nine point nine percent, hundred percent*.

NAS: Masa dekat tentera dulu tuan beritahu sebentar tadi yang terdapat platur-platur, batalion-

(mencelah)

ASU: Okey.

NAS: -jadi saya nak tahu apakah nama platur atau batalion yang tuan pernah sertai?

ASU: Okey. Kalau dulu tu dia -- zaman awal-awal Komunis itu dia- dia panggil -- dia ada 4 platur -- dia ada 4 kompeni. 4 kompeni dan satu kompeni yang mana 5 lah. Satu kompeni pentadbiran, empat kompeni perang dulu -- nak- nak kaitkan dulu. Sekarang ini dia hanya dia ada kompeni -- sikit. A, B, C selepas itu terus bantuan. Ha, dia ada untuk

bantuan, kira jawatan berat lah sebab banyak kepada -- sekarang ini banyak kepada latihan. Dulu dia ada 4 kompeni perang, dia tak ada bantuan, satu kompeni pentadbiran dari segi yang kata ada doktor, tukang masak dan sebagainya. Okey jadi dalam 4 -- soalan tadi apa? Kait kepada soalan tadi?

NAS: Apakah nama platur atau batalion yang pernah tuan sertai ketika-

(mencelah)

ASU: Okey.

NAS: -ketika peristiwa?

ASU: Bila -- tadi keterangan tentang platur dan- dan kompeni. Okey bila dah masuk, kalau kita dah mula-mula kena masuk, dia akan bagi kepada satu kompeni perang. Contoh maksud dia tak boleh pakai *admin* [pentadbir]. *Admin* ini orang lama, dari segi nak jaga kenderaan. Okey, jadi yang pernah masuk dulu tahun awal 81 mula tauliah masuk D kompeni. Kompeni yang keempat. Dia A kompeni, B kompeni, C kompeni, D kompeni. Okey askar Melayu semua sama dulu. A kompeni ada tapi yang membezakan adalah unit. Okey A kompeni daripada 12 RAMD, B kompeni daripada 10 RAMD. Maknanya unit semua Melayu lah itu. Ha, A kompeni daripada satu renjer -- unit perang itu ada 2, satu renjer, satu askar Melayu yang ada bulu ayam itu -- itu Renjer, yang pakai tag itu. Askar Melayu dia- dia macam buah nenas dekat dia punya ini kan Itu askar Melayu. Jadi beza unit perang ada 2. Bermakna dulu masuk, banyak kepada D kompeni, kemudian dia akan bertukar lah.

Lama sikit, dia akan buat -- atas pemerintah lah. Buat tugas, semboyan ke, buat risik ke, dan sebagainya.

NJJ: Terima kasih tuan. Soalan seterusnya kita beralih pula kepada situasi sebelum Penentangan Komunis tersebut-

(mencelah)

ASU: Okey.

NJJ: -macam mana--boleh tuan ceritakan situasi sebelum penentangan Komunis tersebut dari segi persiapan semuanya?

ASU: Okey sebelum kita sesuatu -- mengadakan sesuatu tugas itu yang kita dapat, okey kita dah dibagi *early warning* [amaran awal] awal. Okey contoh dia dalam masa-- contoh dia lah 3 hari atau- atau seminggu lah sebelum- sebelum kita masuk operasi itu, kita hanya bagi *order* [arahan]. *Order* ini perintah yang disampaikan oleh pegawai pemerintah dia panggil kepada ketua kompeni, ketua kompeni kepada ketua platur. Ketua platur ini jaga platur lah. Ketua kompeni jaga 3 platur, dia namakan kompeni. Dia akan bagi perintah sebelum masuk itu. Makna kita terima perintah itu. Contoh perintah dia, dia bagi lah. "Okey, misi kita untuk musnahkan pengganas Komunis di kawasan tanggungjawab." Yang dia bagi lah -- okey tanggungjawab kita lah. Selepas itu, tugas kita apa dia? Melaksanakan rondaan, melaksanakan apa- perintah-perintah. Kemudian dia akan bagi kita siap-siapan, *ration* [catuan]. *Ration* dulu *ration* dalam tin, dalam tin, beras semua dalam tin dia bagi -- dia ada pek, satu pek tu 2 hari. Makna kalau 14

hari dia bahagi 7 -- 7 pek besar satu seorang. Bermakna pandai-pandai kita lah. Kita akan buat packing semua. Dari segi persiapan pakaian nak bawa. Ha, semua persiapan itu lah. Dari segi *rehearsal* [raptai], cuci senjata, kan sebelum masuk itu. Senjata lama tidak digunakan itu kita cuci takut berkarat dan sebagainya. Ha, yang ini semua itu kita kena ambil kira. Kita buat persiapan dah lengkap semua itu, orang kata kalau nak bergerak pukul petang ini- pagi itu dia- dia *supply*[bekal]kan peluru dua ratus [200] butir seorang, *grenade* [bom tangan] 2 bji seorang *grenade- hand grenade* bom tangan orang panggil itu. Ha, *so* bila dah siap itu *just* [hanya] kita tunggu lah. Pukul 2 nak bergerak, kenderaan menunggu. Kita terus masuk, bergerak. Makna persiapan itu lengkap lah dari A sampai Z.

NJJ: **Adakah kerajaan pada masa itu memberi bantuan dari segi kewangan, perkakasan dan sebagainya?**

ASU: (tertawa halus) Dia -- sebenarnya dari segi itu tidak adalah. Hanya berharap pada gaji kita saja lah. Ha, hanya dia -- bantuan macam tidak adda. Bantuan prihatin macam prihatin sekarang ini tidak ada. Dia hanya -- sebab kita, kita dah diberi gaji, kita laksanakan tugas kita sahaja. Itu saja.

NJJ: **Boleh saya tahu siapakah Menteri Pertahanan pada ketika itu?**

ASU: Oh, pada masa itu (berfikir) siapa itu? Rasanya -- pasal lama dah, 30 tahun- 36 lebih tahun dah.. Tun Abdul Razak tak silap Menteri Pertahanan pada masa itu.

NSA: Tun Abdul Razak?

ASU: Hmm (mengiyakan) Pernah jadi. Sebab dia banyak tukar menteri-menteri kan? Jadi, dia ada sekejap-sekejap. Ha, masa itu kita pun tak macam kancah politik sekarang- banyak bertukar bertukar. Dulu dia lama sebab dia tumpu kepada hutan sahaja. Kita tak ada -- kadang-kadang itu, baru balik hari ini- baju basah lagi kita masuk semua dekat kem, dapat ni “Okey, masuk hutan balik. *Spotted* [dikesan] Komunis ini di kawan sekian” -- *Packing packing* [mengemas], naik trak -- jalan. Ha, dulu kerja dia. Kita tak-tak ingat berapa hari bulan, siang malam kita tak tahu. Sampai tak nak tunjuk dia punya agresif Komunis masa itu kan. Ha, jadi sampai tahap macam itu lah.

NSA: Okey soalan seterusnya. Saya nak tanya, apakah klasifikasi atau tahap maklumat yang diperolehi berkaitan pengganas Komunis?

ASU: Okey sebenarnya maklumat ini dia banyak rahsia lah tapi kita dapat maklumat ini dari segi- da- daripada orang hubungan kita lah. Cara kasar macam itulah, hanya nak cerita terperinci itu memang tak boleh lah. Tapi banyak maklumat yang kita dapat lah. Kita pun ada sumber tertentu dari segi -- kadang sumber daripada maklumat orang kampung, dan banyak-banyak sumber lagi lah. Sumber terdekat itu banyak lagilah. Itu yang membolehkan kita tahu lebih kurang kawasan itu ada penjejakan dan sebagainya. Ada nampak kesan dan sebagainya. Dari segi ronda kita laku pun, dapat maklumat juga. Kadang pasukan lain beritahu, “Ha, okey saya nampak jejak ini dalam 3 hari punya jejak ataupun 2 hari punya jejak menghala ke arah timur- dalam 2 hari”. Kita pun tengoklah. “Oh, ini ikut masuk kawasan kita”. *Information* [maklumat] itu sentiasa masuk sebab bukan unit kita sahaja, unit lain pun ada lagi kawasan. Contoh dia kalau pakcik (merujuk kepada diri sendiri) dulu 12 Melayu--27 Melayu awal itu. Selepas itu, tukar nama

12 dua tahun kemudian -- 12 Melayu. Contoh kawasan *radius* [lingkungan] dia ambil contoh lah 10 kilometer. Di luar itu 12 Melayu ataupun 27 Melayu, di luar sikit lagi itu mungkin 10 Melayu. Bermakna semua ada orang. Ha, jadi unit berlain-lainan. Ha, itu dia.

NJJ: Soalan seterusnya, boleh saya tahu siapakah ketua bagi kumpulan tuan pada per- apa itu- kejadian tersebut?

ASU: Maksud kejadian macam mana itu? Yang-

NJJ: Kejadian penentangan Komunis

ASU: Ketua? (Keliru)

NSA: Ketua platur tuan pada masa itu.

ASU: Okey ba- banyak sebenarnya sebab kita dalam masa di unit itu dia banyak bertukar. Masa itu, masa awal-awal masuk itu adalah Leftenan Kolonel Haji Abdul Rahman Said dulu. Bos dia. Dia panggil Pegawai Pemerintah Leftenan Kolonel Haji Abdul Rahman bin Said. Arwah dah sekarang ini, baru meninggal tahun- setahun yang lepas. Ha, dulu -- selepas itu, kadang-kadang Pegawai Pemerintah ini dia duduk dalam 2 tahun, 3 tahun bertukar orang. Kita pun kadang bertukar jadi kalau nak cerita itu memang rasa berbelas Pegawai Pemerintah itu. (ketawa halus) Ha, banyak. Tapi itu yang awal dia lah.

NAS: Oh, dia memang selalu bertukar-tukar?

ASU: A'ah bertukar (bersetuju). Dia tidak tentu; Kadang 2 tahun, 3 tahun tukar. Datang Pegawai Pemerintah baru. Ha, dia format balik. Yang ini mungkin dia pergi ke MINDEF (Ministry of Defence Malaysia), pergi mana- pergi unit mana ke ha, terpulang kepada pertukaran lah. Ketua kompeni pun sama. Kadang-kadang bertukar orang. Orang ini naik pamgkat, jadi ini. Orang tukar unit ini bertukar. Tapi di awal dia itu lah.

NAS: **Jadi pada masa itu, macam saya nak tahu masa -- sekiranya pada masa itu kan zaman macam riuh-riuh dengan pengganas Komunis kan? -**

(mencelah)

ASU: Okey

NAS: -jadi saya nak tahu pada masa itu ketua itu berpindah. Kalau ketua baru masuk dia jadi macam, strategi dia itu bertukar juga kah?

ASU: Ha, dia strategi itu dia atas kebijaksanaan Pegawai Pemerintah itu. Macam -- contoh macam pakcik dulu pegang Ketua Kompeni. Okey berpangkat -- dia Ketua Kompeni sama ada Kapten atau Mejar. Ha, itu adalah syarat-syarat dia lagi kan. Makna kalau ditukarkan ke unit lain, contoh Unit Perang -- kalau Unit Pentadbiran kita jaga pentadbiran di- di pejabat lah. Unit Perang contoh dia. Maknanya itu atas kita jugak. Tak -- tapi berdasarkan kepada pengalaman kita lah sebab masing-masing itu semua ada pengalaman dah. Hanya nak sesuaikan dengan tempat. Ha, tapi kebanyakan dia kalau kita baru pergi itu, kita hanya Penolong kita -- dia ada Penolong kan? Ha, macam mana -- jadi kita tanya pandangan, *decision making*

[membuat keputusan] kita lah. Jadi benda itu kadang tak lari jauh mana pun. Lebih kurang sama benda itu pun.

NJJ: Boleh saya tahu ap- adalah terdapat pasukan kesihatan yang telah bersiap-siaga untuk melakukan apa tu- rawatan awal?

ASU: Okey untuk -- kalau kita nak laksanakan tugas operasi ini, kebiasaan dia kalau -- kita ambil batalion -- yang besar batalion. Bawah batalion dia ada 5 kompeni, okey. Contoh dia lah, saya bagi contoh. Jadi kalau kita keluar operasi, dia akan bagi seorang doktor. Doktor yang berpangkat sama ada Leftenan Kolonel ataupun Kapten. Bermakna, memang doktor askar lah, doktor betul lah. Dia tugas dia akan berada di HQ. HQ ini contoh dia kalau Pegawai Pemerintah itu dia panggil Pegawai Memerintah, Commander -- CO. [Commander Officer] berpangkat Leftenan Kolonel. Dia duduk di- di Raub lah contoh dia, *base* [asal] dia. Orang dia masuk hutan, ha, dia kawal dari situ doktor. Dan di kompeni itu dia dah -- yang cerita tadi dia ada 4 kompeni perang. Satu tadbir ini di bawah. 4 perang ini masuk hutan ini, dia ada lagi dia tumpangkan *medical* [perubatan], anggota *medical* anggota perubatan ini dari segi anggota daripada kesihatan sendiri ataupun kalau tak cukup, anggota yang- tentera yang ada kursus *medical* dia akan masuk, Dia akan bawa *medical pack--medical bag* [beg perubatan] itu kan. *Pack* itu dia akan bawa. Dan di peringkat platur kita ada anggota yang pergi kursus *medic* [perubatan]- *medical*- kursus *medic*. Ha, kita tumpangkan dekat situ. Orang kata *treatment* [rawatan] itu mereka akan bagi. Kalau dah teruk, kita akan bawa keluar. Doktor itu akan *jump* [menaiki] kenderaan akan ambil atau dengan *heli* [helikopter] ke. Dia akan bawa pergi hospital.

NSA: Jadi maksud- maksud tuan pasukan yang mengambil kursus kesihatan itu yang bertanggungjawab dalam-

(mencelah)

ASU: (bersetuju) Ha, dia - dia bertanggungjawab sepenuhnya. Dia adalah anggota perubatan sendiri-- yang bertanggungjawab itu adalah anggota kesihatan sendiri. Memang dia ada doktor yang betul-betul yang bertauliahan, yang betul-betul -- yang masuk ko- (gangguan daripada kucing)

NSA: Okey, maafkan saya. Saya nak -- boleh tuan ulangi- ulang balik tentang siapa yang bertanggungjawab bagi pasukan kesihatan?

ASU: Okey yang tanggungjawab itu dari segi co-kesihatan sendiri. Di ada tentera dia ada co-kesihatan setiap satu. Jadi dia akan *attached*kan [sertakan] satu doktor yang pangkat Kapten. Dulu bahasa dia Kapten lah. Letak di unit itu, bermakna kalau operasi atau apa dia akan bergerak lah macam saya ceritakan tadi kan. Kalau di peringkat kompeni akan ditumpangkan anggota kesihatan yang lain pangkat sama ada prebet, Lans Koperal. Tapi memang dia- memang dia anggota kesihatan -- tentera juga -- dan daripada -- dekat platun itu dia akan tumpangkan anggota sendiri, anggota askar Melayu itu sendiri yang ada kursus *medic*. *Medic* ini panggil istilah *medical* lah. Ada kursus itu, jadi dia akan bawa *pack* perubatan -- orang kata dari segi tindakan rawatan awal- awalan itu, mereka semua *prepared* [bersedia], semua ada.

NJJ: Boleh saya tahu berapa lama untuk anggota tentera melakukan persiapan?

ASU: Persiapan itu kalau ikut itu kalau kita dapat amaran awal itu, dalam sebulan itu kami dah buat *prepare* [bersedia] lah. Anggota masing-masing dah buat persiapan macam-macam lah dari segi anak-anak sekolah macam mana, kewangan, dari segi persiapan nak masuk, dari segi peralatan nak bawa dan sebagainya -- awal lagi

NSA: Okey soalan seterusnya. Saya nak tahu bagaimana anggota Komunis itu bergerak ke tempat persembunyian pengganas Komunis?

ASU: Okey. Dia bergerak ini macam itu lah. Kalau dalam hutan ini, dia ada tanda masing-masing -- spot dia. Contoh dia, laluan dia -- dia sebab dalam hutan, biasa dah. So, jadi pergerakan dia ini dia tak ramai dalam 3, 4 orang sahaja. Mungkin nak elak daripada bunyi bisig itulah. So, dia ada tanda-tanda dia untuk- untuk dia nak bergerak lah. Jadi dia macam kita juga bila diarahkan bergerak ke arah sana, diarahkan juga kawasan ini, -- sama lebih kurang kita lah. Hanya pergerakan -- dari segi beza dia dari segi pergerakan dia kumpulan kecil, ba- dan tanda dia itu kita boleh tengok lah. Anak panah di pokok ke, di batu ke, dia ambil batu dia susun bentuk O ke, bentuk anak panah ke, bentuk U ke, ada lah itu *sign* [tanda] dia itu. Ha, makna kalau kita biasa itu, kita dah tahu lebih kurang.

NSA: Okey soalan seterusnya, kita hendak tau [tahu] berapakah bilangan anggota tentera yang tertewas semasa berperang dengan pihak komunis? (suara bercakap)

ASU: di- di sekitar Pahang ni tak [tidak] ramai lah, hanya kena *vague trap* [jerangkap samar] tu, di Pahang ini jerangkap samar, *vague trap* itu

jerangkap samar dia dari segi dia letak panji ke panji itu (batuk) buluh yang diruncing, tajam-tajam dia, gali lubang dia letak kan, dari segi satu tempat itu dia letak bom melalui pijakan ke, melalui lepasan, dia meletup ke, macam- macam la jadi tak ramai lah yang kena. Ada juga kena, tapi orang kata segelintir itu kecil lah.

NSA: Hmm (sambil menganguk faham)

ASU: Tak -

(Mencelah)

NJJ: Maafkan saya tuan

ASU: Okey okey

NJJ: Boleh saya tahu berapa lama masa untuk sampai ke tempat persembunyian Komunis? (suara orang bercakap)

ASU: Okey, dia- dia, tempat ini kita tak menentu. Kadang-kadang tu kit- nak kata pun susah juga, hanya kita boleh berpandu kepada jejak dia, kerana jejak dia, kadang-kadang itu sampai satu hari, kadang-kadang itu setengah hari ada, kadang-kadang itu jam pun ada kadang-kadang kita terserempak jejak baru tapi tempat sembunyi dia itu , kalau kumpulan kecil ini dia tak buat khemah macam kita ini, dia hanya kadang-kadang dia panggil daun, pernah jumpa itu daun belalai gajah yang besar (suara batuk) yang besar itu. Dia tarik, dia buat bumbung, dia duduk tak [tidak]

lama, dia dalam sehari dia bergerak, sehari bergerak -- kumpulan besar ini okey kita tengok jejak banyak-- atau kita perhati, dia buat daripada kayu balak, kayu dia tebang dia buat untuk tempat *safety* [selamat] dia, kita tembak pun kena kayu dulu -- jadi jika ada sentri dia banyak, itu besarlah. Jadi, bergantung kepada jejak yang kita jumpa lah, baru kita tahu besar ke kecil tempat dia kan, dari segi kita tinjau. Ha, itulah. (suara bercakap)

NSA: Pada masa itu, pihak tentera ada menggunakan kenderaan apa-apa jenis kenderaan ke? Untuk sampai ke tempat persembunyian Komunis itu.

ASU: Tiada. Kita hanya menggunakan kaki lah (ketawa) sebab dalam hutan kan, tengah-tengah hutan (ketawa) dia hanya, kalau kita tahu tempat itu, kita pergi tinjau ya lah tinjau kita tu memang orang kata very-very [sangat-sangat] orang kata *first class* [kelas pertama] lah, ya lah main nyawa kan, jadi kita kena berpikir, tinjau dia. Tengok betul-betul, selepas itu kita undur balik, kita bagi tau [memberi tahu] pihak atas ada nampak spot-spot [tempat-tempat] komunis, ni ada khemah dia, ada kekuatan empat ke lima orang ke, tujuh orang ke, sepuluh orang ke, kita bagitau [memberitahu] la maklumat, okey saya akan ambil tindakan untuk buat serangan ke. *Then*, baru kita ambil tindakan kita.

NSA: “Hmm” (ambil menganguk faham). Boleh saya nak tahu bagaimana strategi yang dipraktikkan semasa peristiwa tersebut berlaku?

ASU: Okey, strategi itu ialah yang kita belajar lah dari segi taktik serangan, taktik pengeledahan, lepas serangan, penggeledahan, taktik sekatan kan. Jadi, dia ada dia banyak peringkat lah, kita tengok dari segi alam semulajadi, kedudukan dia tebing macam mana, kita kena kaji lah.

Makna biasa kalau kita nak buat itu kita kena ada pulan [kumpulan] sekat, penyekat. Contoh dia kalau Komunis dekat sini, depan dia hujung dia itu kena ada penyekat. Okey, selepas itu kumpulan serangan dekat sini yang nak serang ini. Maknanya, kalau Komunis tu lari dia akan menghala ke kumpulan ini, maknanya macam kita pasang jerat, pasang bubu kan, kita kacau ikan dekat sini, ikan lari dia masuk kat bubu itu itupun nasib baik, banyak lah. Kalau nasib tak baik dapat lah sikit-sikit, iya lah. Selepas itu, kita dah *clear* [bersih] dah senyap itu, kita buat penggeledahan, penjejakan dia panggil. Kita tengok okey, dia beritahu, *report* [lapor] “Okey kawasan ini *clear*”, Kawasan ini bersih bersih -- okey dapat 3 orang. Selepas itu, ada jejak lagi, ikut jejak camtulah [macam itu lah]. Kalau kita jejak masuk Kawasan lain, kita maklum balik (batuk) masuk ke Kawasan sekian, orang sana pulak akan buat mungkin macam itu lah konsep dia

NJJ: Boleh saya tau [tahu] bagaimana situasi semasa penentangan komunis tersebut?

ASU: Si-situasi itu memang kita panggil memang ialah orang kata pasal tak takut itu tipulah, semua takut main dengan peluru , main dengan nyawa ini, jadi kawas--keadaan masa itu memang gentir lah, kadang-kadang kita tak tahu siap-- kita dah atur cantik, benda jadi itu, kadang dalam hutan ini kadang jarak dia dalam 5 meter pun tak-tak pernah nampak dalam hutan itu. Jadi, payah kita nak kawal, hanya nak kawal itu dari segi pengalaman saja. Sebab bahaya dia takut kita contoh kita dah bergerak Panjang ini, jarak dia jadi kita tak. Nampak kawan kita kedepan, Nampak komunis kita tembak takut kita tertembak kawan, itu bahaya dia. Jadi, suasana itu agak kucar-kacir sikit la orang kata dari segi pengalaman itu kita boleh atasi dia lah.

NJJ: “Hmm” (sambil mengangguk faham) boleh saya tahu apa peralatan yang digunakan oleh tentera semasa penentangan komunis?

ASU: Okey, peralatan kebanyakannya memang senjata lah kita gunakan dulu “M16”, “M203”. M203 itu yang ada *launcher* [pelancar] dia panggil *launcher* bawah itu kan, dia atas itu ada *barrel* [tong] senjata, bawah itu kita boleh masuk macam, *launcher* itu macam istilah dia nak mudah faham macam bom kecil lah kita masuk, kita lonjak dia itu (suara batuk) dia boleh tembak boleh pergi jauh jadi *hand grenade* [bom tangan], banet dia bagi, kadang-kadang dah peluru dah abis [habis] kita nak serbu kita pasang banet kita serbu. Itu, kita ada latihan juga cara nak lawan dengan benet dengan senjata tu. jadi itulah yang tali, kita bawak lah, kebiasanya tali tu memang kena ada, poncho yang dalam tu, poncho bukan sekadar kita buat lapik tidur je, kadang-kadang nak *river-crossing* [menyeberang sungai] itu guna poncho lah. Cari daun-daun nipis, a-akar-akar kayu nipis, masuk dalam poncho tu kita ikat buat *floating* [terapung], *cross* [menyeberangi] (suara batuk) sungai itu.

NSA: Pada masa itu adakah macam terdapat jenis peralatan lain seperti pisau?

ASU: Yang itu kena bawak la. Dia panggil Banet-

(mencelah)

NSA: Benet (sambil mengangguk faham)

ASU: Banet itu memang diisu, kita bawak. Benet itu tujuan dia bukan sekadar nak kalau habis peluru lawan komunis dengan itu saja. Tapi, jarang

habis peluru lah, orang kata kehabisan peluru, kalau kita jalan ada jerangkap samar Kawasan tu, kita buka banet kita cucuk lah. Cucuk tak boleh *straight* [lurus] gini [begini] (sambil menunjukkan cara) takut straight [lurus] tertekan penutup, cucuk tepi. Kalau tap tap macam besi tu dia gali la. Itu fungsi dia tu (suara latar dan suara batuk).

NJJ: Terima kasih tuan, soalan seterusnya berapa bagaimana anggota tentera mendapatkan bekalan senjata?

ASU: Anggota tentera?

NJJ: A'ah (sambil mengangguk setuju)

ASU: Maksud dia anggota tentera?

ASU: Memang dia, satu unit itu memang dia pegang senjata sudah. Jadi, memang cukup untuk ini, makna bukan cukup-cukup dak (tidak), dia memang ada lebih. Jadi, kalau kita yang beroperasi ni tidak ada masalah lah dari segi bom motar- peluru motar, kan kita tengok dia letak yang kecil tu, masuk peluru, lepas tumm dia pergi itu ada, dia ada *team* [kumpulan] dia, peluru itu dah siap, peluru tu, senjata dah ada semua dah ada. Hanya kita *just* [c uma] dapat arahan pergi, ambik senjata masing-masing. Memang senjata itu sudah ada nama masing-masing dah. Dia bukan ambil- pakai boleh ambils aja. Dia -- contoh kalau saya dimasukkan di D Kompeni, contoh dia platur satu, okey, platur satu contoh dia ada D Kompeni ini empat A, B, C, D (sambil membuat isyarat tangan empat) nombor 4 lah. Dia *start* [mula] daripada empat. Okey,

401, 402, nombor saya 400 lah. Apa saya pergi mana sekalipun, saya akan ambil senjata 400. Orang jaga stor senjata dia akan bagi, masuk *number* [nombor] *sign* [tanda tangan] okey serah.

(Mencelah)

NJJ: So maksud tuan macam setiap peralatan itu dah dilabelkan khusus untuk?

(Mencelah)

ASU: Khusus untuk seorang seorang itu.

NJJ: Hmm (sambil mengangguk faham)

ASU: Dia tidak boleh tukar dan dia tidak boleh ambik senjata orang lain. Senjata kompeni lain tidak boleh. Kalau D Kompeni , A B C D nombor empat kan? Makna empat itu D, kalau kepala satu itu A Kompeni

NJJ: Hmm (sambil mengangguk faham)

ASU: Dan daripada A Kompeni itu, dia kena ambil senjata dia lah, yang dah ada nama dan buku itu dah ada nama. Contoh dia, saya D Kompeni, 400, Azli. Saya nak buat latihan ke pergi kursus kena bawak senjata ke, nak pergi operasi ke itulah senjata saya. Kalau rosak, katalah se- mungkin rosak, kita buat latihan pecah, dia bawak *repair* [baiki] kemudian dia akan membuat penggantian sementara senjata lebihan itu. Dia memang ada lebihan.

NSA: Adakah macam ada- ada kerja--bagaimanakah macam orang tersilap bagi senjata atau akan ada (suara berdehem).

(Mencelah)

ASU: Setakat ini memang tak ada silap lah.

NSA: Tak ada (sambil menggangguk faham)

ASU: Sebab dia dah ada urutan dia (sambil ketawa), dia dah ada nama. Contoh dia, kalau Nur Syakirah lah, okey masuk datang, dia akan bagi, okey dia tengok penjaga itu pon dari Kompeni itu juga, Nur Syakirah datang, okey, ada nombor senjata? Dia tahu dah kita bagi tahu la D401, dia akan ambil la D401, dia tengok semua okey. Kita tengok la senjata itu, kita tengok la semua, semua dah ada, lengkap semua itu baru *sign* [tanda tangan]. Kita pun kena *check* [periksa] juga, takut hilang sana hilang sini nak tembak tak boleh tembak pulak. Dah *check. clear* semua bersih baru *sign* ambil.

NJJ: Terima kasih tuan, boleh saya tahu semasa penentangan dengan Komunis tersebut, bagaimana anggota tentera berkomunikasi sesama mereka? (suara latar belakang kedengaran)

ASU: Okey, untuk komunikasi itu, kami dibagi- dipanggil *radio set*. *Radio set* ini kemudahan radio lah. Dia bagi okey tengok dia bawak, dia pikul belakang itu anggota semboyan. Anggota semboyan ini adalah anggota dari unit itu yang ada kursus semboyan, iaitu kursus Signal, orang putih panggil signal la. Okey, pakcik pernah pergi untuk Kurus itu, kursus itu

dipanggil *Regional Security Officer (RSO)*. Kalau unit itu dia ada satu pegawai RSO berpangkat Leftenan Muda atau Leftenan. Sekarang ini dia dah *upgrade* [naik taraf] kepada Kapten Ia. So, pegawai ini dia akan tentukan orang-orang dia masuk operasi, dia ini duduk dalam kumpulan *admin* yang pakcik kata tadi ada A B C D. D Markas, markas ini ada pegawai semboyan, pegawai semua dia ini operasi sahaja, pegawai semboyan akan bagi okey, kamu nama Mamat, Ali ini kamu pergi kepada A Kompeni. Kope- prebet la kebiasaannya dia bagi kepada platoon. Lepas itu sorang lagi *in-charge* [yang ditugaskan] Lans Koperal atau Koperal kamu pergi kepada HQ dia. Bermakna, satu kompeni akan dapat empat core [teras/utama] semboyan.

NSA: Hmm (sambil menggangguk faham)

ASU: Dan dia akan bagi la *radio set*, dia akan bawa sendiri lah.

NJJ: Berdasarkan tuan kata tadi markas itu dikira macam *headquarter*?

ASU: Markas tu markas kompeni, dia ada markas batalion itu, dia akan jaga semua ini *overall* [keseluruhan] markas kompeni ini dia se- sebahagian daripada markas tadi, yang- yang kompeni tadi. Dia ada A kompeni, B Kompeni, C Kompeni, D Kompeni, Markas Kompeni. Jadi ini tugas dia dapat arahan daripada markas batalion yang besar sekali, dia atas itu, dia akan arahkan okey, contoh kalau nak pergi operasi okey, dalam perintah dia panggil itu, okey platoon semboyan, kamu ceraikan empat orang anggota, maksudnya ceraikan anggota la kepada A Kompeni, empat-setiap Kompeni. Bermakna saya akan bahagikan empat orang satu semboyan setiap Kompeni. Tugas saya bahagi orang, abis la tugas saya dengan *set complete* [set lengkap] la, dengan bateri dia dengan apa. Okey, lepas itu dia kata G- senjata berat, senjata berat ini (General

Purpose Machine Gun) GPMG yang kita tengok dia pasang kaki , dia tembak itu, okey ceraikan satu kepada setiap kompeni bermakna *in-charge* dia pula, *in-charge* dia biasanya Sarjan atau Korporal. Dia akan cerai la, dia akan bahagi A Kompeni satu -- maksud dia macam itu lah Kompeni Markas ni. Dia hanya bahagi orang saja tak- dia duduk dengan Markas Batalion sahaja di bawah CO (Pegawai Memerintah) tadi.

NJJ: Boleh saya tahu pihak mana yang memulakan serangan semasa penentangan Komunis tersebut?

ASU: Okey, dia serangan ni dia sebenarnya dia boleh dikatakan atas pasukan yang jumpa tu. Dia- dia tidak- contoh dia D Kompeni buat operasi Nampak- nampak Komunis itu, sebab dalam Kawasan tempat tidur bukan dalam kawasan orang lain. Jadi, beritahu dekat HQ, HQ kata buat surat barisan, kami akan buat serangan, dia kata okey, *clear* [bersih] kami sendiri akan buat lah. Jadi, sini yang akan aturkan siapa nak ke sini, siapa nak ke sini. Mana unit yang berada dengan Komunis itu sendiri yang akan membuat pengaturan sebab dia yang tahu kedudukan dalam hutan itu macam mana

NJJ dan NSA: Hmm (Sambil menggangguk faham)

ASU: Masing-masing punya itu lah.

NJJ: Soalan seterusnya, adakah terdapat serangan daripada pihak Komunis dan bagaimana?

ASU: Setakat ini kalau kita tengok jarang berjumpa macam itu, ada juga la satu dua, kadang-kadang dia tengok unit kita kecil, kebetulan dia besar ini dia buat serangan. Tetapi, nak- kebanyakan dia tidak pernah berjaya

tetapi kebanyakannya dia tidak buat serangan lah pada kita sebab dia ini kumpulan kecil kebiasaan dia, dia tidak besar macam kita. Makna kalau kumpulan kecil, dia buat serangan makna menempah maut lah sebab kita ini orang ramai (sambil tersengih) dia sikit. Senjata dia senjata lama , senjata kita senjata baru. Jadi, kebanyakkan dia tidak pernah berlaku. Kecuali kalau dah terpaksa baru lah, kadang-kadang dia buat serangan bukan serangan, dia kacau kita dia lari, aa aitu jela.

NJJ: Hmm (sambil mengangguk faham).

NSA: Boleh saya tahu berapa jarak itu jauh antara markas tentera itu dengan tempat persembunyian Komunis?

ASU: Dia- kita tidak tahu tempat dia sebenarnya. Tempat Komunis ni bergantung kepada pasukan yang ada didalam hutan itu sendiri kalau dia kadang-kadang Kawasan yang dia bagi ini mungkin takda- dalam masa dua bulan ini tiada apa pun, kalau tempat lain dia- dia tidak tentu Kawasan dia, kita tidak boleh nak katakana berapa jauh, kit- kita tidak pasti. Dia atas Komunis itu sendiri yg buat. Komunis pun bukan duduk di situ sahaja memanjang. Dia akan bergerak, dia duduk mungkin dua tiga hari dia bergerak, di- dia sebab kalau dia duduk lama, bahaya dia di- dia kena bergerak. Dia paling lama pun, kalau tengok paling kurang, kesan dia tu kalau dalam kumpula besar itu mungkin seminggu dua la kalau kumpulan besar, ramai orang. Kalau dalam sikit-sikit itu mungkin dalam sehari atau dua hari dia akan bergerak lah.

NJJ: Tadi tuan ada ceritakan tentang perbezaan antara senjata daripada pihak tentera dengan pengganas Komunis, boleh saya tahu apakah senjata yang digunakan oleh pengganas Komunis?

ASU: Dia -- okey, kalau kita dah- tangkap senjata itu, senjata lama daripada Rusia, SLR senjata lama yang berat itu, macam kayu itu. Dia guna baik senjata lama dan senjata buatan sendiri.

NJJ: Hmm (sambil mengangguk faham)

ASU: yang dia biasa guna, dia buat, dia *modified* [diubahsuai] tidak tahu la daripada yang pernah kita jumpa lah. Selepas itu, dia banyak kepada bom pun dia banyak bom buatan sendiri dia ada, sebab dia pun ada *specialize* [Khusus] juga yang ialah, kalau kita tengok dekat China ini mercun kan dia buat, jadi dia- tak mustahil dia boleh buat bom yang benda macam itu lah, kebanyakannya, tapi senjata lama dan senjata buatan sendiri lah dia pakai. (latar belakang suara)

NSA: Okey, tadi tuan ada ceritakan bagaimana pihak tentera mendapatkan bekalan senjata, jadi sekarang kamu hendak tahu bagaimana pula pihak Komunis mendapatkan bekalan senjata?

ASU: Okey, yang senjata ini kita pihak komunis ini- kami mempercayai dia dapat pun dari se- penyokong dia juga, iyalah kita sudah tahu juga kan daripada mana asal dia itu daripada China itu kan. Jadi, kebanyakannya situ lah dia dapat pun pada sumber dia. Di- dia tidak dapat daripada kita ini tiada dan dia dapat tu kadang-kadang hasil daripada mungkin dia pernah buat serang hendap dari kita berlaku serang hendap itu yang tentera banyak mati di sebelah Kedah dia- trak hantar *ration* [bekalan], dia *ambush* [serang] trak itu sebab dia tengok hari-hari pergerakan ambil *ration* makanan untuk ini, jadi dia *ambush* mati habis satu trak itu, mungkin di situ, tapi jarang la senjata moden ada pakai semua senjata lama.

NSA: Okey, kalau daripada tuan beritahu mendapat senjata daripada China, bagaimana itu dia itu be- senjata itu dibawa kesini macam menggunakan menggunakan bot atau apa-apa? (Suara latar kedengaran)

ASU: Dia kebanyakannya seludup lah, dia seludup. Kalau kita tengok daripada *pattern* [corak] pergerakan dia itu kebanyakannya dia bergerak melalui sempadan-sempadan, melalui bukit, dia bawa senjata itu dia pikul dia-dia takkan [tidak akan] mustahil dia akan bawak daripada darat ini tiada lah.

NJJ: Boleh saya tahu adakah senjata penganas Komunis tersebut memberi impak yang bahaya?

ASU: Okey, sebenarnya dari segi senjata dia kita- kita tidak ini pun memang banding dengan senjata kita, senjata kita lebih moden

NJJ: Hmm (sambil menggangguk faham)

ASU: memang kita ada dengan *Launcher* nya, *banet launcher* kan. *Banet launcher* itu kalau kita tembak itu boleh- duduk selonggok itu kalau senjata biasa kalau tembak sorang, sorang lah. Senjata ini kalau mungkin duduk selonggok itu sepuluh orang, sepuluh orang peluru itu jatuh semua kena. Jadi, senjata kita kena tengok dari segi itu, senjata kita banyak- moden la, kita tidak takut, hanya kita takut dengan dia, kita kena berwaspada jerangkap samar dia ini. Haa tu kena berwaspada. Yang dia pasang panji tu kata tadi itu apa itu, panji yang buloh-buloh runcing ditanam atas akar kayu tajam ataupun dia tanam dekat pokok, kita tersepak datang tajam dekat depan kita. Dia buat letupan pijak meletup. Begitu lah yang kita duk [duduk] risaunya.

NSA: Hmm, berapa lama dia hendak buat sesuatu itu macam senjata dia itu?

ASU: Kalau tengok tu pun ialah diaorang ini ada pakar dia, dia belajar pun daripada sana, daripada China sana itu, banyak dia belajar cara buat bom dan macam-macam itu tapi daripada jangka berapa lama itu kita tidak pasti la tapi kalau kita tengok dari segi benda dia buat itu memang pakar lah. Tapi jangka masa tu kata *short period* [masa pendek] tapi berapa lama rasanya tidak pasti ad buat tu kan (suara latar kedengaran)

NSA: Hmm (ambil mengganggu faham)

NJJ: Okey, terima kasih tuan, dari segi strategi anggota tentera pula, apakah strategi yang dilakukan oleh pihak anggota tentera?

ASU: strategi macam mana tu? Yang

(mencelah)

NJJ: dari segi penangkapan peng- penganas Komunis.

ASU: Okey, startegi kita hanya- banyak kita buat ini dari tektik dia pada kadang-kadang itu iyalah kita nak- nak tangkap orang ini, nak bunuh orang ini payah kana aa nyawa ini, jadi- lepas itu kita kena pikir jugak kat hutan itu rumah dia kit- rumah dia kita tahu kit- macam kita nak masuk rumah orang la, nak mencari tandas kena tanya dimanakah

tandas, haa, kalau rumah sendiri kita terus pergi kan. Jadi ibarat dia macam itu, jadi kesukaran kita ini nak dapat ni- ni payah. So, kita kena buat strategi kita, kita pun kena berpecah kepada kumpulan kecil kadang-kadang. Kalau kita duduk dalam stau tempat, kita masuk okey kamu empat orang kamu keluar, kamu empat dua orang buat serang hendap. Begitu, kita kena kumpulan kecil jugak. Satu lagi itu, kita kadang-kadang pakai kasut askar kan, kalau dia tengok jejak dia tahu askar ada, kita kena tukar kadag-kadang kasut awam. Jadi bila tengok kasut awam haa ini tidak tahu mungkin orang dia kot, mungkin tapak tapak kasut biasa. Tapi memang seksa la, bila masuk hutan ini jalan dia licin, kadang kita nak panjat bukit itu, kadang dengan beban nya kita bawak ini ooo memang seksa. Kita pakai kasut askar ini memang ada *grab* [cengkam], tapak dia memang macam itu kan, (suara ketawa dan latar belakang). Jadi, itulah strategi banyak yang kita lakukan, kadang kita menyamar kita nak masuk dalam hutan itu, anggota semua menerap. Dekat 3 tan nampak 3 tan kosong la bila dekat bandar tengok ooo ini nak isi minyak ni, orang mendap. Jadi nak sampai malam itu, biasa gerak waktu malam jugak la. Orang tidak ramai sangat. Sampai dekat hutan itu kami lompat la. Dekat- waktu slow tu lompat sorang sorang untuk itu,

NSA: Okey, soalan seterusnya boleh saya tahu tujuan psikologi dilakukan oleh pihak Komunis?

ASU: se- serangan psikologi ini maksudnya kita, kita buat ini hanya untuk melemahkan Komunis itu sahaja. Kita buat macam-macam, kita buat macam contohnya lah kita menjerit sana menjerit sini biar nampak ramai, ouh ramai askar ini, kita kena lari, padahal sikit saja. Kadang-kadang orang itu dua tiga empat orang guling-gulin tembak sana, guling-guling tembak sini, bend aitu kenak cepat la, maknanya orang kata ramai ini, makna kalau lama tembak sini, lama tembak sana dia tahu orang ini

bergerak . jadi strategi itu kita kena main untuk melemahkan mental dia, itu, tapi banyak cara lagi lah kita nak buat itu. (suara ketawa)

NJJ: Boleh saya tahu bagaimana semangat kerjasaman antara kumpulan tuan demasa peristiwa penentangan Komunis itu?

ASU: Okey, semangat itu kita kena lebih akrab lah sebab kita, kita cuba tanamkan semangat itu ibarat maca mini, kalau kita dengar bunyi tapak kaki pun kita tahu sudah siapa dia, kawan kita ini, ibarat macam itu. Maknanya kalau kita tidur pun, dia badi-badi bagi *system* sebab kita nak yang pertama dari segi situ, nyawa itu mahal, kita kena jaga. Kawan– kawan akan jaga kita, maknanya kalau kita nak bergerak pun badi-badi *system* dia panggil, nak bergerak itu Mamat okey ada, Dollah okey ada. Kalau Dollah tiada, badi dia siapa, badi dia Ali. Dollah pergi mana? tadi dia pergi tandas, okey kita *hold* [pegang] dahulu jangan bergerak lagi, tunggu sehingga dia sampai. Maknanya, semua orang tau [tahu] antara dia Kerjasama pastu [selepas itu] satu lagi *leader* [ketua] la, ketua dia kena selalu tunjuk teladan la, itu mesti kalau tidak budak-budak takut, kadang-kadang nak pergi depan, eh kau pergi dulu, kau pergi dulu. Dia duduk belakang memanjang. Macam pakcik dulu, kadang pakcik kena ke depan, bergerak ke depan. Kita tahu depan ini bahaya bila-bila masa Komunis boleh tembak, tapi kit- kita kena buat macam itu. Buk- bukan aanggota sahaja, kita pun kena kedepan, kita kena keluar ronda, kita kena buat cara hidup anggota. Barulah *respect* [hormat] dalam kumpulan itu ada.

NSA: (ambil mengangguk faham). Bagaimana pula- zaman itu macam adakah yang terdapat tidak dapat bagikerjasama? Bergaduh dan sebagainya?

ASU: Yang itu adalah tetapi orang kata se- tak ramai walaupun ada itu, kita boleh bentuk lagi sebab iya lah sebab masuk tentera ini kita daripada latar belakang yang berlainan kadang ada yang daripada kampung itu memang teruk dah masuk kan?

(mencelah)

NSA: Hmm (ambil mengangguk faham)

ASU: Jadi, kita nak bentuk dia itu awal-awal memang keadaan dalam kesukaran. Tapi lama-lama itu InshaAllah lama-lama okey la. Tapi boleh dikatan *95 percent* [95%] masa itu *98 percent* [98%] boleh dikatakan memang okey lah.

NJJ: Maafkan saya tuan, tadi tuan bercerita tentang serangan psikologi yang dilakukan oleh pihak tentera kepada pengganas Komunis?

(mencelah)

ASU: Okey

NJJ: Jadi boleh saya tahu, apakah Tindakan dari pengganas Komunis terhadap serangan tersebut?

ASU: Okey, kalau kita tengok, okey, kita bagi satu contoh kan, kita tembak akarteri *Artileri* [Meriam]. *Artileri* ini boleh dikatakan 24 kilometer kebelakang, okey dia tahu kedudukan kita dia -- kita minta lokasi bom *Artileri* tembak-tembak di depan baru kita ini. Jadi, maksud dia dekat sini bila kita tembak centu [macam itu], Komunis dia akan lari. Di- dia takda [tiada] ten- tentangan dah. Dia tengok senjata kita lebih hebat. Haa, itu satu lagi bila dia tengok peluru yang besar-besar peha itu sampai, buk- sampai dekat satu kilometer boleh bunuh orang sekeliling kalau dekat tempat yang lapang kan. Jadi, dia situ pun moral dia jatuh dah. Dia senjata kecil saja. Macam kita berlaku peristiwa dekat Sabah itu, Sabah itu yang itu kan? So, macam itulah lah kita buat. Jadi, nak [hendak] kata tentang daripada di aitu memang tiada lah. Bila dia kena begitu dia hanya ada satu sahaja dalam fikiran dia jaga nyawa cabut lari la,h itu sahaja. takda [tiada] la. (sambil ketawa)

NSA: Okey, soalan seterusnya. Boleh saya tahu, apakah nama strategi yang digunakan oleh anggota tentera pada Ketika itu?

ASU: Strategi macam mana itu? Macam-
(Mencelah)

NJJ: -macam serangan hendap

ASU: Okey, yang laksana? Yang kita laksana?
(mencelah)

NJJ: A' ah (bersetuju)

ASU: Okey, biasa dia kita laksana itu benda itu kita kena laksana lah sebab tugas kita, salah satu daripada tugas kita yang kita tak lekang, yang tak-boleh kita hapuskan kepada kita ialah ronda dan serang hendap. Yang itu- lepas itu *sentrif* [pengawal] itu wajib lah kena ada. Siang malam itu

kena ada. Okey, jadi, serang hendap ini pula kita kena ada- mempunyai mental lah sebab dia bila kita hantar- kita hantar dia memang dekat-dekat dengan gelap. Dalam hutan ini kadang pukul 5 sudah gelap gelita sudah kalau tengah-tengah hutan itu, jadi kita kena hantar dia, esok pagi cerah itu, cerah betul-betul itu baru dia boleh balik. So, dengan agas, dengan nyamuk. Nyamuk bukan boleh tepuk dengan cara (sambil menunjukkan cara tepukan nyamuk) macam kita pukul siang-siang ni (sambil ketawa) nyamuk pun kena *slow* [perlahan]. Pastu, takleh [tidak boleh] pakai yang ubat nyamuk ni sebab dia wangi, boleh *detect* [kesan]. Jadi, kita kena manual lah. Kena manual cara *slow-slow* [perlahan-lahan]. Itulah, jadi- lepas itu bila serang hendap pula, dia punya lokasi dia malam-malam, kita kena tahu sebab kita kena hantar dia dia kena cari strategi tempat itu itu, yang sesuai dengan tempat dia sedap-sedap selepasniitu, dia kena tengok depan. Contoh dia, dia kena tahu. Okey, depan ini kayu mati, masibg-masing tengok lah. Kadang-kadang bila malam ada cahaya sikit, kayu mati itu boleh jadikan bentuk macam-macam. Kadang-kadang terkejut, “Alamak!” -- orang tembak. Jadi benda-benda macam ini lah kena ada pengalaman, dia kena betul-betul tahu apa itu berada di depan dia. Sebab itu dia kena pacak kayu kiri kanan dia. Bermakna kayu tegak, tak payah ketuk, dia pakai ini tak- tak ada bunyi lah. Maksud dia, malam dia tembak, dia- dia hendak pusing ke kiri, senjata itu kena kayu itu. Bermakna tap - ha, ini had kiri ini, kalau dia terlebih takut kena kawan. Alamak, payah malam ini, memang sukar.

NSA: Okey, soalan seterusnya, saya hendak tahu dimana tempat persembunyian pengganas Komunis itu terletak?

ASU: Okey, biasa dia, dia- dia tiada had tetapi Komunis biasa dia tempat dia jauh daripada air. Macam kita askar ini kita ramai tidak apa la kita ramai kita oleh kawal ini, kita kena dekat air kan nak sumber itu, dia kena jauh. Sebab apa? Bila dekat air, dia hendak dengar pergerakan askar ini dia-

tak boleh buat bising air. Dia kena berada ditempat yang sunyi yang banyak dia duduk itu kebanyakannya dia tiada dengar bunyi, air dia ken a cari juga, tapi kena ambil siap-siap la. Bermakna, kalau kita bergerak sikit, dia boleh dengar bunyi dah. Itu tempat kebiasaan dia di lereng-lereng bukit, tempat di ialah kadang-kadang tempat yang kita tidak sangka. Pernah terjadi itu, terpaksa cari dia -- tidak ingat tetapi di kawasan Pahang, kami membuat penggeledahan hendak cari diaorang ini, pecah kepada *group* [kumpulan] kecil dalam empat ke lima orang, jumpa satu pokok besar, pokok ini rasa ada dekat dalam 20 ke 30 pemeluk juga. Memang besar, dekat akar diaitu ada lubang dekat pokok itu. Bermakna, kita ikat tali, turun, bawah itu rupanya ada laluan jalan air. Boleh lalu ikut bawah itu, dia bekas air itu kan. Jadi, dia macam terowong sudah jadi. Itu salah satu dia, tetapi gelap la, kita takut lah hanya kena suluh betul-betul takut dia tunggu -- dia pasang bom, ular dan sebagainya ada dalam itu kan, tetapi memang besar.

NSA: Maknanya, itu bukan laluan untuk Komunis lah?

ASU: Dia- di

(Mencelah)

NSA: -memang

ASU: Dia- dia memang boleh jadi- pernah sebab semulajadi ini, boleh jadi laluan dia juga.

NSA: Hmm (mengangguk tanda faham)

ASU: Dia boleh tembus jauh kedepan, dia akan tembus juga. Jadi, tempat-tempat macam ini lah yang kita hendak cari itu. Dia tempat yang tidak disangka.

NJJ: Boleh saya tahu, adakah terdapat bantuan dari pihak lain semasa peristiwa penentangan Komunis? Macam daripada polis.

ASU: Tentera?

NJJ: A'ah (tanda setuju)

ASU: Tentera- ialah sebenarnya kami bukan orang kata, bantuan itu memang banyak lah sebab bukannya bergantung kepada- contoh dia kalau unit pakcik duduk 27 Melayu ataupun 12 Melayu ditempatkan kawasan ini, bukan itu sahaja, Kawasan hutan itu juga ada unit-unit mungkin daripada Perak ada daripada mana, memang penuh dengan unit. Hanya jangka masa operasi itu berlainan sebab atas pemerintah negeri lain-lain. Tapi sentiasa ada orang, kalau yang ini balik, yang ini ada. Selepas itu, dekat luar kawasan sikit, Polis ada jaga. Selepas itu, kalau jadi apa-apa, tef- helikopter *standby* [bersedia] ambil, *medical* [perubatan] *standby*. Jadi, contoh dia kena pijak jerangkap samar -- putus, kita minta saja helikopter sampai, turun tali tidak boleh turun dekat situ, kita hendak buat pendaratan tidak boleh kan, pokok besar-besar turun tali, *winching* dia macam ada raga, bag. Kita masukkan orang dekat situ dia angkat la, dia angkat bawa pergi. Doktor semua ada *standby* [bersedia], bawa pergi hospital.

NSA: Tadi tuan memberitahu, pihak tentera ada bekerjasama dengan polis bukan? Macam Polis menjaga diluar, Tentera didalam (suara batuk dan berdehem kedengaran)

(Mencelah)

ASU: Okey,

NSA: Adakah terlibat juga macam pihak lain seperti Bomba?

ASU: Masa- masa itu pihak lain tiada. Memang askar dengan polis sahaja dan pihak perubatan. Yang mana kita perlu lah. Bomba ini sebab ialah dia *more* [lebih] kepada kebakaran, dia tiada jenis senjata apa ini. Makna, pihak yang terlibat ialah pihak bersenjata sahaja -- polis, tentera selepas itu pihak hospital okey lah sebab nak sambut orang tercedera apa semua kan. (ambil ketawa) Dulu kan hospital memang *standby*, semua *standby*.

NJJ: Boleh saya tahu berapa lama masa tempoh anggota tentera menangkap pengganas Komunis?

ASU: Okey, dia kalau contoh kalau berlaku pertempuran tak- tak lama sebab bila kita bertempur saja, kita buat penggeledahan, okey, yang tercedera itu kita dapat ini, kalau dekat situ sahaja kita terus beritahu dia okey, tengok ada penjejakan ni, "Okey, kamu kamu kami ini, sat- platon 2 kamu ikut penjejakan ini", platon 2 kita terus jejak. Dia lari tempat yang kita jejak lah. Jadi, bila kita takdan [tidak sempat], dia keluar dari Kawasan itu. Kita tengok peta ini dia dah keluar dari Kawasan kita, kita naik set [perhubungan radio] okey, dia keluar dia pergi ke sektor lain, contoh dia Bravo Empat. Bravo Empat ini kawasan unit lain, kita beritahu beritahu Kawasan bravo empat. Unit sana pun dia akan beritahu dekat HQ yang besar sekali, okey beritahu dekat unit ini pula, yang ini pula *standby*. Bermakna, kami sentiasa ada orang, jadi kena jaga-jaga. Jadi kebanyakan dia yang terlepas itu InshaAllah dapat lah. (suara latar kedengaran)

NSA: Adakah pengganas Komunis terkena serangan yang dilepaskan?

ASU: Banyak terkena la. Memang setakat ini memang orang kata nak lepas semua tak ada lah tetapi kebanyakannya itu kena -- dapat. Yang mana kami buat apa semua itu, yang kami buat *ambush*, kami buat tangkapan, kalau ada *information* betul-betul itu InshaAllah dapat la. (bunyi suara latar dan helaian kertas diselak).

NJJ: Boleh saya tahu berapa kali pertempuran berlaku antara tentera dengan pengganas komunis?

ASU: Kalau ikut itu banyak, kalau ikut itu memang banyak lah. Hanya iya lah hanya kita keluarkan benda-benda yang sebab benda ini melibatkan itu kan, jadi, kita *just* [cums] keluarkan benda-benda yang penting sahaja lah, yang kecil-kecil itu kita -- tetapi banyak lah hanya samada pihak Komunis tembak kita lari, kita tembak pihak Komunis dapat semua itu, tetapi kita tak ada lah macam sekarang ini, war-warkan dalam berita semua tiada kan, hanya begitu sahaja. (suara latar kedengaran)

NJJ: Antara jarak masa-- boleh saya tahu jarak masa antara peperangan tersebut?

ASU: Dia memang cepat, kalau perang itu- dia- sebab kita fikir macam ini, pihak Komunis ini dia hendak hidup. Bila kita hendak hidup kita berlaku apa-apa pun kita kena jaga nyawa kita dahulu. Sebab itu lah pergerakan dia dalam kumpulan kecil. Dia nak- bila besar takut orang buk- senang *detect* [kesan] dia. So [jadi], kumpulan kecil dia boleh bergerak bebas sikit dan jarang bising itu, jadi tahan lama lah sikit orang kata ini. Kalau peperangan, macam contoh dia kalau dia kena tembak apa, *first* [mula] sekali dia akan ini, dia akan lari. Dia takkan sebab dia tahu dia kecil. Jadi, benda itu berlaku dengan cepat. Kita pun kena cepat, kalau kita

lambat -- kita terlepas. Jadi, berlaku apa-apa sahaja kita kena *decision making* itu kena cepat, kalau kita duduk sini, musuh lari sana, kita tengok, kalau kita takdak lari tu naik set beritahu itu, tengok dia menghala ke kawasan arah timur barat menghala ke Kawasan sektor B4. B4 itu bukan kita punya, sahabat kita punya ini, sana pula beritahu B4 jaga. Makna, *action* [tindakan] itu kita mesti cepat tidak ada “Alamak! Lepas ini kena buat apa ya? Okey, panggil-panggil semua”. Tidak ada panggil orang dah. Ketua itu mesti *decision making* itu cepat. Dia kena -- sebab itu kita kena ada pengalaman kita sebab itu bila zaman dulu itu kita zaman dahulu tahun 80an itu, tauliah sahaja terus masuk hutan. Abis tauliah itu duduk rasa tak sampai seminggu duduk unit, lapor sahaja, masuk hutan. Masa itu tak tahu benda ke tidak ada apa, iyalah, *training* [latihan] dengan sebenarnya lain. *Training* ini kita sesama orang kita, benda sebenar ini dengan naik bukit nya, dengan *cross* [lintas] sungai laju nya, sungai berbatu dengan berjumpa dengan benda-benda ialah benda ghaib ini dengan jumpa dengan benda-benda kejadian Allah ini dengan ular besar lah, ulat, macam-macam. Kita tidak- semua benda-benda ini kita jumpa dalam hutan dara kan. Jadi, benda-benda macam ini lah kita akan *adapt* [menyesuaikan] kan dekat kita punya diri kita itu. (suara latar kedengaran)

NSA: Adakah macam jarak masa peperangan itu sampai berjam-jam?

ASU: Dia kalau -- pernah berlaku kalau dia kumpulan besar itu ialah berjam tidak sampai lah, hanya kadang-kadang itu pun, paling itu dua puluh minit tiga puluh minit gitu je [begitu saja]. Dia tek- dia balas ini pun hendak suruh yang belakang lari dahulu. Bila sudah lari, dia tengok *clear* baru dia undur-undur begitu. Jadi, itu makan masa. Tapi kalau kecil ni pang kita tembak dia terkejut ke, ataupun dia balas satu dia terus blah [pergi]. Dia blah pun dia tidak ikut sekali, dia akan pecah-pecah lah sebab kalau ikut sekali senang ikut jejak jadi kalau pecah ini dia- kita hendak ikut jejak itu lambat sikit lah.

NJJ: Boleh saya tahu, bilangan pengganas Komunis yang berjaya ditangkap?

ASU: Kalau tangkap itu kita banyak juga tapi dia- kita banyak benda itu rahsia kan, kita tidak *reveal* [dedahkan] tetapi memang banyak lah, kalau nak-nak capaikan sehingga dia serah diri itu memang banyak lah -- yang terbunuh pun banyak, yang pernah pakcik tengok itu yang kami dapat itu di Chamang [nama kampung di Bentong] itu ada yang terbunuh, ada yang kena tangkap, pernah, ada itu.

NJJ: Boleh saya tahu, pengganas Komunis yang mana menyerahkan diri itu secara sukarela atau secara paksa?

ASU: Kalau kita tengok ini, kebanyakannya secara paksa lah. Yang dekat-mungkin dia kata sukarela dari segi yang kita tengok dia serah itu ialah dari segi makanan dia tak cukup, selepas itu duduk ialah sentiasa berpindah, dia pun takut nyawa dia kan. Jadi, orang kata kebanyakan, boleh dikatakan semuanya lah secara terpaksa untuk ini. Bukan secara sukarela. (suara latar dan bunyi pen jatuh kedengaran)

NSA: Okey, soalan seterusnya. Saya ingin tahu tentang taktik serangan pengganas Komunis pula. Nombor sat- soalan pertama apakah strategi yang dilakukan oleh pengganas Komunis?

(Mencelah)

ASU: Okey,

NSA: Macam teknik yang digunakan?

ASU: Okey, taktik dia macam yang pakcik ceritakan tadi lah, kalau dia masuk hutan, dia bergerak dalam kumpulan kecil, dia tak- selepas itu, dia kalau boleh dia tidak akan tinggal jejak. Contoh dia, kalau kita tengok dia buat khemah, mesti kita potong kayu kan? Mesti nampak lah kesan atau bunyi. Ini tiada. Dia potong tempat lain, dia bawak kayu itu pergi tempat ini, dia akan ini. Makna, dekat tempat dia tiada kesan. Selepas itu, dia jalan pun dia akan berhati-hati lah tengok supaya kesan dia itu tiada. Jadi, itu pihak Komunis. Sebab yang saya kata tadi, dia hanya untuk hidup. Dia bi- kita untuk hidup, dia memang betul-betul kena berhati. So, dia konsep dia memang macam itu dan konsep pergerakan dia ataupun konsep operasi dia pun kumpulan kecil. Itu yang dipraktik oleh pihak Komunis pada masa itu.

NJJ: Boleh saya tahu, adakah terdapat serangan balas daripada pengganas Komunis?

ASU: Kebanyakannya tiada lah. Boleh dikatakan nak- nak dia balas pun kalau kumpulan besar itu macam diceritakan tadi, dia untuk membolehkan yang belakang ini lari dahulu. Yang depan ini dia terpaksa bertahan. Dia balas-balas sikit-sikit sahaja. Selepas itu, dia akan berundur lah. Kalau dia tidak balas, bermakna kita maksud cepat, yang kita boleh orang ini cepat. Jadi bila orang ini balas (Komunis), kita terpaksa *pin down* [tunduk] juga, kita kena cari *cover* [pelindung] juga, keselamatan kita. Makna, yang belakang ini cepat lari lah.

NSA: Okey, tentang soalan tadi, Tuan menceritakan tentang ada pihak Komunis yang banyak berjaya ditangkap. Jadi soalan saya, adakah daripada

kalangan pihak Komunis yang berjaya mlarikan diri daripada peperangan itu?

ASU: Ada saja, ada. Yang ditangkap ada, yang berjaya mlarikan diri. Yang ditangkap ini pun ialah yang kebanyakannya cedera, yang perempuan, yang tidak larat, yang kebanyakannya perempuan pun ada juga. Banyak. Yang mlarikan diri itu pun ada juga yang tidak dapat sebab kadang-kadang itu ialah, kadang-kadang itu operasi itu dia mlarikan diri buk- kalau dalam hutan InshaAllah la, kadang-kadang itu dia menghala ke kampung, dia ada IC juga.

NJJ dan NSA: Hmm (mengangguk faham)

ASU: Jadi, dia berbalik jadi orang kampung. Kita hendak tangkap siapa kita tidak tahu. Begitu lah maksud dia begitu.

NJJ: Boleh saya tanya, adakah terdapat jerangkap samar yang dibina oleh pengganas Komunis?

ASU: Memang banyak. Awal tu memang jerangkap samar itu dia buat lah seperti macam tadi lah cerita, panji, dia buat daripada buloh runcing, dia buat tajam-tajam, dia pacak-pacak dan dari segi lubang ke, dari segi ikut tepi kita pijak benda itu datang, selepas itu dari segi atas, pijak turun bawah. Kadang-kadang yang tajam-tajam daripada kayu ke apa ke. Selepas itu, dia bubuh racun dekat kayu-kayu adalah dia buat jangkap samar itu, dari segi peluru buatan sendiri, kita pijak angkat meletup, pijak meletup. Kadang-kadang pijak sini, kat tepi sana meletup. Di- dia memang ada lah. (suara latar dan suara berdehem kedengaran)

NJJ: Sebentar tadi tuan ada menceritakan tentang pengganas Komunis meletakkan racun.

(Mencelah)

ASU: Okey,

NJJ: Sebagai taktik, jadi boleh saya tahu apakah kesan racun itu terhadap Tentera?

ASU: Dia racun itu kalau kena itu ialah, dia untuk mempercepatkan kematian kalau kena. Contoh, kalau kita terpijak jerangkap dia itu, kena kebanyakan dia racun ipoh -- pokok ipoh itu yang Orang Asli buat itu. Yang itu, dia guna yang itu lah, bila kita terpijak itu, yang sepatutnya tercedera boleh menyebabkan kematian tapi jarang sangat yang kena cenggitu [macam itu] memang kalau jatuh dekat jerangkap samar dia itu memang kalau kita tembus, memang tembus habis iyalah kan. (suara latar kedengaran). Takdan lah orang kata sipi-sipi itu takdan sebab orang kata dia pacak dekat-dekat. Kadang-kadang dekat tiga puluh selonggok, kadang-kadang dua puluh pacak-pacak. (sambil ketawa)

NSA: (sambil mengangguk faham). Okey, soalan seterusnya, adakah terdapat pengganas Komunis yang- adakah terdapat pengganas Komunis yang melakukan serangan hendap terhadap anggota Tentera?

ASU: Ada juga. Dia dak- tapi dia pernah berlaku satu insiden itu, masa pakcik bergerak di Kawasan sempadan Pahang-Selangor. Masa itu kami tengah bergerak ramai, kami baru sampai bergerak -- bunyi satu letupan,

ingatkan buluh. Macam tembakan ini kalau kita ramai takut mem-sahabat belakang terpijak buloh. Bergerak dalam masa itu dalam empat ke lima ratus [500] orang. Baru kami mahu masuk Kawasan itu sebelum berpecah. Jadi, kami masuk sekali itu, sampai tengah baru kami berpecah ke kawasan masing-masing. Masa nak bergerak itu bunyi macam buluh pecah. Tengok-tengok rupanya dia beritahu ada orang kena tembak. Komunis dia tembak sebab mungkin ada- dia dah terserempak dekat atas, dia takdan, dia hendak lari dia tidak sempat, dia tembak dahulu. Bila dia tembak kita mesti meniarap punya dia lari lah. Jadi, dia se- sistem di- dia tidak akan bertahan. Dia tembak, dia akan terus lari.

NJJ: Boleh saya tahu adakah pengganas Komunis yang tewas semasa penentangan berlaku?

ASU: Ada lah. Seperti yang berlaku dekat Chamang [Bentong, Pahang], pakcik terlibat dalam kumpulan sekatan itu, memang kami dapat seorang Komunis di Chamang pada tahun tidak silap lebih kurang tahun 83an rasa, dapat seorang. Jadi, ialah yang lain itu dapat melarikan diri tetapi akhirnya ada yang serah, yang dapat tangkap. Begitu lah.

NJJ: Bagaimana pula dengan bilangan pengganas Komunis yang ma- mati semasa penentangan berlaku (sambil tersenyum)

ASU: Okey, yang mati itu kita bawa dia samada kalau tengah itu dengan helikopter akan ambik, bawa balik untuk ini lah, yang pertama untuk-untuk kita kenal pasti pada unit mana sebagainya dan kita serah lah kepada pihak yang bertanggungjawab kemudian, untuk uruskan. Tugas kita bila sudah dapat sahaja, kita *report* [lapor] dan kita hantar.

NJJ: Kita beralih pulak kepada selepas penentangan pengganas Komunis itu berlaku. Boleh saya tanya, bagaimanakah situasi terhadap anggota tentera selepas penentangan pengganas Komunis itu tersebut?

ASU: Dia selepas, okey, bila habis Komunis serah diri ialah sudah tentulah tugas itu akan jadi berlainan dah. Tetapi, masih lagi masa itu ada masuk hutan lagi ada tetapi tugas dia sudah bertukar. Kita cari tempat penyimpanan peluru senjata Komunis yang ditanam, samada kita bawa anggota Komunis yang serah diri ini sebagai *guide* [panduan] kita nak-nak cari kan. Cari *food dump* [makanan yang ditanam]. Kadang-kadang itu pernah kita jumpa itu *food dump* itu, rasa kalau rumah murah itu nak dekat penuh satu rumah. Di- dia simpan saja. Jadi, peluru yang ditanam itulah tugas dia berlainan lah. Selepas itu, kita jaga sempadan daripada Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) itu, jaga sempadan dekat Johor. Kebanyakannya dekat Johor yang banyak itu, dekat Selangor kan, dekat kemasukan itu. Selepas itu, kita buat- kebanyaknya tugas diluar sebab-macam tugas membantu pihak-pihak awam lah. Tugas ini macam bencana alam, banjir itu kan selepas itu tanah runtuh dan sebagainya. Penglibatan tentera itu, tugas kita beralih dan mak- maktab tentera itu pula masa ramai ini kita perbanyak kepada latihan la samada latihan dengan unit-unit, sama-sama unit kita, pasukan kita ataupun sesama unit luar, unit luar negara, kita buat latihan bersama.

NSA: Okey, soalan seterusnya, saya hendak tahu adakah terdapat anggota Tentera- anggota Tentera lain yang cedera selepas peristiwa itu berlaku?

ASU: Peristiwa maksudnya yang macam mana?

NSA: Selepas peperangan itu berlaku, macam adakah terdapat anggota lain yang tercedera?

ASU: Ada juga yang ialah kita kalau main dengan pertempuran ini memang kita tidak nafikan itu kadang-kadang ada yang berlaku tetapi tindakan kita macam itu lah, kita akan bagi rawatan awalan- susulan awalan kemudian susulan itu kita *report* dan kita hantar keluar lah dia. itu memang lah, kadang-kadang kebanyakannya itu ialah tertembak, main peluru dalam hutan, kita tidak nampak kan, jadi ada yang cedera di tangan, di kaki, terpijak jerangkap samar dan sebagainya, itu adalah. (suara latar dan suara berdehem kedengaran)

NSA: Okey, apakah rawatan awal yang dilaksanakan terhadap anggota yang tercedera?

ASU: Okey, yang cedera itu ialah masa kena situ, kita ada *medic* sendiri. Yang kata anggota *medic* dia akan bagi rawatan lah, tengok kepada tahap kecederaan dia itu. Kalau sikit itu dia akan bagi awal, kita tinggal dia dulu -- ada orang jaga lah. Kemudian, kita akan buat kerja kita dulu. Kalau bertempur kita akan terus *proceed* [teruskan] bertempur, kalau penggeledahan kita akan terus membuat geledah Kawasan itu. Yang cedera kita bagi rawatan lah. Kalau serius kita naik *handset* [perhubungan] *and then* [selepas itu] samada kalau jalan dekat kita hantar, usung melalui jalan kalau kereta boleh masuk. Kalau kereta tidak boleh masuk melalui helikopter lah datang ambik.

NJJ: Boleh saya tahu, siapakah yang melakukan rawatan awal terhadap anggota tentera yang tercedera?

ASU: Okey, kalau awal itu anggota *medical* yang ditumpangkan lah samada anggota mereka ataupun anggota yang ada kursus yang tumpangkan yang ada kursus *medic* itu, dia akan bagi rawatan awalan yang teruk itu kita akan *refer* [rujuk] kepada doktor tadi. Doktor tadi akan datang, bila dia tahu ini, dia akan datang lah. Iring samada dengan heli [helikopter] atau dengan apa, dia akan bawa, bawa sekali anggota ini. Kalau teruk itu ke tempat hospital yang berkenaan lah.

**NJJ: Jika tidak keberatan, boleh saya tahu apa nama ubat yang diberikan?
(suara latar kedengaran)**

ASU: Istilah ubat ini pun saya pun tidak berapa pandai tetapi memang dia- dia ada lengkap lah, ubat yang ad kecederaan. Contoh dia kalau- kami ini memang berdepan dengan kita kena *expect* [jangka] lah kena dengan tembakan, dengan patah. Kadang naik bukit, jatuh, semua patah ini kan. Ada yang begitu juga. Kadang-kadang berdepan den- dengan patukan binatang berbisa. Jadi ubat-ubat ini memang disediakan, memang ada lah. Bukan setakat ubat yang kecederaan itu, ubat yang lain juga, *bandage, complete* [lengkap] lah untuk persiapan itu.

NJJ: Soalan seterusnya, jika kita ambil daripada peristiwa penentangan di Pahang.

(Mencelah)

ASU: Okey

NJJ: Boleh saya tahu dimanakah tentera mendapatkan rawatan selanjutnya?

ASU: Okey, dia tengok sama ada dia hantar di lokasi berdekatan lah kalau Bentong, Bentong, kalau Lipis, Lipis. Kalau serius sangat dia hantar di KL (Kuala Lumpur). Dia akan tengok situ lah yang atas *recommendation* [cadangan] ataupun kecederaan yang itu lah. Kalau doktor itu tengok ini serius tadi, doktor itu tengok lah hospital mana yang dia akan arahkan juruterbang untuk pergi ke mana-mana lah.

NSA: Okey, pada masa itu, pihak- hospital, dia hantar kepada hospital awam atau tertumpu kepada hospital Tentera sahaja?

ASU: Dia memang kalau kita tengok itu, dia kalau helikopter, dia akan pergi ke hospital kerajaan lah. *Of course* lah itu lebih ini- ini. Awam pun kita tengok klinik tak sepermata sekarang. Jarang je dulu. Kebanyakan semua kepada hospital-hospital besar.

NJJ: Boleh saya tahu te- tindakan terhadap anggota- anggota tentera yang tewas?

ASU: Okey, yang- semasa contoh dia, ada yang terbunuh semasa pertempuran dan sebagainya. Okey, kita macam biasalah, kalau kita dalam hutan itu, kita *just* buat *report* semua itu dan selepas *clear* semua sekali lah. Maksudnya selepas *clear* semua pertempuran itu, okey anggota kita sama juga dengan Komunis pun sama juga. Kita akan buat *report* itu kita akan minta lah- kita akan beritahu dalam *report* kita tentang kecederaan ke, kematian ke ataupun istilah askar dia KIA (*Killed In Action*), CIA

ini WIA (*Wounded In Action*), cedera. Dia ada kategori dia, jadi, KIA ya, *Killed In Action* dengan WIA- *Wounded In Action*. So, doktor dapat tahu ini, kita beritahu sedikit tentang kecederaan dia, di sini kena tembak kaki, tembus, kita hantar *report* bermakna doktor diluar sana akan, dia akan tahu lah tindakan dia. tindakan dia itu saja, kemudian, kita akan tunggu bantuan sampai lah terus hantar dia.

NJJ: Boleh saya tahu apakah tindakan anggota tentera tenhadap pengganas Komunis yang berjaya melarikan diri?

ASU: Okey, tindakan kita macam cerita awal tadi, kita akan, contoh dia kita takdan nak, kita tengok jejak dia itu menghala ke kawasan lain, kita akan beritahu HQ kita, HQ kita akan beritahu yang lebih atas itu, yang atas itu akan bertindak, beritahu yang unit sebelah pulak. Itu tindakan pihak atasan lah untuk kita *cordon* [kepung] lagi. Jadi, kalau dalam hutan banyak- semua itu orang-orang kita hanya arahan untuk buat sekatan itu kita akan dapat lah atas arahan pihak atasan.

NJJ: Soalan seterusnya, apakah tindakan terhadap pengganas Komunis pula selepas penentangan itu berlaku?

ASU: Yang ditangkap ke? Yang-

NJJ: A'ah (bersetuju). Yang ditangkap

ASU: Okey, yang ditangkap, contoh selepas sahaja pertempuran ada yang ditangkap atau yang cedera, ada yang mati, sama juga lah kita akan serahkan. Kita akan beritahu, pihak-pihak untuk bantuan itu akan sampai, pihak ini akan ambil, ambil bawa keluar, itu atas tindakan dia

lah pulak lah untuk sama ada yang tercedera ini ialah kalau kita dihantar ke hospital juga, yang mati itu dia buat tindakan lah. Yang ditangkap itu, dia mungkin untuk disoal siasat dan dapat maklumat dan sebagainya.

NSA: Adakah masa itu bilangan cedera- bilangan yang tercedera itu dalam kalangan Tentera -- dalam kalangan pengganas Komunis itu ramai?

ASU: Okey, yang cedera pun ramai, yang mati pun ramai juga Komunis ialah sebab kita ini, kalau kita tengok dengan kita buat pertempuran ini kita pun tahu taktik dia lebih kurang serba sedikit. Kita pun ada senjata moden, kita pun tahu taktik serba sedikit. *So*, lagi mudah. Orang kata kalau sanzu beritahu, “*you know that enemy, then you will do better.*” -- dengan terperinci maksud dia dan kita boleh memenangi perang. Contoh dia kalau musuh ini jalan dia mengesot, apa tindakan kita. Musuh ini kalau dia kena saja dia akan- dia terus lari, apa tindakan kita. Bermakna kalau kita tahu dia lari, kita tembak lari, kita kena hantar penyekat. Makna kalau kita tembak pang dia lari penyekat ini terus kena cepat sekat dia. ibarat dia macam itulah.

NJJ: Soalan yang seterusnya, bolehkah saya tahu apakah tindakan terhadap mayat Komunis?

ASU: Okey, mayat itu biasanya kita serah kepada pihak ini lah pihak yang berkuasa ini, kita masih didalam hutan, contoh dia kita serah bermakna dia akan buat la. Tetapi, tindakan dia di luar kita tidak ini tetapi dia tanam pun macam biasa juga la. Dia tidak ada macam orang kata nak zalim itu tiada. Kita mayat *still* [masih] kita buat yang itu. Hanya tanam itu sahaja macam mana dia buat, dia hantar itu di- di urusan diluar la itu.

NSA: Okey, soalan yang seterusnya saya hendak tahu adakah terdapat macam rawatan kepada pihak Komunis yang tercedera?

ASU: Ada. Kita *treatment* [rawatan] itu sama, hanya kita kawal dia lah, hanya kawal dia sebab ialah rawatan itu kita kawal, sebab kita- dia dia, orang-orang pengganas ini orang yang bersalah, ibarat macam bersalah, penjenayah. So, kita kena kawal dia sebab kita kena bawa ke pengadilan untuk adili dia. sebab itu di samping itu kita hendak dapat maklumat dia juga. So, *treatment* itu macam biasa. Kita tiada la cederakan, lantak dia. Sama juga *treatment* dia itu. Tidak, kita tidak macam dia, dia zalim kita. Pernah satu peristiwa itu, unit itu pakcik tidak payah sebut lah nama unit itu, tetapi askar Melayu lah. Masa buat perondaan itu termasuk dalam Kawasan dia, termasuk dia dekat lereng bukit, termasuk. Masa itu tahun 85' ke. 86' lebih kurang tahun itu lah di Pahang. Di- dia dapat seorang, seorang itu depan sekali, lonjak. Bila dengar suara Komunis menjerit, suara Cina tahu Komunis, dia tembak, seorang ini sudah jatuh berguling, ingat rasa terseliuh kaki tidak tahu lah, Komunis pegang dia tapi apa dia buat, Komunis itu tembak kaki, patah habis semua ini, Komunis tembak dalam mulut. Tengok, dia seksa kita sebelum dia lari. Tetapi kita tidak macam dia. kita dapat dia kita tangkap lah, kita serah lah kepada- boleh kalau nak tembak-tembak macam itu tetapi kita tidak lah sezalim macam itu. Tunjuk kezaliman dia itu.

NJJ: Boleh saya tahu pulak macam mana, maafkan saya (sambil ketawa)

ASU: Tidak apa (sambil senyum)

NJJ: Boleh saya tahu macam mana tindakan mereka semasa didalam wad semasa mereka mendapat rawatan?

ASU: Okey, dia- dia ialah. Sudah tentu dia cedera, dia tidak boleh buat apa lah. Kita *still* kita gari, tetapi dia tidak boleh buat apa lah. Kita gari lah dia tidak bagi dia ini kan. Itu, *simple* [mudah] lah, tetapi ada orang jaga dan sebagainya. Kita serah kepada pihak yang lebih- lebih bahagian *intelligence* [kebijaksanaan] kita ke apa ke, yang itu bahagian dia lah. Tetapi penjagaan di aitu adalah, kita untuk dia lari dan sebagainya sebab pengganas kan.

NSA: Selepas semasa tadi kawan saya ada beritahu semasa rawatan.

ASU: Okey.

NSA: Yang ini saya hendak beritahu semasa- selepas rawatan itu? Bagaimana Komunis- bagaimana dia dihantar ditempat dia di China ataupun

ASU: Tiada, tiada. Sebenarnya, kebanyakannya Komunis ini Komunis Malaysia, orang Cina Malaysia.

NJJ dan NSA: Hmm (menggangguk tanda faham).

ASU: Tetapi dia dapat latihan kebanyakannya daripada sana. Itu yang bos-bos di aitu bila balik, contoh dia dapat kursus senjata ke, kursus apa ke, dia-dia latih orang-orang dia. jadi, pusat dia disana lah. (sambil ketawa)

NJJ: Sebentar tadi tuan ada menceritakan tentang sesi penggeledahan tempat persembunyian Komunis. Jadi, persoalan saya apakah yang dijumpai oleh pihak Tentera?

ASU: Okey, semasa geledah itu, kita tahu kalau dia kumpulan kecil, kita jarang kumpa sebab dia kumpulan kecil ini, dia Komunis ini dia siang saja dia pergi *Pack* [kemas] barang. Dia *pack* barang dia *standby* [bersiap sedia] sahaja. Di- dia pasang. Kita pun buat taktik sama, sebab dia tahu, dia sentiasa berjaga-jaga. Cerah saja dia *packing* semua barang. Yang itu kalau kumpulan kecil. Kalau kumpulan besar contoh dia, dalam dua puluh orang ke tiga puluh orang biasa ialah sebab dia tidak sangka dia ini sebab tempat-tempat yang tidak dijangka macam ini. Kadang kita geledah itu kita jumpa lah senjata, bom, kebiasaananya, selepas itu makanan dia, kadang-kadang daging babi salai kan, dia kerat, pernah jumpa lah cucuk panjang-panjang, keratan dia buat sendiri, tempat tidur dia buat sendiri, *generator* yang yang kami pernah jumpa. Dia buat benda itu kecil saja. Yang tiada bunyi itu dia ada juga kalau unit set dia pasang lampu, tapi ada cara dia tidak bagi kita dengar sangat. Jadi, benda-benda macam ini lah kebanyakan dia peralatan sejata dengan makanan lah yang kita jumpa itu.

NSA: Soalan seterusnya, boleh saya tahu bagaimana rupa tempat persembunyian Komunis itu?

ASU: Okey, kita jumpa kadang banyak cara hendak jumpa dia. satu lagi kadang kita jumpa jejak dia dan kita akan ikut jejak dia *slow-slow*. Disitu kita akan berakhir dengan perjumpaan khemah dia satu. Yang kedua,

kadang-kadang itu, kita tengah ronda. Kita pun bergerak *slow* juga, ronda siang-siang, bergerak dua tiga tapak diam dengar, oke jalan pula. Kita hendak ini, kita dengar orang bercakap, dia ada jugak. Dia macam kita lah duduk sembang bercakap pernah yang pernah jumpa lah. Okey, satu lagi melalui bau. Kadang diam asak. Ada satu insiden itu, kes pakcik sendiri. Pernah masuk Kawasan Pahang, kami lalu satu Kawasan yang bukit-bukit. bukit itu dia boleh dikatakan macam lalu ikut celah-celah, celah-celah batu itu. Batu itu besar-besar. Ketinggain dalam enam puluh ke tujuh puluh kaki batu itu dia tutup. Jadi, bila masuk kawan itu, pakcik ternampak anjing, anggota depan itu. Anjing dalam hutan ini dia lain. Anjing Komunis dia *trained* [dilatih] ini. Dia tengok kita dia tidak menyalak. Dia tengok piew dia lari. Kita tahu dah ini mesti ada Komunis. Nampak. Melalui pengalaman lah. So, sentri depan beritahu, dia *stop* [benti[kan. Dia tunjuk ini (sambil menunjukkan isyarat tangan) ini, maksud dia musuh lah. Kalau yang ini okey jalan, kalau yang ini musuh (sambil menunjukkan isyarat tangan), dia tidak menjerit. Kalau tidak ini, kita tidak ini (sambil ketawa). So, bila kami letak bag, masa itu ramai. Okey, dua tiga orang jaga bag, yang lain ikut, ikut jejak itu *slow-slow*. Ikut-ikut, lalu ikut Kawasan batu yang cerita tadi itu, lekar-lekar batu besar ini, jumpa dua kawah, tengah menggelegak lagi, nasi tengah panas. Bermakna kumpulan besar. Berkabur diaorang lari. Tetapi, masa kita nak ikut itu pun diaorang sudah lari jauh sudah. Tak dan lah itu. Itu, cara-cara macam itu sahaja yang kita jumpa. Kadang-kadang itu melalui surat dia, *box* [kotak] dia ada itu kan, kita baca, kita tengok isyarat dia, melalui kadang-kadang orang kata melalui pengalaman yang kita dapat itu kita terapkan balik, kita boleh rujuk macam itu lah. (suara latar kedengaran)

NJJ: Boleh saya tahu, khemah tempat persembunyian pengganas Komunis diperbuat daripada apa? (suara berdehem)

ASU: Okey, dia kalau kumpulan kecil ini, kalau empat lima orang ini dia daun pokok begitu saja. Dia Tarik, dia tiada khemah pasang macam askar kita, ada poncho atas, dia letak daun pokok-pokok atas, dia tidur sambil duduk lah sebab esok dia hendak bergerak. Kalau kumpulan besar ini, khemah dia kebanyakan dia diperbuat daripada pokok-pokok kayu. Jadi, dia gergaji apa dia tidak bunyi. Cara dia buat Allahualam, tetapi semua melalui kayu-kayu yang alam semulajadi itulah dia guna.

NSA: Okey, boleh saya hendak tahu apakah tugas Ianjutan Tentera selepas pembersihan tempat persembunyian pengganas Komunis?

ASU: Okey, tugas kita bila sudah bertempur, kita *clear*. Kawasan itu, okey, kita ada buat penyejatan, sudah *clear* sudah tidak ada apa, kita naik set. Okey, contoh dia dapat seorang Komunis kita *report* Komunis seorang terbunuh ke, Komunis seorang cedera ke, dah itu- tu, ketua beritahu okey, nanti bantuan sampai, kita sudah angkat Komunis itu semua sudah ini yang cedera, yang mati semua kita angkat. Dia akan beritahu okey, *proceed* kepada tugas semula. Kita bergerak balik ke Kawasan kita itu. Itupun Kawasan kita, maknanya kita bergerak ke Kawasan lain pula lah. Atas kumpulan kita lah hendak pergi kemana, Kawasan- tugas itu kena teruskan sehingga tempoh yang diberitahu tamat'

NSA: Okey yang ini -- soalan seterusnya saya akan menanyakan tentang spesifik *question* [soalan] lah-

(mencelah)

ASU: Okey.

NSA: -dekat tuan. Saya nak tahu cabaran- tentang cabaran. Apakah cabaran semasa peristiwa berlaku?

ASU: Cabaran itu memang kita kira -- nak kira itu tidak ada dibeli dengan duit dengan tak ada lah, hanya pengalaman sahaja. Benda itu tak boleh -- orang kata nak di- nak dicari sekarang ini -- tak dapat. Masa itu saja. Cabaran itu memang teruk lah. Kita bermain dengan -- contoh kalau bermain dengan emosi, bermain dengan ketakutan, bermain dengan pengalaman kita, bermain dengan- dengan mental yang- yang tak- tak *balance* [seimbang] kan, stress.. Peluru kiri kanan atas kepala ini. Jadi cabaran itu memang hebat. Anggota masing-masing pun kita tengok, ada yang menggeletar sana, menggeletar sini. Ada yang menyorok -- pokok sebatang besar ibu jari pun menyorok! Sampai tahap macam itu. Itu yang dah lama. Kadang-kadang bermain dengan nyawa -- peluru ini, kita tengok peluru ini bersimpang-siur di atas kepala ini. Bunyi dekat pokok pelepak pelepuk plepuk peluru itu lekat dekat pokok. Jadi keadaan macam itu memang cabaran dia hebatlah kita tak boleh nak bercerita dengan kata-kata. Hanya pengalaman yang ada sahaja. Walaupun orang itu bagi sebiji rumah pun, rumah banglo -- tidak ternilai dengan apa yang nak -- kita alami itu. Maksudnya hebatlah masa itu. Memang sukar kita nak bayangkan. (gangguan ayam berkокok)

NAS: Seterusnya boleh saya nak tahu detik yang paling mencemaskan sem-sepanjang tuan berkhidmat sebagai seorang tentera?

ASU: Detik yang mencemaskan ialah yang kita -- tahap dia itu bila tempur, bila anggota cedera, sama ada kena jerangkap samar ke, kena letupan bom ke, jatuh- tengah panjat bukit jatuh ke tergolek, patah, lintas sungai -- hanyut. Ada juga hanyut tapi dapat selamatkan -- hulur

tangan. Selepas itu benda-benda halus ini kan. Itu cabaran -- benda yang orang tak nampak ini kita -- dalam hutan itu dia lain. Selepas itu, cabaran dia kita tengok, kita pergi suatu tempat ini tak sama dengan kita pergi berjalan tengah bandar sebab kita pergi itu adalah hutan yang tebal, kita terpaksa redah -- kadang-kadang itu, satu hari kita nak redah itu, tak sampai- tak sampai lima ratus [500] meter rasanya. Satu hari kita redah, nak redah nak sampai itu punya teruk dia. Jadi itulah cabaran yang kita hadapi yang- yang-

(mencelah)

NAS: mencemaskan.

ASU: (bersetuju) Ha, mencemaskan itu lah

NJJ: Boleh saya tahu apakah cabaran dari segi bilangan askar pula semasa pesemasa penentangan berlaku?

ASU: Dia kalau untuk -- dari segi bilangan askar ini ki- tidak banyak- tidak banyak masalah sangat sebab kita ramai. Kita ramai. Selepas itu, anggota dulu pun memamng- memang kita dididik dengan latihan, dengan pertempuran dengan ada pengalaman. Jadi tak berapa takut sangat kecuali kalau kita dapat anggota baru. Ha, itu kita risau sebab dia mula-mula nak be -- kalau kita dapat anggota baru, dia akan diletakkan di tengah-tengah. Dia tak boleh nak *lead* [mengetuai] jalan kan. Sebab dia- dia tak tahu untuk ini. So, dari segi kata nak cabaran itu tak banyak sebab kebanyakan semua tahu dah. Contoh dia, kalau kita sampai tempat itu, Sarjan itu dah tahu dah. Okey. Dia beritahu sini, kumpul, dia panggil yang kumpulan dia datang. Okey dia kata -- dia cakap *slow* [perlahan] lah, "Kita buat *base*, okey. Boleh buat sekarang,

keluarkan *setting*" [peralatan]. Masing-masing dah tahu dah. Jadi, dah banyak kita tahu. Macam kalau kita nak bertempur, kita boleh terus macam ini, baru kita tahu. Kalau kita -- contoh dia terputus makanan, ha, kita tahu dah hendak cari apa. Kumpul semua sekali, "Okey kau ada makanan apa?" Kadang-kadang seminggu tak risau lapar. Dengan cuaca, dengan macam macam lah. Cuaca dia, kabus tebal, hujan lebat, jalan tak boleh masuk. Jadi kami terpaksa kumpulkan -- garam ada, ada beras sikit-sikit, kami masak sebusut, pucuk-pucuk pokok mana ada nampak pucuk itu -- monyet makan itu, kita boleh makan lah. Rebus-rebus, itulah kami buat nak- nak bertahan. Ha, begitulah.

NAS:: Tadi tentang cabaran bilangan askar. Sekarang saya nak tahu tentang cabaran dari segi kelengkapan senjata pula. Adakah macam terdapat senjata yang kurang atau pun yang hilang?

ASU: Setakat ini Alhamdulillah lah tak ada- tak ada -- dari segi senjata takda ada masalah lah. Itu memang- memang sentiasa cukup atau pun bukan kata cukup sahaja, malah melebihi daripada yang kita nak. Kadang-kadang sen- senjata baru ini sentiasa ada. *Grenade*, bom baru sentiasa ada. Jadi kita sentiasa tambah yang lebih canggih walaupun orang kata tak semua, kadang-kadang ada dalam satu, dua. Kadang-kadang itu, setahun dua ada lagi kan. Jadi itu lah tak ada masalah dari segi senjata.

NJJ: Boleh saya tahu pendapat tuan untuk meningkatkan keselamatan negara selepas peristiwa penentangan Komunis tersebut?

ASU: Okey, pendapat saya macam ini lah. Generasi muda sekarang ini dia kena baca balik sejarah lah. Dia kena- dia kena sayang negara dari segi baca sejarah balik, macam mana orang dulu bersusah-payah nak dapat kemerdekaan, susah payah nak bershkan kawasan kita daripada pengganas Komunis, pengganas Jepun, Komunis. Jadi, bila kita dah dapat ini, kita kena jaga negara kita. Jaga diri kita, masing-masing. Orang muda kita banyak sekarang -- jangan banyak tumpu pada media, Internet, gajet masing-masing duduk- duduk itu -- jadi kita kena ambil tahu hal-hal keselamatan negara. Masing-masing pakat bagi input yang baik kepada kerajaan untuk kita lebih memperkasakan kedaulatan, kemakmuran negara kita ini lah.

NAS: (bersetuju) Hmm okey.

NJJ: (ketawa) Maafkan saya. Apa pendapat tuan, dari segi keselamatan negara melalui pusat latihan ketenteraan?

ASU: Okey. Dia sebenarnya pusat latihan ketenteraan ini sama juga dari segi polis pun sama lah. Kita ambil keselamatan juga -- bagus sebab apa? Kalau -- dia mendidik kita untuk -- nama pun keselamatan, untuk selamat bukan sahaja rakyat kita, negara kita. Selepas itu, pergerakan kita, keselamatan -- dari segi semua pergerakan, apa yang kita makan, itu semua keselamatan semua itu untuk nak jaga kita. Jadi memang bagus lah dia adakan pusat latihan macam itu untuk keluar kan orang yang lebih menjaga kedaulatan kita lah -- keselamatan biar mereka ini sedar sikit -- sedar negara kita kalau kita tengok, kita kena buat perbandingan lah. Kalau negara-negara yang dijajah oleh Komunis macam mana, negara yang- yang dapat orang yang tak- tak hargai negara macam mana. Jadi kalau tak sayang negara, dia lepas biar dapat pada orang lain, susahnya kita lah. Kita- kita kena jaga kita, itu saja.

NJJ: Bagaimana pula dari segi persediaan peralatan untuk berperang?

ASU: Okey, persediaan ini kalau kita tengok masa sekarang ini, bagi pandangan pakcik kita kena tambah lagi lah. Tambah yang -- sebab yang sekarang ini dah- negara pun dah membangun, semua senjata canggih-canggih. Jadi, kita pun kena selari dengan pembangunan yang ada lah dengan kecanggihan negara-negara. Jangan kita di takuk yang lama, senjata yang lama sahaja. So, bila kita ada macam ini, kita pun *confident* [yakin], tentera kita, pasuka keselamatan kita, polis, tentera dan sebagainya pun *confident* nak jaga negara kita. Jadi bukan kita nak jaga dengan hati, dengan mata, dengan mulut saja -- senjata pun kita kena ada. Ha, barulah selari dengan jiwa kita untuk jaga negara kita.

NAS: Okey sebelum kita masuk ke soalan harapan, saya nak minta maaf kerana soalan cabaran itu saya tertinggal satu soalan- (tertawa)

(mencelah)

ASU: Tak mengapa, tak ada masalah.

NSA: Okey.

NSA: Jadi saya nak tanya cabaran itu, apakah peristiwa sedih yang tuan dan anggota tuan hadapi sepanjang kerier tuan?

ASU: Sedih itu banyak lah. Sedih -- kalau kita tengok semasa -- kalau nak dibanding sekarang, tak- tak sama dengan dulu itu. Kalau kita tengok anggota yang- yang masuk hutan putus kaki. Okey, mas- keluar daripada askar, berhenti askar, dengan pence yang sedikit berapa ratus sahaja. (suara terkilan) Nak hidup zaman sekarang kan. Selepas itu dengan tak ada tanah, dengan tidak ada orang pandang. Sepatutnya benda-benda macam ini memang tak akan berlakul lah. Kalau kita tengok semua aspek ini sepatutnya anggota tentera yang dulu yang- yang miskin macam ini, yang berjuang untuk negara, kita naikkan semua ini, kena bagi keistimewaan. Berilah tanah -- kerajaan tengok balik. Beri tanah, beri bantuan. Dulu sistem kalau ikut dulu, pence dalam dua, tiga ratus [300]. Nak hidup sekarang ini mana ada. Naikkanlah pence dulu. Jasa dia itu tinggi, kita nak ambil jasa dia itu. Dari segi duit kita boleh cari -- jasa dia itu. So, iya lah kita tak tengok lagi masa anggota putus macam mana, -- dia berjasa untuk negara. Bila putus, aiya lah nak bini dia tak boleh nak ini lah, nak tampung nak

hidup. Kadang kalau putus dua kaki, nak buat macam mana? Jadi, sudah lah orang kampung miskin kan, Jadi ini -- benda-benda itu lah yang kena tengok balik. Jadi, jangan kita asyik cari benda lain saja. Cari balik orang-orang macam ini, bagi bantuan balik pada mereka ini. Barulah orang pun -- tentera yang ada sekarang ini lebih semangat! Kita tengok ada pembelaan dan penjagaan. Itu lah yang benda-benda sikit lah kita tengokkan. Mereka ini di- dipinggirkan lah.

NAS: Seterusnya saya nak masuk kepada soalan harapan. Apakah harapan tuan selepas peristiwa ini berlaku?

ASU: Harapan begitulah. Harapan saya pada semua orang lah. Terutama sekali kepada pemuda-pemuda sekarang ini, remaja sekarang ini bangkit balik, jaga balik negara kita ini, Jangan jadi macam dulu, cukuplah! (dengan suara tegas) Kalau kita tengok kita ini -- iya lah kalau kita tengok betul-betul mereka ini, kata cintakan tanah air, kalau kita tanya Rukun Negara tak tahu mereka ini. Tak tahu kita tanya Rukun Negara itu ada berapa. Lima, enam! Yang pertama entah apa-apa yang disebut. Yang kedua? -- Di situ pun dia punya- punya semangat jitu tak ada pada negara. So, balik kepada cinta kepada negara balik lah, Itu harapan yang- yang saya nak tengok pada sekarang ini lah supaya negara kita ini tak lah menjadi macam dulu. Cukup sekali.

NJJ: Apa harapan tuan dari segi keselamatan negara?

ASU: Okey keselamatan itu (terbatuk) -- sebenarnya kita -- negara kita ini jangan harap pada keselamatan lah. Kita masing-masing kena jaga. Contoh dia -- ini asyik harapkan polis, tentera yang jaga. Polis iya lah sekatan, tentera jaga sempadan. Jadi, harapkan pada dua ini kita pun ada yang terlepas pandang juga, Main kawasan luas ini. Jadi pihak yang

awam juga perlu beritahu lah keselamatan ini. Di nampak apa? Dia jadi mata telinga kerajaan, dia kena maklumalah. Jadi keselamatan semua sama jaga. Itu yang kita nak. Jangan mengharapkan pada satu pihak sahaja, semua orang ambil tahu, tanggungjawab.

NJJ: Soalan saya pula, adakah tuan mahu generasi tuan turut menyertai bidang ketenteraan?

ASU: Kalau ikut itu, okey lah. Sebenarnya benda ini kita tak boleh- tak boleh nak paksa orang kan? (ketawa) Benda ini daripada ini -- tetapi kalau bole itu saya nak lah. Kalau boleh sebab keselamatan- keselamatan ini lah yang- yang jaga negara kita -- lain tak ada dah. Jadi kalau boleh macam itu lah. Lebih banyak remaja sekarang ini bangkit balik, pergi pada keselamatan polis ke, tentera ke. Tak kisah lah pasukan bomba ke, yang masa aman sekarang ini. Sama-sama menjaga negara kita. Bangkit balik, jangan tumpu kepada nak cari duit -- banyak pada perniagaan, jangan. Kita kena tengok balik dia dari satu sudut yang baik lah.

NAS: Bagaimana pula harapan tuan selepas peristiwa ini berlaku kepada penambahbaikan?

ASU: Okey harapan saya ialah kita tengok kesusahan orang dulu, keseksengsaraan orang dulu nak hidup. Nak keluar pun payah, nak cari makan payah, nak cari kerja payah. Cukuplah dulu. Kita bangkit balik. Yang- yang mustahak kita ini jaga keselamatan negara. Bila negara kita aman, ekonomi kita bertambah. Itu saja. Kalau negara kucar-kacir, kita tengok sekarang banyak benda-benda yang kucar-kacir jadi ekonomi *drop* [jatuh]. *Drop* jadi yang susah, kita. Orang lain tak tolong kita, kita tolong kita. Jadi bukan kita jaga kita tapi kita jaga negara. Itu kita kena

konsep kena ada lah. Harapan dia, sama-sama kita kena- kena bangkitkan semangat kita lah untuk kemakmuran supaya negara kita lebih aman.

NJJ: Boleh saya tahu pula harapan tuan terhadap penambahbaikan

ASU: Okey yang macam awal dicerita tadi, lebih kurang ada sangkutan dia. Untuk penambahbaikan itu, kita lengkapkanlah dengan- dengan senjata yang moden, lengkapkan dengan kemudahan-kemudahan untuk pihak tentera. Kita sediakan kemudahan-kemudahan yang- yang iya lah yang boleh orang kata setanding lebih kurang dengan yang orang ada sekarang. Kalau kita tengok sekarang ini, orang pekerja awam ini macam ini, kerja tentera sikit. Jadi kita kena tekadkan lagi barulah lebih- lebih ramai orang itu lagi kepada ketenteraan itu, meningkat kan lagi itu. Jadi, alatan-alatan pun sama juga kena- kena perbanyakkan lah. Kena ikut keadaan semasa jangan di takuk yang lama sahaja. Jadi benda itu tak- walaupun kita aman, tetapi kesiapsediaan itu perlu ada

NSA: Itu sahaja soalan daripada kami. Kami nak ucapkan terima kasih;

(mencelah)

ASU: sama sama.

NSA: kepada Encik Azli kerana sudi- sudi menerima le- kami punya temuramah ini (tersenyum). Okey, itu sahaja, terima kasih Encik Azli.

ASU: In sha Allah. Sama sama.

Demikian tadi wawancara mengenai pengalaman Encik Azli bin Sulaiman atas kesudiannya yang menerima temubual kami ini. Saya bagi pihak Dekan Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM, mengucapkan berbanyak terima kasih ke atas kesudian Encik Azli bin Sulaiman dalam memberikan maklumat dan berkongsi pengalaman. Semoga hasil rakaman ini akan memberikan manfaat kepada pendengar dan penyelidik serta seterusnya kepada generasi akan datang. Saya sudahi rakaman ini dengan ucapan ribuan terima kasih.

6.0 Ringkasan

Kajian penyelidikan berkaitan peperangan Komunis di Tanah Melayu yang berlaku di Bentong, Pahang. Hal ini bukan pertama kali dikaji oleh penyelidik. Sebelumnya, sudah ada yang mengkaji, hanya penyelidikan kami pada kali ini adalah untuk mendedahkan kepada masyarakat bahawa sejarah peperangan antara Pihak Komunis dan Askar Melayu yang berlaku pada tahun 80-an. Pengkaji juga telah mengupas maklumat sedikit sebanyak daripada tokoh yang berpengalaman atau yang berada di tempat kejadian pada Ketika itu.

Seterusnya, kajian ini dilakukan adalah untuk mendapatkan kesedaran kepada masyarakat pada masa kini dan memupuk semangat patriotik dalam diri masing-masing, terutamanya generasi muda bahawa pentingnya menjaga negara kita daripada dijajah oleh komunis atau negara luar. Kajian ini juga bagi memperingati jasa-jasa pengorbanan Askar Melayu yang berjuang habis-habisan bagi melindungi negara tercinta sehingga ada juga yang sampai terkorban semasa berlawan dengan pihak Komunis pada Ketika itu untuk menjaga maruah Tanah Melayu pada Ketika itu.

Selain itu, kajian ini dilakukan bagi membiarkan atau meneruskan cerita tentang Komunis ini terus mengalir dan tidak dilupakan oleh masyarakat pada masa hadapan

7.0 Log Temubual

Masa	Perkara	Catatan	Kata Kunci
00:00:00 - 00:00:36	Pembuka kata daripada penemubual sebelum memulakan sesi temubual.	Mengucapkan ribuan terima kasih kepada tokoh kerana sudi menemu bual	
00:00:37 - 00:01:20	Latar belakang tokoh	Tokoh menerangkan latar belakang secara kasar mengenai diri beliau.	<ul style="list-style-type: none"> • Nama • Tempat Lahir • Bilangan adik-beradik • Tarikh Lahir
00:01:27 - 00:02:36	Latar belakang ibubapa	Tokoh menerangkan latar belakang ibu dan bapa beliau serta sokongan yang diperolehi.	<ul style="list-style-type: none"> • Nama ibu bapa • Asal keluarga • Sokongan ibubapa • Bentuk sokongan
00:02:48 - 00:03:56	Latar belakang keluarga tokoh	Tokoh bercerita tentang keluarga tokoh.	<ul style="list-style-type: none"> • Isteri • Bilangan anak-anak
00:04:03 - 00:05:27	Latar belakang pendidikan	Tokoh menerangkan pendidikan awal hingga ke pusat latihan ketenteraan.	<ul style="list-style-type: none"> • Pendidikan awal • Institut latihan ketenteraan

00:05:40 - 00:10:43	Latar belakang kerjaya	Tokoh menerangkan bagaimana bermulanya kerjaya beliau	<ul style="list-style-type: none"> • Jawatan • Cita-cita • Tempoh kerjaya • Pencapaian
00:11:02 - 00:11:39	Perihal Ketenteraan Tokoh	Tokoh menceritakan sedikit latar belakang kumpulan askar beliau.	<ul style="list-style-type: none"> • Nama kem • Lokasi kem
00:11:40 - 00:14:53	Perihal Komunis terutamanya di negeri Pahang.	Tokoh menerangkan tentang kekejaman komunis terhadap negara yang memberi kesan buruk serta beberapa individu yang	<ul style="list-style-type: none"> • Operasi Pembersihan Komunis • Sikap penganas Komunis • Kekejaman Komunis • Unit Penggempur Keenam Komunis
00:15:10 - 00:19:08 00:22:30 - 00:23:10	Persediaan perkhidmatan awam, dan perintah berkurung	Tokoh menceritakan suasana latar tempat terutamanya bagi orang awam dan perkhidmatan serta reaksi mereka terhadap perintah berkurung.	<ul style="list-style-type: none"> • Hospital • Pihak Kesihatan • Pergerakan orang awam • Suasana perayaan dan majlis keramaian
00:19:16 - 00:19:52 00:21:42 - 00:22:23	Bentuk ancaman yang	Tokoh bercerita tentang kezaliman Komunis yang	<ul style="list-style-type: none"> • Ugutan • Tembak

00:33:02 - 00:33:20	dihadapi oleh orang awam daripada Komunis	menindas rakyat di Tanah Melayu.	<ul style="list-style-type: none"> • Rampasan
00:20:00 - 00:21:29	Bekalan makanan Komunis	Tokoh terangkan bagaimana penyokong Komunis menyeludup bekalan makanan kepada pengganas Komunis.	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Food dump</i> • Simbol keberadaan bekalan makanan yang disembunyikan
00:25:26 - 00:26:31	Operasi Komunis di Pahang.	Strategi yang digunakan oleh Komunis di Pahang.	<ul style="list-style-type: none"> • Bahagi kepada kumpulan kecil • Nama-nama ketua Komunis
00:27:35 - 00:30:35	Kawalan dan rondaan, tali barut.	Kewujudan tali barut di dalam kalangan komuniti masyarakat yang membantu operasi pengganas Komunis.	<ul style="list-style-type: none"> • Tali barut • Cara Komunis dapatkan maklumat • Cara tali barut berikan maklumat tentang keberadaan tentera • Jenis makanan

			yang dibekalkan oleh penyokong Komunis.
00:35:08 - 00:35:57	Kesan buruk Komunis terhadap negara	Kesan daripada pendudukan Komunis yang mengganggu norma kehidupan masyarakat.	<ul style="list-style-type: none"> • Ekonomi • Sosial • Sukar untuk bekerja
00:36:08 - 00:36:57 00:38:19 - 00:39:20	Motif Komunis terhadap negara	Tujuan Komunis datang ke negara Malaysia.	<ul style="list-style-type: none"> • Jadikan Malaysia sebuah negara Komunis • Ideologi
00:42:20 - 00:42:53	Keadaan tentera semasa berada di dalam hutan	Suasana atau pantang larang tentera semasa masuk ke hutan tempat Komunis	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak bercakap dengan kuat • Kumpulan kecil
00:46:21 - 1:00:22	Persiapan awal pihak askar sebelum masuk ke tempat persembunyi an Komunis	Menerangkan tentang strategi, bagaimana dibahagikan kawasan semasa di dalam hutan, pasukan keselamatan.	<ul style="list-style-type: none"> • Amaran awal • Pasukan keselamatan • Ketua pASUkan • Tempoh persiapan
1:00:29 - 1:12:00 1:16:10 - 1:20:40	Strategi oleh pihak tentera semasa berlakunya	Huraian secara mendalam mengenai prosedur, senjata yang	<ul style="list-style-type: none"> • Sekatan • Taktik penggeledahan

	peristiwa penentangan berlaku	digunakan serta bagaimana menentang pengganas Komunis di Pahang.	<ul style="list-style-type: none"> • Senjata yang digunakan • Alat komunikasi tentera
1:12:12 - 1:15:49	Perihal senjata pengganas Komunis	Menerangkan perihal bekalan senjata, asal senjata dan perbandingan antara senjata Komunis dan tentera.	<ul style="list-style-type: none"> • Senjata • Bekalan senjata • Berbahaya
1:20:50 - 1:24:02	Tindakan Komunis terhadap serangan dilepaskan pihak tentera		<ul style="list-style-type: none"> • Serang hendap • Jerangkap samar
1:24:10 - 1:25:47	Tempat persembunyi an Komunis	Menerangkan situasi lokasi persembunyian pengganas Komunis didalam hutan.	<ul style="list-style-type: none"> • Ada air • Diperbuat daripada bahan yang ada sahaja
1:27:43 - 1:33:20	Pertempuran .	Tempoh pertempuran	<ul style="list-style-type: none"> • Komunis lari • Berbalas serangan • Penangkapan Komunis
1:33:34 - 1:39:20	Taktik pengganas Komunis	Penerangan tentang taktik Komunis semasa pertempuran;	<ul style="list-style-type: none"> • Serangan balas • Berjaya melarikan diri

		bilangan tewas, cedera.	<ul style="list-style-type: none"> • Serangan hendap • Jerangkap samar • Bilangan tewas/cedera
1:39:35 - 1:51:48	Situasi selepas peristiwa penentangan pengganas Komunis	Menerangkan proses selepas tamatnya sesi pertempuran antara dua belah pihak.	<ul style="list-style-type: none"> • Rawatan awal • Hospital • Tindakan terhadap Kmonis yang cedera/tewas • Bilangan Komunis ditangkap • Tindakan terhadap mayat Komunis
1:51:59 - 1:56:58	Sesi penggeledahan tempat persembunyi an Komunis	Menerangkan suasana, apa yang dijumpai serta rupa tempat persembunyian Komunid	<ul style="list-style-type: none"> • Khemah Komunis • Alatan Komunis
1:57:14 - 2:02:03	Cabaran	Menerangkan cabaran yang dihadapi tokoh semasa peristiwa penentangan Komunis berlaku	<ul style="list-style-type: none"> • Detik mencemaska n • Tekanan yang dihadapi
2:02:11 - 2:05:08	Pendapat	Merangkumi pendapat tokoh	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat latihan ketenteraan

		tentang peningkatan untuk keselamatan negara.	<ul style="list-style-type: none"> • Peralatan untuk kegunaan askar
2:17:15 - 2:11:28	Harapan	Harapan tokoh terhadap negara seperti penambahbaikan supaya negara tidak melalui peristiwa buruk ini lagi.	<ul style="list-style-type: none"> • Keselamatan negara • Penambahbaikan kepada tentera
2:11:46 - 2:11:50	Penutup	Ucapan terima kasih kepada tokoh kerana sudi meluangkan masa untuk ditemubual.	<ul style="list-style-type: none"> •

8.0 Kesimpulan

Kesimpulannya, dengan membuat kajian ini dan menemu ramah tokoh, ini dapat memberi pengetahuan yang baru kepada penyelidik seperti dapat mengetahui bagaimana mahu menemu ramah tokoh. Seterusnya, penyelidik dapat mendapat maklumat yang baru mengenai Komunis dan apa yang mereka lakukan di Tanah Melayu pada ketika itu dan bagaimana anggota keselamatan menyusun strategi bagi menghentikan keganasan Komunis di Tanah Melayu. Selain itu, penyelidik juga dapat mengetahui sumber yang sahih kerana penyelidik menemu ramah tokoh itu sendiri yang sudah berpengalaman dalam mengatasi masalah ini atau berpengalaman dalam perperangan bagi menuntut kedamaian di Tanah Melayu. Akhir sekali, dengan membuat kajian ini, penyelidik dapat mempelajari sesuatu yang baru seperti cara bagaimana untuk menemu ramah tokoh dengan lebih tertib atau beradab. Selain itu, penyelidik dapat tahu bagaimana untuk menyusun skrip perbualan bersama tokoh.

9.0 Ralat

Berikut merupakan beberapa gangguan yang tidak dapat dielakkan semasa temubual dijalankan:

- a) Bunyi kerusi
- b) Suara bercakap
- c) Suara batuk
- d) Bunyi helaian kertas dibelek
- e) Suara berdehem
- f) Suara latar kedengaran
- g) Bunyi pen jatuh kedengaran
- h) Bunyi suara kucing
- i) Suara bayi menangis
- j) Bunyi ayam berkокok
- k) Bunyi kenderaan
- l) Bunyi hon kenderaan

10.0 Glosari

Perkataan	Maksud
Admin	Pentadbir
Ambush	Serang
Artileri	Meriam
Action	Tindakan
Adapt	Menyesuaikan
Appell	Dedahkan
At Least	Sekurang- Kurangnya
Alert	Peka
Abide	Patuh
Apply	Memohon
Banet	Pisau
Barrier	Penghalang
Clear	Bersih
Check	Periksa
Core	Teras/Utama
Cross	Lintas
Cover	Pelindung
Complete	Lengkap
Cordon	Kepung
Curfew	Perintah Berkurung
Create	Cipta
Down	Jatuh
Decision Making	Keputusan Dibuat
Detect	Kesan
Expect	Jangka
Escort	Diiringi
Exactly	Lebih Tepat Sekali
Final Board	Panggilan Terakhir
First Priority	Keutamaan Pertama
Food Dump	Makanan Yang Ditanam

Floating	Terapung
First Class	Kelas Pertama
First	Mula
Guide	Panduan
Grab	Cengkam
Group	Kumpulan
Hand Granade	Bom Tangan
Headquarter	Ibu Pejabat
Handset	Perhubungan
Hold	Pegang
In-charge	Yang Ditugaskan
Information	Informasi
Identification Card	Kad Pengenalan
Just	Cuma
Leader	Ketua
Limit	Had
Modified	Diubahsuai
Medical	Perubatan
Moral Support	Sokongan Moral
More	Lebih
Movement	Pergerakan
Number	Nombor
One-go	Sekali gus
Overall	Keseluruhan
Open	Buka
Of Course	Sudah Tentu
One Go	Sekaligus
Pattern	Corak
Percent	Peratus
Pin Down	Tunduk
Proceed	Teruskan
Pack/Packing	Kemas

Rehearsal	Raptai
Report	Lapor
River-Crossing	Menyeberangi Sungai
Repair	Baiki
Radio Set	Radio Perhubungan
Ration	Catuan
Refer	Rujuk
Ranking	Pangkat
Roadblock	Sekatan Jalan Raya
Recommendation	Cadangan
Respect	Hormat
Short Form	Singkatan
Sign	Tanda
Spot	Laluan
So	Jadi
Start	Mula
Set Complete	Set Lengkap
Specialist	Pakar
Short Period	Masa Singkat
Sentri	Pengawal
Slow	Perlahan
Standby	Bersedia
Still	Masih
Simple	Mudah
Stop	Berhenti
Second Command	Arahan Kedua
Strength	Kekuatan
Train	Latih
Treatment	Rawatan
Then	Selepas Itu
Training	Latihan
Then	Selepas Itu

Team	Kumpulan
Upgrade	Naik Taraf
Vague Trap	Jerangkap Samar
Very	Sangat
Winching	Tali Mengangkat Pesakit

11.0 Indeks

A

Ancaman- 20, 22, 28, 29, 30, 31, 96, 119

B

Bom- 38, 45, 48, 49, 55, 57, 61, 63, 65, 81, 84, 87, 91, 104

C

Curfew- 17, 18, 22, 24, 106, 118

F

Food dump- 20, 73, 97, 105

J

Jerangkap Samar- 23, 44, 45, 49, 56, 64, 70, 71, 74, 84, 99, 100, 104

K

Kesihatan- 42, 43, 96, 120

M

Menyamar- 58

P

Perubatan- 42, 43, 64, 68, 105

R

Rampas- 20, 21, 97

Rompak- 16, 19

S

Serangan- 4, 22, 46, 47, 53, 54, 58, 60, 61, 65, 68, 69, 71, 99, 100, 120, 121, 122

Serang Hendap- 19, 25, 55, 58, 61, 62, 99

Senjata- 5, 28, 38, 48, 49, 50, 51, 52, 54, 55, 56, 57, 61, 62, 65, 73, 78, 80, 81, 87, 88
92, 98, 99, 120, 121, 123, 126

Sekatan- 22, 33, 46, 72, 77, 90, 98, 106,

T

Tembak-17, 18, 20, 21, 23, 46, 47, 48, 51, 53, 56, 58, 59, 61, 62, 66, 67, 72, 74, 77, 78,
79, 96,

12.0 Rujukan

- Arkib Negara Malaysia (ANM). (n.d.). OFA: Online Finding Aids. <http://ofa.arkib.gov.my/portal/index.php/en/>
- Baylor University Institute for Oral History. (n.d.). Understanding oral history: Why do it? from <https://www.baylor.edu/content/services/document.php/66420.pdf>
- David E., R. & UNIVERSITY OF CALIFORNIA, SANTA BARBARA. (n.d.). ORAL HISTORY METHODOLOGY, THE ART OF INTERVIEWING. <http://marcuse.faculty.history.ucsb.edu/projects/oralhistory/199xDRussellUCSBOOralHistoryWorkshop.pdf>
- Dalton, S. (2017, August 9). What are oral histories and why are they important? Retrieved from <https://womenslibrary.org.uk/2017/08/09/what-are-oral-histories-and-why-are-they-important/>
- Janovicek, N. (2006). Oral History and Ethical Practice: Towards Effective Policies and Procedures. *Journal of Academic Ethics*, 4(1–4), 157–174. <https://doi.org/10.1007/s10805-006-9017-1>
- Kamil, H. (2020, October 20). KEJADIAN PERTEMPURAN PLATUN UCIS 12 RAMD DENGAN PENGGANAS KOMUNIS DI SEKITAR HUTAN LIPUR CHAMANG, BENTONG PADA TAHUN 1983 (SIRI [Facebook post]. Retrieved from <https://www.facebook.com/groups/163056264396233>
- Muglia, C. (2013, January 7). The Importance of Oral History | Moise A. Khayrallah Center for Lebanese Diaspora Studies | NC State University. Retrieved from <https://lebanesestudies.news.chass.ncsu.edu/2013/01/07/the-importance-of-oral-history/>
- Musa, M. (2018b). Reconstructing the Past through Oral History: A Malaysian Experience. *Kemanusiaan the Asian Journal of Humanities*, 25(Supplement 1), 39–58. <https://doi.org/10.21315/kajh2018.25.s1.3>
- Moyer, J. (1999). Step-by-Step Guide to Oral History. http://dohistory.org/on_your_own/toolkit/oralHistory.html
- NR Naval Historical Center. (n.d.). Oral History: A Guide for Conducting Naval Historical Interviews. Retrieved November 19, 2020, from <https://www.navyhistory.org/wp-content/uploads/2011/04/OralHistoryGuide.pdf>
- Oral History Association. (n.d.). OHA Principle Standard. https://www.oralhistory.org/wpcontent/uploads/2009/10/OHA_principles_standards.pdf
- Perks, R. (2015). *The Oral History Reader* (Routledge Readers in History) (3rd ed.). 711 Third Avenue, New York: Routledge.
- Ritchie, D. A. & Oxford University Press. (2003). *Doing Oral History*. Oxford, United Kingdom: Oxford University Press.
- ResearchArticles.com, & Naeem, S. Purpose of Literature Review. <http://researcharticles.com/index.php/purpose-literature-review/>

Su Lyn, K. & National University of Singapore. (n.d.). FROM FRIEND TO FOE: BRITAIN AND THE COMMUNIST PARTY OF MALAYA IN THE CONTEST FOR THE FEDERATION - ARTICLES. From <https://www.ehm.my/publications/articles/from-friend-to-foe-britain-and-the-communist-party-of-malaya-in-the-contest-for-the-federation>

Sabri, A. Z. S. A. (2019, February 19). Jangan sampai memuja yang menzalimi. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/08/459341/jangan-sampai-memuja-yang-menyalimi>

TRIDIVESH S MAINI. (2011, September 1). Re: Importance of oral history [Comment]. Retrieved from <https://www.orfonline.org/research/importance-of-oral-history/>

Tiew, W. S. (n.d.). Sejarah Zaman Darurat 1948-1960 : Satu Kajian Bibliografi Beranotasi <http://eprints.rclis.org/9181/1/3A0320B9.pdf>


Tay, S. (2018). Communist Party of Malaya | Infopedia. Retrieved from Nlb.gov.sg website: https://eresources.nlb.gov.sg/infopedia/articles/SIP_2018-03-28_141257.html?s=EMERGENCY

13.0 Lampiran

13.1 Biografi tokoh

Encik Azli bin Sulaiman merupakan seorang bekas pesara tentera Rejimen Askar Melayu Diraja Malaysia. Beliau dilahirkan pada 31 Julai 1961 dan mendapatkan pendidikan awal di Sekolah Rendah Sultan Abdullah, Pahang dan di atas minat yang mendalam terhadap tentera, beliau memohon masuk ke sekolah pegawai kadet di Port Dickson. Dari situ lah bermulanya karier beliau sebagai sorang tentera. Pengalaman beliau selama 34 tahun sebagai seorang tentera, merupakan suatu tempoh yang lama. Keterlibatan beliau di dalam peristiwa penting bagi negara amatlah dihargai kerana berkait dengan kemakmuran negara daripada anasir jahat. Pengalaman beliau di dalam menewaskan pengganas Komunis di Tanah Melayu juga adalah suatu pengalaman yang tidak dapat dijual beli.. Kini beliau telah pun bersara daripada tentera dalam beberapa tahun yang lalu.

13.2 Surat Perjanjian



Rajah 1 Surat Perjanjian Mengenai Sejarah Projek Lisan yang telah diberikan kepada tokoh seminggu sebelum membuat preliminary Interview.

Surat Kami : 600-FPM (5/2/1)
Tarih : 2 Disember 2020

Eneik Azil bin Sulaiman
Kampung Panjang Banggu,
16150 Kuala Pilah,
Kuala Lumpur

Tuan,

MEMOHON KEBENARAN UNTUK MELAKUKAN PENYELIDIKAN AKADEMIK

Perkara di atas adalah diujuk.

2. Adalah dimaklumkan pelajar berikut dari Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Kampus Puncak Perdana, Shah Alam berbesar hati untuk menemubui tuan bagi melengkapkan karya kursus penyelidikan akademik berkenaan Pendokumentasian Lisan Sejarah Penentangan Komunis.

3. Tugasan ini adalah diajukan bagi memenuhi kapertuan "Oral Documentation" (IMR 804).

4. Senarai nama pelajar yang terlibat-

NAMA	NO PELAJAR UITM	NO.TEL
Nur Syakirah binti Azil	2018083276	019-9852370
Nurfarisha Jameen binti Jomauudin	2018263608	011-36390098

5. Untuk rujukan pihak tuan, berikut adalah senarai beberapa objektif temubuah berkaitan projek penyelidikan ini:

- Untuk mengkaji tentang situasi ketika peristiwa penentangan Komunis di Tanah Melayu
- Untuk mengatahui pengalaman tokoh ketika Komunis menyerang Tanah Melayu
- Untuk merungkajkan tugas tokoh semasa berlakunya penentangan Komunis di Tanah Melayu

6. Karsaama dan perhatian yang diberikan oleh pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan ditutup dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

JAFALIZAN BIN MO JALI
Pensyarah Karan
b.p Dekan

Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA
Guru Mahasiswa Pengurusan Maklumat

Rajah 2 Surat Perjanjian memohon kebenaran bagi melaksanakan Projek penyelidikan Akademik sebelum melakukan interview Bersama tokoh.

13.3 Senarai Soalan

Soalan Orientasi

Latar Belakang Tokoh

a) Boleh tuan ceritakan tentang latar belakang tuan?

1. Apakah nama penuh tuan?
2. Di manakah tuan dilahirkan?
3. Bilakah tuan dilahirkan?
4. Apakah nama panggilan tuan?
5. Dimanakah tuan dilahirkan?
6. Tuan anak keberapa?
7. Berapakah bilangan adik-beradik tuan?

Latar Belakang Ibu Bapa Tokoh

- b) Bolehkah tuan menceritakan latar belakang ibu bapa tuan?
8. Apakah nama ayah tuan?
9. Apakah nama ibu tuan?
10. Ibu bapa tuan berasal dari mana?
11. Adakah ibu bapa tuan menyokong penuh tuan berkhidmat sebagai tentera?
12. Apakah bentuk sokongan yang diberikan oleh ibu dan bapa tuan?

Keluarga

- c) Bolehkah tuan ceritakan tentang latar belakang keluarga tuan?
13. Siapa nama isteri tuan?
14. Berapakah bilangan anak-anak tuan?
15. Bagaimanakah penerimaan isteri tuan terhadap kerjaya tuan semasa berkhidmat sebagai tentera?
16. Adakah anak-anak tuan yang berminat menceburi bidang ketenteraan?

Pendidikan

- d) Bolehkah tuan menceritakan latar belakang pendidikan tuan?
- 17. Dimanakah tuan mendapatkan pendidikan awal
- 18. Dimanakah tuan mendapatkan pendidikan menengah?
- 19. Dimanakah tuan mendapatkan latihan ketenteraan?
- 20. Apakah nama institut latihan ketenteraan yang tuan sertai sebelum berkhidmat?
- 21. Institut latihan tersebut terletak di mana?
- 22. Berapa tempoh masa latihan ketenteraan?

Kerjaya

- e) Bolehkah tuan ceritakan latar belakang kerjaya tuan?
- 23. Apa yang menyebabkan tuan terlibat dalam bidang ketenteraan?
- 24. Adakah tuan bercita-cita untuk menjadi tentera sejak kecil?
- 25. Adakah tuan menjadi tentera atas sebab dorongan keluarga?
- 26. Apakah pekerjaan tuan sebelum menceburi bidang ketenteraan?
- 27. Siapakah yang menjadi pendorong tuan di dalam bidang ketenteraan?
- 28. Apakah jawatan tertinggi tuan sepanjang berkhidmat sebagai tentera?
- 29. Apakah jawatan tuan di dalam bidang ketenteraan semasa tuan bersara?
- 30. Berapa lamakah tuan telah berkecimpung di dalam bidang ketenteraan?
- 31. Sudah berapa lamakah tuan bersara daripada dunia tentera?
- 32. Pada tahun berapa tuan mula menjadi tentera?
- 33. Berapakah umur tuan semasa menjadi tentera?
- 34. Sepanjang berkhidmat sebagai tentera, apakah pencapaian tertinggi yang pernah tuan capai?
- 35. Adakah terdapat ujian saringan untuk menyertai tentera?

COMMON QUESTION

Perihal Komunis

- f) Boleh tuan ceritakan serba sedikit sedikit tentang komunis?
- 36. Bagaimana komunis datang ke Malaya?
- 37. Siapakah ketua kepada pengganas komunis?
- 38. Apakah majoriti bangsa yang menyertai komunis?
- 39. Sikap pihak komunis terhadap orang-orang awam?
- 40. Bagaimana pihak komunis beroperasi didalam sesuatu kawasan?
- 41. Apakah pandangan tuan kepada pengganas komunis?
- 42. Apakah kesan pengganas komunis terhadap negara?
- 43. Mengapakah pengganas komunis menyerang Malaya?
- 44. Apakah pandangan tuan terhadap pengganas komunis?
- 45. Bagaimana pengganas komunis mendapat bekalan makanan?
- 46. Apa yang komunis mahukan daripada negara?
- 47. Sudah berapa lama pengganas komunis itu duduk di negara kita?
- 48. Adalah terdapat tali barut yang membantu pihak komunis?
- 49. Bagaimanakah keadaan negara pada waktu peristiwa penentangan pengganas komunis itu berlaku?
- 50. Apakah lokasi yang menjadi tempat tumpuan pengganas komunis? (geografi)

Asbab Peperangan Berlaku

- g) Apakah yang menyebabkan peperangan berlaku?
- 51. Siapakah musuh utama
- 52. Perpecahan kaum
- 53. Agama manakah yang menjadi sasaran pengganas komunis?
- 54. Bangsa mana yang menjadi sasaran komunis?

Suasana Latar Tempat

- h) Bagaimanakah suasana semasa darurat?
- 55. Keadaan kenduri kahwin disambut?

56. Suasana perayaan disambut bagaimana?
- Hari Raya Aidilfitri/Aidiladha
 - Deepavali
 - Tahun Baru Cina
 - Hari Natal
57. Dalam banyak-banyak perayaan, sambutan perayaan manakah yang disokong oleh komunis?
58. Upacara keagamaan
- Solat jumaat
 - Kuil
 - Gereja
 - Tokong

Bagaimakah operasi perkhidmatan berlaku?

59. Hospital
60. Balai Polis
61. Sekolah
62. Bomba
63. Kedai makan
64. Pasar
65. Balairaya
66. Masjid

Macam mana pelajar mendapat pendidikan pada ketika itu?

67. Sekolah rendah
68. Sekolah menengah
69. Institut latihan polis, tentera, guru
70. Sekolah pondok
71. Apa medium yang digunakan?

Apakah had masa ketika itu? (curfew)

72. Sampai pukul berapa boleh keluar
73. Apa tindakan kalau melebihi had masa?
74. Keluar boleh berapa orang?

75. Hanya wakil rumah sahaja boleh keluar/ramai?
76. Ada tak had beli barang keperluan harian?

Bagaimana situasi kehidupan harian terhadap golongan yang lemah ketika itu?

77. Golongan wanita
78. Golongan kanak-kanak
79. Golongan warga emas
80. Bagaimana golongan kanak-kanak bermain pada ketika itu?
81. Kanak-kanak bebas bermain atau tak?
82. Apa yang mereka terpaksa hadapi sepanjang darurat?
83. Bentuk ancaman yang diterima oleh mereka?
84. Bagaimana mereka mempertahankan diri?
85. Ada belajar seni pertahankan diri?

Tugas Tokoh semasa Penentangan Komunis

- g) Apakah penglibatan tuan sepanjang peristiwa penentangan pengganas komunis?
86. Apakah tugas tuan semasa peristiwa penentangan komunis?
87. Apakah nama platur atau batalion yang tuan pernah sertai ketika peristiwa tersebut?
88. Adakah tuan mempunyai nama samaran semasa menjadi tentera?
89. Dekat mana tuan jadi tentera sepanjang bertugas?

Situasi Sebelum Penentangan Komunis

- h) Bolehkah tuan ceritakan situasi sebelum penentangan pengganas komunis berlaku?
90. Bagaimanakah anggota tentera mendapatkan maklumat berkaitan pengganas komunis di negara kita pada waktu tersebut?
91. Apakah klasifikasi/tahap maklumat yang diperolehi berkaitan pengganas komunis?
92. Bagaimanakah persediaan awal dilakukan oleh anggota tentera?

93. Siapakah ketua bagi platun tuan pada peristiwa penentangan pengganas komunis?
94. Siapakah Menteri Pertahanan pada masa itu?
95. Adakah kerajaan pada masa itu memberi bantuan? (kewangan, perkakasan, senjata, kenderaan)
96. Bagaimanakah strategi yang dipraktikkan semasa peritiwa tersebut berlaku?
97. Berapakah bilangan anggota tentera yang tercedera semasa penentangan berlaku?
98. Berapakah bilangan anggota tentera yang tewas semasa penentangan pengganas komunis berlaku?
99. Adakah terdapat pASUkan kesihatan yang telah bersiap-siaga untuk melakukan rawatan awal?
100. Siapa yang bertanggungjawab bagi pASUkan kesihatan? (ketua)
101. Berapa lamakah masa untuk anggota tentera melakukan persiapan untuk menentang pihak komunis?
102. Bagaimanakah anggota tentera bergerak ke tempat persembunyian pengganas komunis?
103. Kenderaan apa yang digunakan oleh anggota tentera untuk sampai ke kawasan persembunyian?
104. Berapa lama tempoh masa untuk sampai ke tempat penyebunyian pengganas komunis tersebut?

Situasi Semasa Penentangan Komunis

- i) Bagaimanakah situasi semasa penentangan komunis berlaku?
105. Apakah peralatan-peralatan yang digunakan oleh tentera semasa penentangan berlaku?
106. Apakah senjata yang digunakan oleh anggota tentera?
107. Berapa jauhkah jarak antara markas tentera dan tempat persembunyian komunis?
108. Bagaimanakah anggota tentera mendapat bekalan senjata?
109. Bagaimanakah anggota tentera berkomunikasi sesama mereka?
110. Apakah alatan yang digunakan oleh anggota tentera untuk berkomunikasi?
111. Pihak mana yang memulakan serangan?
112. Adakah terdapat serangan daripada pengganas komunis?

113. Bagaimanakah tentera mengesan kehadiran komunis?

Senjata

j) Apakah peralatan-peralatan yang digunakan oleh pengganas komunis semasa penentangan berlaku?

114. Apakah senjata yang digunakan oleh komunis semasa peristiwa penentangan berlaku?

115. Bagaimanakah komunis mendapatkan bekalan senjata?

116. Adakah senjata mereka berbahaya?

Strategi Anggota Tentera

k) Apakah strategi yang dilakukan oleh anggota tentera?

117. Adakah terdapat serangan psikologi yang dilaksanakan terhadap pengganas komunis?

118. Apakah tujuan serangan psikologi dilakukan terhadap pengganas komunis?

119. Apakah nama strategi yang digunakan anggota tentera?

120. Apakah tindakan dari pengganas komunis menghadapi serangan?

121. Bagaimanakah semangat kerjasama antara kumpulan tuan?

122. Dimanakah tempat persembunyian pengganas komunis itu terletak?

123. Adakah terdapat bantuan daripada pihak lain semasa peristiwa penentangan pengganas komunis?

124. Adakah pengganas komunis terkena serangan yang dilepaskan?

125. Berapa lamakah tempoh masa untuk anggota tentera menangkap pihak komunis di tempat persembunyian mereka?

126. Berapa lamakah tempoh masa berlakunya perperangan antara tentera dengan pangganas komunis?

127. Berapa kali pertempuran berlaku antara tentera dan pengganas komunis?

128. Jarak masa antara perperangan? (minit/jam)

129. Bilangan pengganas komunis yang berjaya ditangkap?

Taktik Pengganas Komunis

l) Apakah strategi yang dilakukan oleh pengganas komunis?

130. Apakah teknik yang digunakan oleh pengganas komunis semasa kejadian berlaku?

131. Terdapat serangan balas atau terhadap anggota tentera?
132. Adakah terdapat pengganas komunis yang berjaya melarikan diri?
133. Komunis melakukan serangan hendap terhadap anggota tentera?
134. Adakah terdapat perangkap/jerangkap samar yang dibina oleh pengganas komunis?
135. Berapakah bilangan pengganas komunis yang tercedera semasa penentangan berlaku?
136. Adakah pengganas komunis yang tewas semasa penentangan berlaku?
137. Berapakah bilangan pengganas komunis yang tewas semasa penentangan berlaku?

Selepas Penentangan

- m) Bagaimanakah situasi terhadap anggota tentera selepas penentangan pengganas komunis?
138. Adakah terdapat anggota tentera lain yang cedera semasa peristiwa itu berlaku?
 139. Apakah rawatan awal yang dilaksanakan terhadap tentera yang tercedera?
 140. Siapakah yang melakukan rawatan awal terhadap anggota tentera yang tercedera?
 141. Apa nama ubat yang diberikan?
 142. Di hospital manakah tentera yang tercedera mendapatkan rawatan selanjutnya?
 143. Anggota yang tewas? (bilangan)
 144. Tindakan terhadap anggota tentera yang tewas?
 145. Berapakah jarak perjalanan antara tempat kejadian penentangan pengganas komunis dengan hospital terdekat untuk mendapatkan rawatan?
 146. Tindakan anggota tentera terhadap pengganas komunis yang melarikan diri?
 147. Pengganas komunis yang berjaya melarikan diri berjaya ditangkap?
- n) Apakah tindakan terhadap pengganas komunis pula?
148. Bagaimana pengganas komunis menyerahkan diri?
 149. Bilangan yang cedera
 150. Bilangan yang tewas
 151. Rawatan kepada komunis?

152. Tindakan pada mayat komunis?

Sesi Penggeledahan Tempat Persembunyian Komunis

o) Apakah tindakan yang dilaksanakan oleh anggota tentera sebaik sahaja pihak komunis menyerah diri?

153. Adakah anggota tentera melakukan penggeledahan?

154. Apakah yang dijumpai?

155. Rupa tempat persembunyian komunis?

156. Apakah tugas lanjutan tentera selepas pembersihan tempat persembunyian pengganas komunis?

SPECIFIC QUESTION

Cabaran

p) Apakah cabaran semasa peristiwa berlaku?

157. Detik mencemaskan sepanjang berkhidmat sebagai tentera?

158. Apakah peristiwa sedih yang tuan dan anggota tuan hadapi sepanjang karier tuan?

159. Dari segi kelengkapan senjata

160. Bilangan askar?

161. Tekanan yang dihadapi menghadapi musuh

Pendapat

q) Apakah pendapat tuan untuk meningkatkan keselamatan negara selepas peristiwa itu?

162. Pusat latihan ketenteraan

163. Persediaan peralatan untuk berperang

Harapan

s) Apakah harapan tuan selepas peristiwa itu berlaku?

164. Keselamatan negara

165. Negara

166. Penambahbaikan kepada persediaan tentera

167. Adakah tuan mahu generasi tuan turut menyertai bidang ketenteraan?

13.4 Diari Penyelidikan

Tarikh, Platform/Lokasi	Masa	Catatan
12/10/2020 Aplikasi Zoom	8:15 pagi	i. Pengenalan tentang Kursus Oral Documentation ii. Membentuk kumpulan iii. Berbincang berkaitan tajuk projek
19/10/2020 Google Meet	4:30 petang	i. Mengenalpasti projek penyelidikan yang berpotensi untuk dilaksanakan ii. Mula mencari maklumat berkaitan tajuk di Internet.
26/10/2020 Google Meet	8:15 pagi	i. Perbincangan bersama pensyarah tentang projek yang akan dilaksanakan.
6/11/2020	8:15 pagi	i. Mula melakukan kertas kerja projek ii. Dan memuat naik ke Turn-It In
9/11/2020	8:15 pagi	i. Memuat naik kertas kerja ke dalam Turn-It In
14/11/2020	8:15 pagi	i. Pembetulan kertas kerja setra surat kebenaran projek yang telah dibincangkan dengan pensyarah
25/11/2020	8:15 pagi	i. Pembetulan kertas kerja projek ii. Memuat naik ke dalam Turn-It In
10/12/2020	5:00 - 6:30 petang	i. Sesi <i>preliminary interview</i>
14/12/2020 Google Meet	10:30 - 11:00 malam	i. Perbincangan berkenaan soalan bagi temubual bersama pensyarah
19/12/2020 Felda Jengka 19, Pahang.	10:00 - 2:00 petang	i. Sesi temu bual sebenar secara bersemuka dengan tokoh
20/12/2020	9:00 pagi	i. Mula melakukan kerja transkrip

21/12/2020 Google Meet	8:15 pagi	i. Sesi perbincangan transkrip bersama pensyarah serta menerima komen dan nasihat untuk memperbaiki cara transkrip perbualan.
4/1/2021 Google Meet	8:15 pagi	i. Sesi konsultasi artikel bersama pensyarah
18/1/2021 Google Meet	8:15 pagi	i. Perbincangan transkripsi penuh projek sejarah lisan ii. Berbincang mengenai material yang perlu dimasukkan ke dalam transkripsi.
19/1/2021 23/1/2021	- 8:15 pagi	i. Proses menyiapkan transkripsi penuh dan hantar kepada pensyarah ii. Pengumuman penyelia untuk artikel
26/1/2021	7:00 petang	i. Penyerahan transkrip


13.5 Lampiran Gambar



Rajah 3 Preliminary Interview dijalankan Bersama Encik Azli Pada 7 December di Kota Bharu, Kelantan bagi memberi keselesaan antara tokoh Bersama penyelidik sebelum melakukan interview sebenar



Rajah 4 Gambar Semasa sesi Temubual antara Encik Azli dan penyelidik pada 19 December bersamaan Hari Sabtu yang bertempat di Jengka, Pahang.



Arkib Negara Malaysia

Rajah 5 gambar askar Komunis bersama senjata yang telah dikumpul untuk menyerang askar di Tanah Melayu. Sumber daripada Arkib Negara Malaysia



Rajah 6 Gambar Askar Tanah Melayu ketika Komunis meyerang Tanah Melayu pada ketika itu. Sumber daripada Arkib Negara Malaysia.



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya **AZLI BIN SULAIMAN** K/P pada
7 Disember 2020 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:-
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyeleidik.

(Azli Bin Sulaiman)
Tarikh: 7 Disember 2020

(Jafalizan Bin Md. Jali)
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya **AZLI BIN SULAIMAN** K/P pada
7 Disember 2020 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:-
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyeleidik.

(Azli Bin Sulaiman)
Tarikh: 7 Disember 2020

(Jafalizan Bin Md. Jali)
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA